



## PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

SOCIAL SECURITY ORGANISATION





## RASIONAL KULIT

### Cover Rationale

Perlindungan Keselamatan Sosial kepada warga pekerja amat penting dalam memastikan kesejahteraan sosial pekerja dan tanggungan mereka daripada kejadian luarjangka. PERKESO komited dalam melaksanakan fungsi dan peranannya sebagai pelindung keselamatan sosial kepada semua warga pekerja dalam kepelbagaian sektor pekerjaan menerusi skim-skim perlindungan yang disediakan.

Social Security Protection is very important in ensuring the social well-being of employees and their dependants due to unforeseen circumstances. SOCSO is committed in carrying out its function and role as the social security provider for all employees in various employment sectors through the protection schemes available.





## RASIONAL LOGO

**Logo Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)** telah dilancarkan pada tahun 1986. Tiga figura secara simbolik melambangkan semangat kerjasama tripartisme di antara kerajaan, majikan dan pekerja ke arah mencapai matlamat keselamatan sosial pekerja.

Bentuk-bentuk heksagon yang rapat melambangkan peranan tiga pihak iaitu kerajaan, majikan dan pekerja dalam pembangunan negara melalui program keselamatan sosial.

Tiga segi seperti piramid menuju ke atas melambangkan bahawa PERKESO adalah sebuah pertubuhan yang dinamik dalam memberi perlindungan keselamatan sosial kepada golongan pekerja.

Warna biru mencerminkan keadilan sosial dalam pentadbiran keselamatan sosial dan hijau mencerminkan keharmonian, kesegaran dan kecerdasan yang diperlukan bagi menjamin pencapaian perlindungan keselamatan sosial.

## LOGO'S RATIONALE

**The Social Security Organisation's (SOCSO)** logo was launched in 1986. The three figures symbolise the spirit of tripartite cooperation between the government, employer and employee towards achieving employees' social security objectives.

The interlocking hexagons portray the roles of the three parties, namely, the government, employer and employee, in the development of the nation through social security programmes.

The three pyramid-like triangles pointing upwards depict SOCSO as a dynamic organisation that provides social security protection to employees.

The colour blue represents social justice in the administration of social security and green represents the harmony, freshness and vitality required to ensure social security protection is achieved.

## KANDUNGAN CONTENTS

7

AHLI LEMBAGA  
Board Members

25

AHLI  
PANEL PELABURAN  
Investment Panel  
Members

28

KUMPULAN  
PENGURUSAN  
Management Team

36

PROFIL KORPORAT  
Corporate Profile

43

PERUTUSAN  
PENGERUSI  
Chairman's Statement

55

PERUTUSAN  
KETUA EKSEKUTIF  
Statement By The  
Chief Executive

64

PETUNJUK UTAMA  
PRESTASI  
Key Performance  
Indicator

112

LAPORAN AKTIVITI  
Activities Report

158

ANUGERAH &  
PENGIFTIRAFAN  
Awards  
& Recognition

166

DIARI KORPORAT  
Corporate Diary

190

PENYATA KEWANGAN  
Financial Statements

243

LAPORAN STATISTIK  
Statistical Reports



## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

MINISTRY OF HUMAN RESOURCES



**YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM**  
**MENTERI SUMBER MANUSIA**  
MINISTER OF HUMAN RESOURCES



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
MINISTRY OF HUMAN RESOURCES



**YB DATO' SRI HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB**  
**TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA**  
DEPUTY MINISTER OF HUMAN RESOURCES

**"Pelan Strategik PERKESO 2011-2015**  
merupakan inisiatif ke arah mencapai  
matlamat Visi dan Misi PERKESO  
bagi meningkatkan kecemerlangan  
pengurusan Organisasi menerusi empat  
teras strategik utama iaitu Meningkatkan  
Kefahaman dan Kesedaran Keselamatan  
Sosial, Memperkuuh Keberkesanan  
Pengoperasian Penyampaian  
Perkhidmatan, Memperkasa Keupayaan  
dan Kapasiti Modal Insan serta  
Mengekalkan Kemampunan Dana"

**"The SOCSO Strategic Plan 2011-2015** is an initiative towards  
achieving the Vision and Mission of SOCSO to enhance the  
Organisation's management excellence through four strategic  
thrusts, namely to Increase Understanding and Awareness of  
Social Security, to Strengthen the Effectiveness of Service Delivery  
Operations, to Empower the Capability and Capacity of  
Human Capital and to Perpetuate the Sustainability of Funds"

## AHLI LEMBAGA BOARD MEMBERS

### DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID

Pengerusi

Chairman

### DATUK K. SELVARAJAH

Ketua Eksekutif

Chief Executive

### ENCIK LIM SENG GIM

Ahli Mewakili Kementerian Kewangan

Member Representing the Ministry of Finance

### DATO' MOHD SAHAR BIN DARUSMAN

Ahli Mewakili Kementerian Sumber Manusia

Member Representing the Ministry of Human Resources

### DR. HAJI DAUD BIN ABDUL RAHIM

Ahli Mewakili Kementerian Kesihatan

Member Representing the Ministry of Health

### ENCIK JOHN CHUA KHENG CHEW

### ENCIK ALAN KHOO CHOOM KWONG

### DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI

### ENCIK RAMADASS A/L ARUMUGAM

Ahli Mewakili Majikan

Members Representing the Employers

### ENCIK A. NAVAMUKUNDAN

### TUAN HAJI MOHAMAD IBRAHIM

BIN HAJI HAMID A.B.S

### ENCIK AWANG ALI BIN AHMAD RAJI @ AMAT

### ENCIK ABDUL HALIM BIN MANSOR

(sehingga / till 31.05.2014)

### ENCIK GOPALKISHNAM NADESAN

(mulai / w.e.f 01.06.2014)

Ahli Mewakili Orang Berinsurans

Members Representing the Insured Persons

### ENCIK LEE SIANG CHIN

### DATO' DR. VASAN SINNADURAI

### DATIN PADUKA HAJAH SERIPAH NOLI

BINTI SYED HUSSIN

Ahli Mempunyai Pengalaman dalam Keselamatan Sosial

Members with Experience in Social Security

### DATO' ABDUL AZIZ BIN ABU BAKAR

### ENCIK SI KIANG SENG

### ENCIK MOHAMMED AMIN BIN AZIZ

### ENCIK ISMAIL BIN ASSIM

Ahli Silih Ganti

Alternate Members

### ENCIK RAHIM BIN MOHAMAD

Setiausaha Lembaga

Secretary of the Board

### ENCIK ABDULLAH KAMAL BIN AHMAD

Penolong Setiausaha Lembaga

Assistant Secretary of the Board

## PROFIL AHLI LEMBAGA

### BOARD MEMBERS' PROFILE



#### DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID

Pengerusi Lembaga

Chairman of the Board

Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid telah dilantik sebagai Pengerusi Lembaga bermula pada 1 Ogos 2009. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan beliau adalah seorang yang berpengalaman luas dalam bidang kewangan, industri logistik dan pos. Antara sektor korporat yang pernah mendapat khidmat beliau termasuklah Pos Malaysia, Bank Simpanan Nasional, Public Bank, Citibank, Chase Manhattan (sekarang dikenali sebagai JP Morgan Chase), Maybank dan pernah dilantik sebagai Ahli Penasihat Kumpulan VISA Antarabangsa. Ketika ini, beliau adalah juga Ahli Lembaga Pengarah United Overseas Bank (Malaysia) dan beliau mempengerusikan Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko serta Ganjaran.

Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid was appointed as Chairman of the Board with effect from 1 August 2009. He holds a Bachelor of Economics degree and has extensive experience in finance, logistics and postal industries. He has served in Pos Malaysia, Bank Simpanan Nasional, Public Bank, Citibank, Chase Manhattan (now JP Morgan Chase), Maybank and has been appointed as a member of the International Advisory VISA Group. At present, he is also a Board Member of the United Overseas Bank (Malaysia) and chairs the Risk Management and Remuneration Committees.

**PROFIL AHLI LEMBAGA**  
BOARD MEMBERS' PROFILE

**DATUK K. SELVARAJAH**

**Ketua Eksekutif**

Chief Executive

Datuk K. Selvarajah telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif PERKESO pada 11 November 2008. Berkelulusan Ijazah Sarjana Perhubungan Perusahaan dari University of Bath, United Kingdom dan pemegang Ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Berpengalaman luas dalam sektor awam di pelbagai Jabatan dan Kementerian. Sebelum menyertai PERKESO, beliau merupakan Pengarah Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia, Jabatan Kimia Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (2003-2008); Ketua Penolong Pengarah (Perancangan & Pembangunan), Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri (1996-2003); Pengarah Perancangan & Pembangunan, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (1991-1996); Penyelaras Program, Pusat Pembangunan Pengurusan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) (1986-1991); Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perundingan, Jabatan Perkhidmatan Awam (1982-1984); Penolong Pengarah, Pasukan Petugas Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam (1980-1982) dan Penolong Pengarah (Perdagangan Antarabangsa), Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (1977-1980). Selain itu beliau telah menerima penghormatan sebagai Honorary Fellow of the Faculty of Occupational Medicine, Royal College of Physicians of Ireland.

Datuk K. Selvarajah was appointed as the Chief Executive of SOCSO on 11 November 2008. He holds a Master in Industrial Relations from the University of Bath, United Kingdom and a Bachelor of Economics from the University of Malaya, Kuala Lumpur. His vast experience in the public sector spans various departments and ministries. Before joining SOCSO, he was the Director of Management Services and Human Resources, Chemistry Department, Ministry of Science, Technology and Innovation (2003-2008); Principal Assistant Director (Planning & Development), Office of the Chief Registrar of the Federal Court, Prime Minister's Department (1996-2003); Director of Planning & Development, Legal Affairs Division, Prime Minister's Department (1991-1996); Programme Coordinator, Centre for Management Development, Institute of Public Administration (INTAN) (1986-1991) and Principal Assistant Director, Negotiation Division, Public Services Department (1982-1984); Assistant Director, Pension Task Force, Public Services Department (1980-1982) and Assistant Director (International Trade), Ministry of Trade and Industry (1977-1980). He was made an Honorary Fellow of the Faculty of Occupational Medicine, Royal College of Physicians of Ireland.



**PROFIL AHLI LEMBAGA**  
BOARD MEMBERS' PROFILE**ENCIK LIM SENG GIM**

Mewakili Kementerian Kewangan  
Representing the Ministry of Finance

Encik Lim Seng Gim merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian (Sektor Makro) di Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan. Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO Mewakili Kementerian Kewangan pada 1 April 2013. Berkelulusan Diploma in Public Administration (INTAN), B. Soc. Sc (Hons), USM dan Master in Business Administration, University of Birmingham, United Kingdom.

Berpengalaman luas dalam sektor awam di pelbagai Jabatan dan Kementerian. Beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Kastam Tingkatan 1, Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat, Penolong Pengarah di Unit Perancangan Ekonomi, Negeri Perak. Beliau seterusnya ditugaskan sebagai Ketua Penolong Setiausaha di Bahagian Analisa Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan. Seterusnya menjawat jawatan sebagai Ketua Seksyen (Makroekonomi), Bahagian Analisa Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Institut Pengajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).

Mr. Lim Seng Gim, who is the Divisional Deputy Secretary (Macroeconomics) in the Fiscal & Economics Division, Ministry of Finance, was appointed to the Board as a Representative of the Ministry of Finance on 1 April 2013. He holds a Diploma in Public Administration (INTAN), a B. Soc. Sc (Hons), USM and a Master in Business Administration, University of Birmingham, United Kingdom.

He has extensive experience in the public sector in various Department and Ministries. He started his career as a Customs Officer, and then as Assistant Social Welfare Officer, and was later appointed as Assistant Director in the Economic Planning Unit of the State of Perak. He was later assigned as Principal Assistant Secretary for the Economics & International Division, Ministry of Finance. Prior to his present position he was the Head of Macroeconomics, Ministry of Finance. Mr Lim is also a board member of the Institute of Strategic and International Studies (ISIS).



**PROFIL AHLI LEMBAGA**  
BOARD MEMBERS' PROFILE

**DATO' MOHD SAHAR BIN DARUSMAN**

Mewakili Kementerian Sumber Manusia

Representing the Ministry of Human Resources

Dato' Mohd Sahar Bin Darusman merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Antarabangsa), Kementerian Sumber Manusia dan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO pada 16 Ogos 2013. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Sosiologi, UKM (1981), Diploma Pentadbiran Awam (INTAN) (1982), Diploma dalam Pengurusan Maklumat Pembangunan, University of Birmingham, UK (1993) dan Ijazah Sarjana dalam Sains Sosial, University of Birmingham, UK (1994).

Berpengalaman luas dalam sektor awam di pelbagai Jabatan dan Kementerian. Beliau mula berkhidmat sebagai Penolong Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri, Cawangan Sarawak (1983-1987), Penolong Pengarah Cawangan Skim, Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (1988-1994), Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kabinet, Jabatan Perdana Menteri (1994-1998), sebelum berpindah ke Kementerian Sumber Manusia pada tahun 1998 sebagai Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar dan Setiausaha Bahagian, Bahagian Dasar Sumber Manusia (2004). Beliau memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Antarabangsa), Kementerian Sumber Manusia mulai Oktober 2009 sehingga sekarang.

Dato' Mohd Sahar Bin Darusman, who is the Deputy Secretary General (Policy and International Affairs), Ministry of Human Resources, was appointed to the Board of SOCSO on 16 August 2013. He holds a Bachelor of Arts (Hons) in Sociology, UKM (1981), a Diploma in Public Administration (INTAN) (1982), a Diploma in Information Management for Development, University of Birmingham, UK (1993) and a Master degree in Social Science, University of Birmingham, UK (1994).

He has extensive experience in various departments and ministries in the public sector. He started his service as Assistant Director, Administrative Modernisation and Manpower Planning (MAMPU), Prime Minister's Department, Sarawak Branch (1983-1987) and served as Assistant Director for the Scheme Branch, Division of Personnel, Public Service Department (1988-1994), Principal Assistant Secretary of the Cabinet Division, Prime Minister Department (1994-1998), before moving to the Ministry of Human Resources in 1998 as the Principal Assistant Secretary, Policy Planning and Research Division and Undersecretary for Human Resources Policy Division (2004), Ministry of Human Resources. Currently he holds the post of Deputy Secretary General (Policy and International Affairs), Ministry of Human Resources, a position he has held since October 2009.



**PROFIL AHLI LEMBAGA**  
BOARD MEMBERS' PROFILE**DR. HAJI DAUD BIN ABDUL RAHIM****Mewakili Kementerian Kesihatan**

Representing the Ministry of Health

Dr. Haji Daud bin Abdul Rahim merupakan Ketua Sektor Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, Cawangan Penyakit Tidak Berjangkit, Bahagian Kawalan Penyakit dan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Kementerian Kesihatan mulai 1 Ogos 2011. Beliau memiliki Ijazah Perubatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan memiliki MPH dari University of Philippines, Manila. Beliau mula berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di Hospital Melaka pada tahun 1981 dan pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada tahun 2007-2010.

Dr. Haji Daud bin Abdul Rahim, who is the Head of the Occupational and Environmental Health Sector, Non-communicable Diseases Branch, Disease Control Division, was appointed as a Board Member Representing the Ministry of Health from 1 August 2011. Dr. Hj. Daud graduated with a Medical Degree from the National University of Malaysia (UKM) and holds a MPH from the University of Philippines, Manila. He started his career as a Medical Officer at the Melaka Hospital in 1981 and has served as the Director of Sultanah Aminah Hospital, Johor Bahru from 2007-2010.



**PROFIL AHLI LEMBAGA**  
BOARD MEMBERS' PROFILE

**ENCIK JOHN CHUA KHENG CHEW**

**Mewakili Majikan**

Representing the Employers

Encik John Chua Kheng Chew telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Majikan sejak 1 Ogos 2001. Beliau merupakan Setiausaha Eksekutif, Dewan Perdagangan dan Industri Sarawak. Berkelulusan Diploma Pembangunan Perniagaan dari Asian Institute of Management, Filipina dan Sijil Prinsipal Am Undang-Undang, London.

Mr. John Chua Kheng Chew was appointed as a Board Member Representing Employers on 1 August 2001. Holding a Diploma in Business Development from the Asian Institute of Management, Philippines and a General Principles of Law Certificate, London, he is currently the Executive Secretary to the Chambers of Commerce and Industry of Sarawak.



**PROFIL AHLI LEMBAGA**  
BOARD MEMBERS' PROFILE**ENCIK ALAN KHOO CHOOM KWONG****Mewakili Majikan**

Representing the Employers

Encik Alan Khoo Choom Kwong berpengalaman dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia. Ketika ini beliau adalah Pengurus Kanan Sumber Manusia di Syarikat Perladangan tersenarai di Sabah. Beliau telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Majikan bermula pada 1 April 2002. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Charles Sturt University, Australia dan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), University of Windsor, Canada. Pada masa ini, beliau merupakan Pengerusi Persatuan Perundingan Majikan-Majikan Sabah (SECA) dan Ahli Majlis Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF). Beliau juga telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) dan Ahli Lembaga Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) di bawah Kementerian Sumber Manusia, Malaysia.

Mr. Alan Khoo Choom Kwong is experienced in the field of Human Resources Management. He is currently the Senior Manager - Human Resources of a Listed Plantations Company in Sabah. He was appointed to the Board Representing Employers on 1 April 2002. He holds a Master in Business Administration (MBA) from the Charles Sturt University, Australia and a Bachelor of Arts (Economics) from the University of Windsor, Canada. He presently serves as the Chairman for the Sabah Employers' Consultative Association (SECA) and the Council Member for the Malaysian Employers' Federation (MEF). He was also appointed as the Council Member of National Wages Consultative Council (NWCC) and National Labour Advisory Council (NLAC) under the Ministry of Human Resources, Malaysia.



## PROFIL AHLI LEMBAGA BOARD MEMBERS' PROFILE

### DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI

**Mewakili Majikan**

Representing the Employers

Dr. Michael Chiam telah dilantik sebagai Ahli Lembaga PERKESO sejak Ogos 2003 di mana sebelum ini beliau adalah salah seorang Ahli Lembaga silih ganti. Beliau juga merupakan Ahli Panel Pelaburan PERKESO. Seorang Akauntan Bertauliah dan Company Secretary berdasarkan profesionnya, beliau juga merupakan Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA), Ahli Malaysian Association Company Secretaries, Chartered Member Institute of Internal Auditors dan pemegang Master of Business Administration (MBA) dengan satu pasca siswazah berganda Diploma dalam Latihan dan Pembangunan. Dr. Chiam adalah pemegang Ijazah Doktor Falsafah dalam Perancangan Strategik dan Sumber Manusia penghususan dalam Tanggungjawab Sosial.

Kini, beliau adalah Pengarah Eksekutif Paragon Corporation Sdn Bhd. Sepanjang kariernya, beliau sentiasa berada di peringkat kanan dan memegang pelbagai jawatan di peringkat Pengurusan, Kewangan dan Akaun, Syarikat Keusahawanan, Sumber Manusia (HR), Perancangan dan Hal Ehwal Korporat, Operasi Perkapalan serta Perolehan selama 33 tahun. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Pengarah Nedlloyd Malaysia dan Ketua Operasi dalam P&O Nedlloyd, iaitu sebuah syarikat Multi Nasional dalam bidang perkapalan. Kerjaya awal beliau bermula di sektor perladangan di bahagian Audit Dalaman selain jawatan-jawatan lain. Ketika ini beliau adalah President of Commercial Employers Association of Peninsular Malaysia, Council Member of MEF, Director of MEF Academy dan Human Resource Bureau Chairman of SMI Association Malaysia.

Dr. Michael Chiam was appointed as a Board Member of SOCSO from August 2003. Prior to this appointment he was an Alternate Board Member. He also sits on the Investment Panel of SOCSO. A Chartered Accountant and Company Secretary by profession; he is a member of the Malaysian Institute of Accountants (MIA) and the Malaysian Association of Company Secretaries. He is also a Chartered Member of the Institute of Internal Auditors and holds a Master of Business Administration (MBA) with a post graduate double Diploma in Training and Development. Dr. Chiam also holds a Ph.D and his primary research was in Strategic Management and Human Resource Management majoring in Social Responsibilities.

He is now the Executive Director of Paragon Corporation Sdn Bhd. For the most part of his career spanning some 33 years, he was at a senior level of management, holding various managerial positions in fields ranging from Finance and Accounts, Company Secretarial, Human Resource Management, Planning & Corporate Affairs and Shipping Operations and Procurement. His last position was as Director of Nedlloyd Malaysia and the Chief of Operations in P&O Nedlloyd, a Multi National Company (MNC) in liner shipping. His appointment in his early years included an attachment to the Internal Audit Division in the plantation sector, apart from a few other appointments. He is now the President of the Commercial Employers Association of Peninsular Malaysia and a Council Member of the MEF. He is also the Director of the MEF Academy and the Human Resource Bureau Chairman of SMI Association Malaysia.



**PROFIL AHLI LEMBAGA**  
BOARD MEMBERS' PROFILE

**ENCIK RAMADASS A/L ARUMUGAM**

Mewakili Majikan

Representing the Employers



Selepas menamatkan pengajian dari Universiti Malaya dengan Ijazah B.Ec, Encik A. Ramadass mula berkhidmat di Kementerian Sumber Manusia sebagai Pegawai Perhubungan Industri dari 1972 -1976. Pada tahun 1977, beliau menyertai Persatuan Pengeluar-Pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA) sebagai Pegawai Perhubungan Industri dan berkhidmat dengan Persatuan sehingga 1990 di mana beliau mewakili majikan peladangan di Mahkamah Perusahaan dari tahun 1980 dan juga pernah dilantik sebagai Ahli Panel Mahkamah Perusahaan. Setelah memperolehi ijazah LLB (London) pada tahun 1986 dan CLP (Mal) pada tahun 1987, beliau telah memulakan amalan guaman di bawah nama Tetuan Ramadass & Associates pada tahun 1991, khusus dalam Undang-undang Perindustrian. Pada masa ini, Encik A. Ramadass terlibat dalam mewakili majikan dalam hal-hal yang berkaitan dengan kes-kes pembuangan kerja, pertikaian perdagangan, isu pengiktirafan kesatuan dan pertikaian perundungan kolektif, yang berkaitan dengan terma-terma dan syarat-syarat pekerjaan termasuk penentuan gaji secara industri dan juga sebagai asas penubuhannya. Selain terlibat dalam Mahkamah, Encik A. Ramadass juga telah menjalankan beberapa program latihan dalaman dalam undang-undang perindustrian serta telah menjadi penceramah di pelbagai forum kebangsaan dan antarabangsa mengenai perhubungan perusahaan dan pengurusan sumber manusia dan khususnya dalam subjek berikut:

- ▶ Perjanjian Kolektif dan Perundingan Kolektif
- ▶ Performance Linked Wage System
- ▶ Fleksibiliti Pengurusan Perniagaan di Malaysia - Kekangan Perundungan
- ▶ Pembaharuan Undang-undang Buruh dan Pembangunan Modal Insan di Malaysia
- ▶ Equity & Good Conscience The Employers' Enigma (Amalan Kesaksamaan dan Keadilan Majikan)
- ▶ Pekerjaan & Perlindungan Pekerja Asing dan
- ▶ Perjanjian Kolektif dan Perundingan Kolektif - Prinsip Penetapan Gaji.

Encik A. Ramadass merupakan Timbalan Ahli Badan Pentadbir Pertubuhan Buruh Antarabangsa mewakili Majikan Malaysia bagi tempoh 2008 hingga 2011. Encik A. Ramadass juga memegang jawatan Naib Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF); Ahli Lembaga Pengarah PERKESO, Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan; Ahli Jawatankuasa Teknikal Kementerian Sumber Manusia dalam pengemaskinian undang-undang perburuhan di samping mewakili Persekutuan Majikan Malaysia dalam Jawatankuasa Perundingan Mahkamah Perindustrian.

Mr. A. Ramadass after graduating from University of Malaya with a B.Ec Degree first served the Ministry of Human Resources as an Industrial Relations Officer from 1972-1976. In 1977 he joined the Malayan Agricultural Producers Association (MAPA) as Industrial Relation Officer and served the Association until 1990 during which time he represented the plantation employers at the Industrial Court from 1980 as well as sat as a Panel Member of the Industrial Court. Having obtained his LLB (London) in 1986 and CLP (Mal) in 1987, he commenced legal practice under the name and style of Messrs Ramadass & Associates in 1991, specialising in Industrial Law. Currently Mr. A. Ramadass is involved in representing employers in matters related to dismissal cases, trade disputes, union recognitions issues and collective bargaining disputes, which relate to terms and conditions of employment including wage determination on industry basis as well as establishment basis. Besides appearing in Courts, Mr. A. Ramadass has also conducted several in house training programmes on industrial law as well as has been a speaker at various national and international forums on industrial relations and human resource management, and in particular the following subjects:

- ▶ Collective Agreement and Collective Bargaining
- ▶ Performance Linked Wage System
- ▶ Flexibility of Managing Business in Malaysia – The Legislative Constraints
- ▶ Labour Law Reforms and Human Capital Developments in Malaysia
- ▶ Equity & Good Conscience The Employers' Enigma
- ▶ The Employment & Protection of Foreign Workers and
- ▶ Collective Agreement and Collective Bargaining – Wage Fixation Principles.

Mr. A. Ramadass was a Deputy Member of the Governing Body of the International Labour Organisation representing the Malaysian Employers for the period 2008 to 2011. Mr A. Ramadass also holds the position of Vice President of the Malaysia Employers Federation (MEF); Member of the SOCSO Board of Directors, Member of the National Labour Advisory Council; a Member of the Ministry of Human Resource Technical Committee representing the Malaysia Employers Federation.

**PROFIL AHLI LEMBAGA**  
BOARD MEMBERS' PROFILE


**ENCIK A. NAVAMUKUNDAN**

**Mewakili Orang Berinsurans**

Representing the Insured Persons

Encik A. Navamukundan telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans bermula pada 1 Ogos 1998. Beliau merupakan Setiausaha Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Ladang (NUPW). Berkelulusan Ijazah Sarjana Ekonomi daripada University of Leeds, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam Ekonomi dan Pengajian India dari Universiti Malaya.

Mr. A. Navamukundan was appointed to the Board as the Member Representing Insured Persons on 1 August 1998. He is also the Secretary of the National Union of Plantation Workers (NUPW). He holds a Master of Economics from the University of Leeds, United Kingdom and a Bachelor of Arts (Hons) in Economics and Indian Studies from the University of Malaya.



**PROFIL AHLI LEMBAGA**  
BOARD MEMBERS' PROFILE**TUAN HAJI MOHAMAD IBRAHIM****BIN HAJI HAMID A.B.S.****Mewakili Orang Berinsurans**

Representing the Insured Persons

Tuan Haji Mohamad Ibrahim bin Haji Hamid <sup>A.B.S.</sup> telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans bermula pada 1 Ogos 2003. Pada masa ini beliau berkhidmat dengan Telekom Malaysia Sarawak. Beliau juga merupakan Pengurus Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Sarawak, Presiden Kesatuan Pekerja Telekom Sarawak (UTES), Ahli Lembaga Koperkasa Sarawak Berhad (Koperkasa), Naib-Presiden Rangkaian Kesatuan Antarabangsa Majlis Perhubungan Malaysia (UNI-MLC), Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) dan Ahli Panel Mahkamah Perusahaan Sarawak.

Tuan Haji Mohamad Ibrahim bin Haji Hamid <sup>A.B.S.</sup> was appointed to the Board Representing Insured Persons on 1 August 2003. He is currently serving with Telekom Malaysia Sarawak. He is the Chairman of the Malaysian Trades Union Congress (MTUC) Sarawak, as well as the President of the Union of Telecoms Employees Sarawak (UTES), Board Member of Koperkasa Sarawak Berhad (Koperkasa), Vice President of Union Network International - Malaysian Liaison Council (UNI-MLC), National Labour Advisory Council (NLAC) Member and Sarawak Industrial Court Panel Member.

**PROFIL AHLI LEMBAGA**  
BOARD MEMBERS' PROFILE

**ENCIK AWANG ALI BIN AHMAD RAJI @ AMAT**

Mewakili Orang Berinsurans  
Representing the Insured Persons

Encik Awang Ali bin Ahmad Raji @ Amat dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans mulai 1 Ogos 2013. Beliau pernah berkhidmat di Bahagian Operasi, Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah dari 1 Mac 1983 hingga 31 Ogos 2004. Mula menyertai Syarikat Sabah Ports Sdn Bhd sebagai Penyelia Operasi setelah Lembaga Pelabuhan-Pelabuhan Sabah diswastakan sepenuhnya pada 1 September 2004. Berpengalaman luas dalam berkesatuan sejak berkhidmat dengan Kerajaan dan terlibat secara langsung dalam penubuhan Kesatuan Pekerja-Pekerja Sabah Ports Sdn Bhd (KPPSPSB) pada 31 Mac 2006. Dipilih sebagai Penolong Setiausaha KPPSPSB pada masa itu dan kemudiannya sebagai Timbalan Presiden dan menjadi Presiden pada 1 November 2011 setelah menang tanpa bertanding.

Beliau menjadi Pengurus Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Sabah selepas menang dalam pemilihan pada tahun 2010 dan menang semula tanpa bertanding pada pemilihan sesi 2013-2016. Selain dari itu beliau juga telah dilantik oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia sebagai Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) mewakili Sabah, Ahli Jemaah Rayuan Keselamatan Sosial (JRKS) Sabah mewakili pekerja, Ahli Panel Mahkamah Perusahaan Sabah serta Ahli Jawatankuasa Penilaian Permohonan Penundaan Perlaksanaan Perintah Gaji Minima 2012.

Mr. Awang Ali Bin Ahmad Raji @ Amat was appointed to the Board as a Representative of Insured Persons from 1 August 2013. He served in the Operations Division of the Sabah Ports Authority between 1 March 1983 and 31 August 2004. He first joined the Sabah Ports Company Sdn Bhd as the Supervisor of Operations after the Sabah Ports Authority was privatised fully on 1 September 2004. He has had extensive experience in unions since joining the Government service and was involved directly in the establishment of the Sabah Ports Sdn Bhd. Employees Union (SPSBEU) on 31 March 2006. At that time, he was selected to be the Assistant Secretary, then as Deputy President, and the President of SPSBEU on 1 November 2011 after winning uncontested in the elections.

He first became the Chairman of MTUC (Sabah) after winning uncontested in 2010 elections, and he retained his position after winning uncontested for the 2013-2016 elections. In addition he has also been appointed by the Ministry of Human Resources Malaysia as a Member of the National Labour Advisory Council (NLAC) representing Sabah, as well as a Member of the Social Security Appellate Board (SSAB) of Sabah, a Member of the Industrial Court of Sabah and a Member of the Committee on Assessment of Application for Deferment of the Minimum Wages Order 2012.



**PROFIL AHLI LEMBAGA**  
BOARD MEMBERS' PROFILE**ENCIK GOPALKISHNAM NADESAN****Mewakili Orang Berinsurans**

Representing the Insured Persons

Encik Gopalkishnam Nadesan dilantik sebagai Ahli Lembaga Mewakili Orang Berinsurans mulai 1 Jun 2014. Beliau adalah seorang yang berpengalaman luas dalam kesatuan sekerta melebihi 30 tahun. Sekarang beliau menyandang jawatan sebagai Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Setiausaha Agung *National Union of Transport Equipment & Allied Industries Workers (NUTEAIW)* dan Setiausaha Agung di IndustriALL Global Union Federation National Council. Selain daripada itu, beliau juga Ahli Panel Mahkamah Perusahaan, Ahli Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) dan Ahli Majlis Gaji Minimum Kebangsaan.

Mr. Gopalkishnam Nadesan was appointed to the Board as a Representative of Insured Persons from 1 June 2014. He was a man of wide experience in the trade unions since the last 30 years. Now he serves as the Secretary-General of the Malaysian Trades Union Congress (MTUC). He is currently the Secretary General of the National Union of Transport Equipment & Allied Industries Workers (NUTEAIW) and also holds the post of Secretary-General in IndustriALL Global Union Federation National Council. Apart from that, he is also Panel Member of the Industrial Court, Member of the National Labor Advisory Council (NLAC) and Council Member of the National Minimum Wage.



**PROFIL AHLI LEMBAGA**  
BOARD MEMBERS' PROFILE

**ENCIK LEE SIANG CHIN**

**Ahli Yang Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial**  
Member with Experience in Social Security

Encik Lee Siang Chin telah dilantik ke Lembaga Pengarah sebagai Ahli dengan Pengalaman dalam Keselamatan Sosial pada 1 Ogos 2003. Beliau juga adalah Ahli Panel Pelaburan PERKESO sejak tahun 1982. Kini beliau juga merupakan Ahli Lembaga Value Partners Group Ltd dan Hilong Holding Ltd, Hong Kong, Star Publications (Malaysia) Berhad, Tune Insurance Malaysia Berhad dan Maybank Investment Bank Berhad.

Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Pengerusi Surf88.com Sdn Bhd dan Pengarah Urusan AmSecurities Sdn Bhd. Encik Lee juga telah bekerja dalam bidang kewangan korporat di bank pelaburan terkemuka London, Sydney dan Kuala Lumpur. Jawatan beliau yang terdahulu termasuk menjadi Ahli Lembaga Pengarah Bursa Saham Kuala Lumpur dan Presiden Persatuan Syarikat Broker Saham di Malaysia. Encik Lee menjadi Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia pada bulan Jun 1975 dan Fellow Institut Akauntan Berkanun di England and Wales pada bulan Januari 1979.

Mr. Lee Siang Chin was appointed to the Board as a Member with Experience in Social Security on 1 August 2003. He is also a member of the SOCSO Investment Panel since 1982. Currently he sits on the boards of Value Partners Group Ltd and Hilong Holding Ltd, Hong Kong, Star Publications (Malaysia) Berhad, Tune Insurance Malaysia Berhad and Maybank Investment Bank Berhad.

He previously served as Chairman of Surf88.com Sdn Bhd and Managing Director of AmSecurities Sdn Bhd. Mr. Lee has also worked in corporate finance of leading investment banks in London, Sydney and Kuala Lumpur. His past appointments include being a board member of the Kuala Lumpur Stock Exchange and President of the Association of Stock Broking Companies in Malaysia. Mr. Lee became a member of the Malaysian Institute of Certified Public Accountants in June 1975 and a Fellow of the Institute of Chartered Accountants in England and Wales in January 1979.



**PROFIL AHLI LEMBAGA**  
BOARD MEMBERS' PROFILE**DATO' DR. VASAN SINNADURAI**

Ahli Yang Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial  
Member with Experience in Social Security



Dato' Dr. Vasan Sinnadurai telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Yang Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial bermula pada 1 Ogos 2009. Berkelulusan Ijazah Sarjana Perubatan Ortopedik, Universiti Sains Malaysia dan pemegang Ijazah Perubatan dan Pembedahan, University of Madras, India. Beliau adalah Fellow Foot and Ankle Reconstruction (Australia), Sport and Shoulder (Korea), American Orthopaedic Travelling (USA) dan Certified Medical Independent Assessor (CMIA). Berpengalaman luas dalam bidang perubatan selama lebih 18 tahun. Pernah berkhidmat di Hospital Taiping sebelum berhijrah ke sektor swasta. Beliau kini adalah konsultan ortopedik dan pembedahan di Hospital Pantai Puteri, Ipoh.

Dato' Dr. Vasan Sinnadurai has been appointed to the Board since 1 August 2009 as a Member with Experience in Social Security. He holds a Master in Orthopaedic Medicine, Universiti Sains Malaysia and a Bachelor of Medicine and Surgery, University of Madras, India. He is a Fellow of Foot and Ankle Reconstruction (Australia), Sport and Shoulder (Korea), the American Orthopaedic Travelling (USA) and is a Certified Medical Independent Assessor (CMIA). He has extensive experience of 18 years in the medical field. He has also served in the Taiping Hospital before moving to the private sector. He is an orthopaedic and surgical consultant in the Pantai Puteri Hospital, Ipoh.

**PROFIL AHLI LEMBAGA**  
BOARD MEMBERS' PROFILE

**DATIN PADUKA HAJAH SERIPAH NOLI**

**BINTI SYED HUSSIN**

**Ahli Yang Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial**  
Member with Experience in Social Security

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin dilantik sebagai Ahli Lembaga Yang Mempunyai Pengalaman Dalam Keselamatan Sosial bermula 1 Oktober 2009. Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Exco Kerajaan Negeri Selangor, Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Ahli Lembaga Putrajaya Holdings dan berpengalaman luas dalam sektor korporat. Beliau pernah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah di Government-linked Companies (GLCs), antaranya di Tenaga Nasional Berhad (TNB). Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan dari Western Michigan University, Amerika Syarikat, Diploma Pengurusan Kredit, UiTM dan Sijil Pengurusan Kewangan dari Swinburne University, Melbourne, Australia.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin has been appointed to the Board since 1 October 2009 as a Member with Experience in Social Security. She was an Exco Member for the Selangor State Government, a Petaling Jaya City Council Member, and a Board Member of Putrajaya Holdings. She has vast experience in the corporate sector and has been appointed to the Board of Directors of Government-linked Companies (GLCs) such as Tenaga Nasional Berhad (TNB). She holds a Bachelor of Business Administration from Western Michigan University, USA, a Diploma in Credit Management, UiTM and a Certificate in Financial Management from Swinburne University Melbourne, Australia.



"**PERKESO** komited menghadapi cabaran persekitaran ekonomi yang mencabar dan pantas berubah bagi memastikannya terus relevan. Bagi menjamin dan mengekalkan kemampunan dana, strategi mengoptimumkan pulangan pelaburan, pemantapan pengurusan kewangan serta penilaian risiko kewangan dan pelaburan telah diberi keutamaan sepanjang 2014"

"**SOCZO** is committed to meeting the challenges of the challenging and rapidly changing economic environment to ensure it remains relevant. To ensure and maintain the sustainability of the funds, the investment strategy of optimizing returns, strengthening financial management and financial risk assessment and investment has been a priority throughout 2014"

## Peningkatan Pulangan Pelaburan

Increase in Investment Returns

7.69%

5.30%

2013

2014

## AHLI PANEL PELABURAN INVESTMENT PANEL MEMBERS

### DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID

Pengerusi  
Chairman

### DATUK K. SELVARAJAH

Ketua Eksekutif  
Chief Executive

### DATUK K. GIVANANADAM

Ahli Mewakili Kementerian Kewangan  
Member Representing Ministry of Finance

### PUAN NORZILA BINTI ABDUL AZIZ

Ahli Mewakili Bank Negara Malaysia  
Member Representing Bank Negara Malaysia

### DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI

Ahli Mewakili Majikan  
Member Representing Employers

### ENCIK A. NAVAMUKUNDAN

Ahli Mewakili Orang Berinsurans  
Member Representing Insured Persons

### ENCIK LEE SIANG CHIN

### ENCIK MUNUSAMY SENGAN

Ahli Yang Mempunyai Pengalaman dalam Perniagaan dan Kewangan  
Members with Experience in Business and Finance

**AHLI PANEL PELABURAN**  
INVESTMENT PANEL MEMBERS



DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID



DATUK K. SELVARAJAH



DATUK K. GIVANANADAM



PUAN NORZILA BINTI ABDUL AZIZ

**AHLI PANEL PELABURAN**  
INVESTMENT PANEL MEMBERS



**DR. MICHAEL CHIAM TOW HUI**



**ENCIK A. NAVAMUKUNDAN**



**ENCIK LEE SIANG CHIN**



**ENCIK MUNUSAMY SENGAN**

## KUMPULAN PENGURUSAN

### MANAGEMENT TEAM

- ▶ **DATUK K. SELVARAJAH**  
**Ketua Eksekutif**  
 Chief Executive
- ▶ **PUAN HAJAH SAMIHAH BINTI MD RAZI**  
**Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat)**  
 Deputy Chief Executive (Corporate)
- ▶ **DATO' DR. MOHAMMED AZMAN  
BIN DATO' AZIZ MOHAMMED**  
**Timbalan Ketua Eksekutif (Operasi)**  
 Deputy Chief Executive (Operations)
- ▶ **DATIN AZLAILY BINTI ABD RAHMAN**  
**Pengurus Besar Kanan**  
**Bahagian Khidmat Pengurusan**  
 Senior General Manager  
 Management Services Division
- ▶ **TUAN HAJI KANAN BIN SARIH**  
 (sehingga / until 01.04.2014)  
**Pengurus Besar Kanan**  
**Bahagian Sumber Manusia**  
 Senior General Manager  
 Human Resources Division
- ▶ **ENCIK DAWAMANI A/L PONNUSAMY**  
**Pengurus Besar Kanan**  
**Bahagian Pelaburan**  
 Senior General Manager  
 Investment Division
- ▶ **ENCIK MOHD ROSDI BIN MAT YASIN**  
**Pengurus Besar**  
**Bahagian Perancangan dan Hal Ehwal Korporat**  
 General Manager  
 Planning and Corporate Affairs Division
- ▶ **PUAN HAJAH ROSMAWATI BINTI  
ZAINUDDIN**  
**Pengurus Besar Kanan**  
**Bahagian Perbendaharaan**  
 Senior General Manager  
 Treasury Division
- ▶ **ENCIK MOHD SIDEK BIN SALLEH**  
**Ketua Pegawai Maklumat**  
**Bahagian Teknologi Maklumat**  
 Chief Information Officer  
 Information Technology Division
- ▶ **ENCIK ONG KIM SENG**  
 (sehingga / until 06.10.2014)
- ▶ **ENCIK CHAN HOOD CHENG**  
 (mulai / w.e.f 03.11.2014)  
**Pengurus Besar**  
**Bahagian Risiko dan Penyelidikan**  
 General Manager  
 Risk and Research Division
- ▶ **ENCIK JEEVA A/L NARAYANASAMY**  
**Pengurus Besar**  
**Bahagian Audit Dalam**  
 General Manager  
 Internal Audit Division
- ▶ **PUAN HAJAH RAFDAH BINTI BACHIK**  
 (sehingga / until 03.11.2014)
- ▶ **PUAN HAJAH JUMAK BINTI ABDULLAH**  
 (mulai / w.e.f 17.11.2014)  
**Pengurus**  
**Bahagian Naziran**  
 Manager  
 Inspectorate Division
- ▶ **PUAN HAJAH FADHILAH BINTI HAMIL**  
 (mulai / w.e.f 01.12.2014)  
**Pengurus**  
**Bahagian Integriti**  
 Manager  
 Integrity Division

**KUMPULAN PENGURUSAN**  
MANAGEMENT TEAM



**PUAN HAJAH SAMIHAH BINTI MD RAZI**



**DATO' DR. MOHAMMED AZMAN  
BIN DATO' AZIZ MOHAMMED**



**DATIN AZLAILY BINTI ABD RAHMAN**



**TUAN HAJI KANAN BIN SARIH**

**KUMPULAN PENGURUSAN**  
MANAGEMENT TEAM



ENCIK DAWAMANI A/L PONNUSAMY



ENCIK MOHD ROSDI BIN MAT YASIN



PUAN HAJAH ROSMAWATI BINTI  
ZAINUDDIN



ENCIK MOHD SIDEK BIN SALLEH

**KUMPULAN PENGURUSAN**  
MANAGEMENT TEAM



**ENCIK ONG KIM SENG**



**ENCIK JEEVA A/L NARAYANASAMY**



**PUAH HAJAH RAFDAH BINTI BACHIK**




**PUAH HAJAH FADHILAH BINTI HAMIL**

# CARTA ORGANISASI

## ORGANISATION CHART





## PENGARAH NEGERI

### STATE DIRECTORS

- ▶ **ENCIK CHE HAMID BIN CHE AHMAD**  
SELANGOR
- ▶ **ENCIK MOHAMAD ASRI BIN NGOSMAN**  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
- ▶ **PUAN TAN BI FONG @ TONG BI FONG**  
(sehingga / until 03.11.2014)
- ▶ **ENCIK ISMAIL BIN ABI HASHIM**  
(mulai / w.e.f 04.11.2014)  
JOHOR
- ▶ **ENCIK ZAINOL BIN ABU**  
PULAU PINANG
- ▶ **ENCIK MUHAMAD ALIF HAIKAL**  
**CHEONG BIN ABDULLAH**  
PERAK
- ▶ **ENCIK NALLUSAMY A/L MUTHUSAMY**  
NEGERI SEMBILAN
- ▶ **ENCIK JOHN RIBA ANAK MARIN**  
SARAWAK
- ▶ **ENCIK OTHMAN BIN MOHD NORDIN**  
KEDAH
- ▶ **PUAN HAJAH ZAINI BINTI AB LLATIFF**  
KELANTAN
- ▶ **ENCIK MOHAMMAD RAMLI BIN HAJI AHMAD DAHALAN**  
TERENGGANU
- ▶ **ENCIK MOHD SHAHAR BIN ISMAIL**  
PAHANG
- ▶ **ENCIK MOHANADAS A/L VERAYA**  
(sehingga / until 10.11.2014)
- ▶ **ENCIK MAMSOR BIN ABDUL MANAF**  
(mulai / w.e.f 11.11.2014)  
MELAKA
- ▶ **ENCIK ANTHONY ARUL DASS A/L ARULAPPEN**  
SABAH
- ▶ **ENCIK MOHD ASRI BIN MOHD RASID**  
PERLIS

## Konsep Perlindungan Keselamatan Sosial

Perlindungan keselamatan sosial PERKESO adalah berteraskan konsep

***“Solidarity Fund: pooling of resources and sharing of risk and replacement of income”***

### The Concept of Social Security Protection

SOCOSO's social security protection is based on the concept

***“Solidarity Fund: pooling of resources and sharing of risks and replacement of income”***

## PROFIL KORPORAT

### CORPORATE PROFILE

#### LATAR BELAKANG

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai sebuah Jabatan Kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi mentadbir, melaksana dan menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja (AKSP) 1969 dan Peraturan – Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971. Pada 1 Julai 1985, status PERKESO telah berubah kepada sebuah Badan Berkanun dan mulai 1 Januari 1992, PERKESO telah melaksanakan sistem saraannya sendiri iaitu Sistem Saraan Baru PERKESO.

#### FUNGSI DAN AKTIVITI UTAMA

Fungsi utama adalah memastikan majikan dan pekerja yang layak di bawah AKSP 1969 didaftar dan dicarumkan. Seterusnya memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungannya menerusi Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan.

Skim Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada para pekerja daripada bencana pekerjaan termasuk penyakit khidmat dan kemalangan semasa perjalanan berkaitan dengan pekerjaan. Skim Keilatan pula memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja terhadap keilatan atau kematian akibat sebarang sebab yang berlaku di luar waktu kerja.

Kedua-dua skim adalah untuk menyediakan faedah tunai kepada pekerja dan tanggungannya apabila berlaku kejadian luar jangka di samping menyediakan rawatan perubatan, pemulihan jasmani atau vokasional. PERKESO juga menjalankan aktiviti pencegahan kemalangan melalui program peningkatan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan pekerja dan majikan.

#### BACKGROUND

The Social Security Organisation (SOCSO) was established as one of the government departments under the Human Resources Ministry to administer, implement and enforce the Employees' Social Security Act 1969 and the Employees' Social Security Regulations (General) 1971. On 1 July 1985, SOCSO's status was changed to a Statutory Body and since 1 January 1992, SOCSO has implemented its own remuneration system known as *Sistem Saraan Baru PERKESO (SSBP)*.

#### FUNCTION AND MAIN ACTIVITIES

The main function is to ensure that employers and employees who are eligible under the ESSA 1969 are registered and contributing. Secondly to provide social security protection for workers and their dependants through the Employment Injury Scheme and Invalidity Scheme.

The Employment Injury Scheme provides protection to employees from occupational hazards, including occupational diseases and accidents during travel in connection with employment. The Disability Scheme provides 24-hour protection to employees against invalidity or death due to any cause that occurs outside working hours.

The purpose of both the schemes is to provide cash benefits to employees and their dependents in the event of unforeseen events in addition to providing medical care, physical rehabilitation or vocational training. SOCSO also carries out accident prevention activities through programmes that raises occupational safety and health awareness among workers and employers.

**PROFIL KORPORAT**  
CORPORATE PROFILE

**VISI**  
VISION

Peneraju keselamatan sosial yang unggul dan cemerlang menjelang 2020

To become the premier and outstanding leader in social security towards 2020

**MISI**  
MISSION

Memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungan mereka menerusi skim-skim keselamatan sosial serta meningkatkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi meningkatkan kesejahteraan sosial pekerja

To provide a social security protection to employees and their dependants through social security schemes and to increase awareness on occupational safety and health that will ultimately improve the employees' social wellbeing

**OBJEKTIF**  
OBJECTIVE

Menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada semua pekerja dan tanggungan mereka menerusi skim-skim keselamatan sosial berdasarkan konsep masyarakat penyayang selaras dengan Dasar Pembangunan Negara dan Wawasan 2020

To provide a social security protection to all employees and their dependants through social security schemes based on the concept of caring society in line with the National Development Policy and Vision 2020

## PIAGAM PELANGGAN

### CLIENT CHARTER

- ▶ Membayar **Faedah Hilang Upaya Sementara** kepada pekerja yang terbencana dalam tempoh **5 hari** selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima;
- ▶ Membayar **Faedah Hilang Upaya Kekal** kepada pekerja yang terbencana dalam tempoh **7 hari** selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima;
- ▶ Membayar **Faedah Orang Tanggungan** kepada orang tanggungan dalam tempoh **7 hari** selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima;
- ▶ Membayar **Pencen Ilat** kepada pekerja yang layak dalam tempoh **7 hari** selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima;
- ▶ Membayar **Pencen Penakat** kepada orang tanggungan dalam tempoh **7 hari** selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima;
- ▶ Membayar **Faedah Pengurusan Mayat** kepada waris pekerja yang layak dalam tempoh **3 hari** selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima;
- ▶ **Mendaftar Majikan dan Pekerja Baru** serta memberi nombor kod majikan PERKESO dalam tempoh **1 hari** selepas semua maklumat dan dokumen yang diperlukan lengkap diterima; and
- ▶ Mengeluarkan **Surat Akuan Penerimaan Aduan** kepada pengadu dalam tempoh **3 hari** daripada tarikh aduan diterima.
- ▶ To pay **Temporary Disablement Benefit** to injured employees within **5 days** upon receipt of all relevant information and completed documents;
- ▶ To pay **Permanent Disablement Benefit** to injured employees within **7 days** upon receipt of all relevant information and completed documents;
- ▶ To pay **Dependants' Benefit** to beneficiaries within **7 days** upon receipt of all relevant information and completed documents;
- ▶ To pay **Invalidity Pension** to eligible employees within **7 days** upon receipt of all relevant information and completed documents;
- ▶ To pay **Survivors' Pension** to beneficiaries within **7 days** upon receipt of all relevant information and completed documents;
- ▶ To pay **Funeral Benefit** to eligible beneficiaries within **3 days** upon receipt of all relevant information and completed documents;
- ▶ To **Register New Employers and Employees** and issue the employer's code number within **1 day** upon receipt of all relevant information and completed documents; and
- ▶ To issue an **Acknowledgement Letter** to complainant within **3 days** from the date a complaint is lodged.

## NILAI TERAS BERSAMA SHARED CORE VALUES

FOKUS  
PELANGGAN  
CLIENT FOCUSED



PRIHATIN  
CARING

KOMPETEN  
COMPETENT



INOVATIF  
INNOVATIVE

KETEPATAN  
ACCURATE



“Penekanan bagi memastikan tadbir urus korporat yang baik dapat diamalkan menerusi mekanisma kawalan dalaman antaranya Audit Dalaman dan *Anti-Fraud* serta mempertingkat pendekatan Pengurusan Risiko, Kajian Aset dan Liabiliti serta penilaian risiko ke atas program-program utama”

“The emphasis in ensuring good corporate governance can be practiced through internal control mechanisms including Internal Audit and Anti-Fraud as well as enhancing the strategy of Risk Management, Asset and Liability study and risk assessment on key programmes”

6.98%

RM22,536.71 juta million

**PENINGKATAN DANA PELABURAN**

meningkat sebanyak **RM1,470.61 juta** atau **6.98%**  
kepada **RM22,536.71 juta** pada **2014**  
berbanding **RM21,066.10 juta** pada **2013**

**INCREASE IN INVESTMENT FUNDS**

increased by **RM1,470.61 million** or **6.98%**  
to **RM22,536.71 million** in 2014 in comparison  
to **RM21,066.10 million** in 2013

51.85%

RM1,614.65 juta million

**KENAIKAN PULANGAN PELABURAN**

sebanyak **RM551.36 juta** atau **51.85%** kepada **RM1,614.65 juta**  
berbanding **RM1,063.29 juta** pada tahun **2013** berikutnya  
peningkatan ketara dalam keuntungan modal

**INCREASE IN INVESTMENT RETURNS**

totalling **RM551.36 million** or **51.85%** to **RM1,614.65 million**  
compared to **RM1,063.29 million** in 2013 following  
a significant increase in capital gains



**DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID**  
**PENGERUSI LEMBAGA**  
CHAIRMAN OF THE BOARD

## PERUTUSAN PENGERUSI CHAIRMAN'S STATEMENT

**Saya selaku Pengurus Lembaga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.**

As Chairman of the Social Security Organisation's (SOCSO) Board, I am pleased to present the Annual Report and the audited Financial Statement for the financial year ending 31 December 2014.

Walaupun berhadapan dengan lanskap ekonomi dunia dan dalam negara yang mencabar, PERKESO berjaya mengekalkan kemampuan dananya. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan pada tahun 2014 mencatatkan peningkatan dan prestasi yang membanggakan dengan pertambahan jumlah pendapatan sebanyak 19.98% atau RM722.11 juta kepada RM4,335.49 juta berbanding RM3,613.38 juta pada tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM722.11 juta. Pendapatan bersih telah melonjak sebanyak 37.48% atau RM396.50 juta kepada RM1,451.26 juta berbanding RM1,054.76 juta pada tahun sebelumnya.

Prestasi kewangan yang kukuh didorong oleh peningkatan pendapatan yang sebahagian besarnya disumbangkan melalui pulangan pelaburan dan kutipan caruman. Pulangan pelaburan pada tahun 2014 berjumlah RM1.615 bilion meningkat sebanyak RM551.36 juta atau 52% berbanding dengan RM1.063 bilion pada tahun sebelumnya. Caruman telah meningkat sebanyak RM170.43 juta atau 6.77% kepada RM2,688.57 juta berbanding RM2,518.14 juta pada 2013.

Despite the challenging global and domestic economic landscape, SOCSO successfully preserved the sustainability of its fund. Overall, the financial performance in 2014 recorded an increase and a performance to be proud of with an increase in total revenue of 19.98% or RM722.11 million to RM4,335.49 million, compared to RM3,613.38 million in the previous year. Net income increased by 37.48% or RM396.50 million to RM1,451.26 million from RM1,054.76 million in the previous year.

The strong financial performance was driven by an increase in revenue which was mainly due to investment returns and contributions. The returns on investments in 2014 amounted to RM1.615 billion, an increase of RM551.36 million, or 52% compared with RM1.063 billion the previous year. Contributions rose by RM170.43 million or 6.77% to RM2,688.57 million compared to RM2,518.14 million in 2013.

## **PERUTUSAN PENGERUSI**

### CHAIRMAN'S STATEMENT

Pencapaian prestasi kewangan dan prestasi pelaburan yang positif telah membolehkan PERKESO terus memantapkan lagi kecekapan operasi dan perkhidmatannya selaras dengan empat teras strategik utama iaitu:

- i. Meningkatkan Kefahaman dan Kesedaran Keselamatan Sosial
- ii. Memperkuatkan Keberkesanan Pengoperasian Penyampaian Perkhidmatan
- iii. Memperkasakan Keupayaan dan Kapasiti Modal Insan
- iv. Mengekalkan Kemampuan Dana

## **KEMAMPUMAN DANA**

PERKESO perlu mengekalkan kemampuan dananya untuk jangka masa panjang bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan tanggungan yang semakin meningkat selari dengan pertambahan bayaran faedah. Strategi mengoptimumkan pulangan pelaburan serta pemantapan pengurusan kewangan mampu mengukuhkan dana PERKESO. Justeru, pada tahun 2014 tumpuan telah diberi kepada peningkatan pulangan pelaburan serta penilaian risiko kewangan dan pelaburan.

Strategi pelaburan yang dilaksanakan berdasarkan pendekatan mengekalkan kemampuan dana dalam mendepani peningkatan kos dan ekspetasi Orang Berinsurans selaras dengan objektif penubuhan PERKESO. Strategi ini berkesan meningkat dana pelaburan PERKESO sebanyak RM1.471 bilion (atau 6.98%) kepada RM22.537 bilion iaitu meningkat berbanding dengan RM21.066 bilion tahun sebelumnya. PERKESO mencatatkan kadar pulangan pelaburan (*ROI*) pada tahap 7.69% pada tahun 2014 berbanding 5.30% pada tahun 2013. Sehubungan dengan ini, alokasi aset pelaburan adalah menjurus kepada instrumen pendapatan tetap yang merangkumi Sekuriti Kerajaan, Sekuriti Hutang Korporat dan Pasaran Wang. Sekuriti Kerajaan yang merupakan instrumen jaminan Kerajaan menyumbang peratusan alokasi yang tertinggi iaitu 39.03% pada tahun 2014.

The financial performance and positive investment performance has enabled SOCSO to continue to strengthen the efficiency of operations and services in accordance with the four main strategic thrusts, namely:

- i. To Raise Understanding and Awareness of Social Security
- ii. To Strengthen the Effectiveness of Service Delivery Operations
- iii. To Empower the Capability and Capacity of Human Capital
- iv. To Perpetuate the Sustainability of the Fund

## **THE SUSTAINABILITY OF THE FUND**

SOCSO needs to perpetuate the sustainability of its funds for the long term in order to finance the administrative and benefit expenditure which are increasing in line with the increase in benefit payments. Strategies to optimise investment returns and the strengthening of financial management can strengthen SOCSO's fund. Thus, in 2014 the emphasis was to improve the returns on investments as well as financial and investment risk assessment.

The investment strategy is based on sustainability in meeting the rising cost and expectation of Insured Persons in line with SOCSO's objectives. This strategy effectively increased SOCSO's investment fund by RM1.471 billion (or 6.98%) to RM22.537 billion, compared with RM21.066 billion in previous year. SOCSO had a return on investment (*ROI*) rate of 7.69% in 2014 compared to 5.30% in 2013. In this regard, the allocation of investment assets are focused on fixed income instruments including Government Securities, Corporate Debt Securities and the Money Market. Government Securities, which are Government guaranteed instruments, accounted for the highest percentage of allocation that is 39.03% in 2014.

## PERUTUSAN PENGERUSI CHAIRMAN'S STATEMENT

**"PERKESO sentiasa komited memenuhi misinya iaitu memberi perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja dan tanggungan mereka menerusi skim-skim keselamatan sosial serta memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan demi meningkatkan kesejahteraan sosial pekerja"**

Bagi memastikan kesejahteraan warga pekerja yang layak di Negara ini, PERKESO mengamalkan tiga tonggak Keselamatan Sosial iaitu Pencegahan, Pemulihan dan Pampasan selaras dengan Misi PERKESO yang diperuntukkan di bawah Seksyen 40 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969. PERKESO sentiasa melaksanakan usaha berterusan dalam mewujudkan budaya pencegahan kemalangan di tempat kerja dan dalam perjalanan ke tempat kerja. Ini bagi memastikan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dipertingkatkan untuk menjaga kepentingan dan kebijakan pekerja.

### BUDAYA PENCEGAHAN KEMALANGAN

PERKESO telah menetapkan strategi memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan sebagaimana digariskan dalam Pelan Strategik PERKESO 2011-2015 menerusi Pelan Tindakan Induk Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2011-2015 (OSH-MP 2015) bagi merealisasikan strategi ini dapat dicapai dengan lebih berkesan.

Usaha berterusan dalam mewujudkan budaya pencegahan kemalangan di tempat kerja dan dalam perjalanan ke tempat kerja terus dipertingkatkan untuk menjaga kepentingan dan

**"SOCSO is committed to fulfilling its mission of providing social security protection to employees and their dependants through social security schemes as well as promote awareness of occupational safety and health in order to improve the social wellbeing of workers"**

To ensure the wellbeing of the eligible employees in this country, SOCSO practices the three pillars of Social Security, namely Prevention, Rehabilitation and Compensation in accordance with SOCSO's Mission which is provided for under Section 40 of the Employees' Social Security Act 1969. SOCSO constantly implements continuous efforts in creating a culture of accident prevention in the workplace as well as on the way to work. This is to ensure occupational safety and health awareness is enhanced to protect the interests and social wellbeing of the employees.

### CULTURE OF ACCIDENT PREVENTION

SOCSO has set a strategy of promoting awareness of occupational safety and health, as outlined in the SOCSO's Strategic Plan 2011-2015 through the Occupational Safety and Health Master Action Plan 2011-2015 (OSH-MP 2015) for the realisation of this strategy more effectively.

Continued efforts in establishing a culture of prevention of accidents at work and on the way to work was intensified to safeguard the interests and welfare of employees in line

**PERUTUSAN PENGERUSI**

CHAIRMAN'S STATEMENT

kebijakan pekerja seiring dengan kehendak tiga tonggak Keselamatan Sosial yang diamalkan oleh PERKESO iaitu Pencegahan, Pemulihan dan Pampasan selaras dengan Seksyen 40, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Pada tahun 2014, sebanyak 248 program telah dilaksanakan oleh pejabat-pejabat PERKESO di seluruh negara dalam memastikan penurunan kadar kemalangan terutamanya kemalangan pergi dan balik kerja tercapai seperti mana yang disasarkan dalam Pelan Tindakan Induk bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2011-2015 (OSH-MP 2015).

PERKESO juga telah memperuntukkan sebanyak RM6.47 juta melalui Bantuan Geran Kewangan PERKESO kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan bagi melaksanakan 688 program / kursus yang berkaitan dengan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Pelbagai inisiatif dan aktiviti telah dijalankan sepanjang tahun 2014 di antaranya;

- i. Program Advokasi dan Pencegahan
- ii. Program Latihan Jurulatih Pencegahan Kemalangan
- iii. Amalan Terbaik dalam Pelaksanaan Pengurusan Keselamatan Semasa Perjalanan
- iv. Kempen Perjalanan Selamat Ke Tempat Kerja Kebangsaan
- v. Seminar Pencegahan Kemalangan Semasa Perjalanan

with the requirements of the three pillars of Social Security practiced by SOCSO which are Prevention, Rehabilitation and Compensation pursuant to Section 40 of the Employees' Social Security Act 1969.

In 2014, a total of 248 programmes have been carried out by SOCSO offices across the country to ensure the reduction of accidents, especially accidents to and from work is achieved as envisaged in the Occupational Safety and Health Master Plan of Action for 2011-2015 (OSH-MP 2015).

SOCSO has also allocated RM6.47 million through SOCSO's Financial Assistance Grants to Non-Governmental Organisations to implement 688 programmes / courses related to Occupational Safety and Health. Several initiatives and activities have been carried out during 2014 including;

- i. Advocacy and Prevention Programme
- ii. 'Train The Trainer' Training Programme Module for Prevention of Accidents
- iii. Best Practices in Implementing Commuting Safety Management
- iv. National Safe Commuting to Work Campaign
- v. Commuting Accident Prevention Seminar

## PERUTUSAN PENGERUSI CHAIRMAN'S STATEMENT

### MEMBUDAYAKAN GAYA HIDUP SIHAT

PERKESO turut mendokong hasrat Kerajaan untuk melahirkan warga pekerja yang sihat dan produktif seiring dengan Pelan Transformasi Kerajaan. Sebagai menghargai caruman warga pekerja dan memberi nilai tambah, Program Saringan Kesihatan PERKESO telah diperkenalkan. Program ini merupakan langkah awal organisasi dalam menangani masalah Penyakit Tidak Berjangkit di kalangan pekerja memandangkan kadar keilatan, morbiditi dan kematian pencarum PERKESO disebabkan oleh penyakit tidak berjangkit yang meningkat setiap tahun.

Langkah ini selaras dengan pendekatan badan-badan keselamatan sosial lain di seluruh dunia iaitu menerusi pendekatan program pencegahan bagi keselamatan sosial yang meliputi tiga aspek iaitu pecegahan kemalangan, promosi kesihatan dan kembali semula bekerja.

Program ini adalah 'pemeriksaan kesihatan percuma' yang diberikan kepada pencarum PERKESO yang berumur 40 tahun ke atas yang aktif bekerja bagi mengenal pasti kumpulan berisiko Penyakit Tidak Berjangkit di kalangan pekerja di Malaysia.

Semenjak diperkenalkan pada 2013, Program Saringan Kesihatan PERKESO telah ditawarkan kepada lebih 1.9 juta pencarum PERKESO melalui baucar-baucar yang telah diedarkan kepada majikan-majikan mereka. Sebanyak 3,262 klinik swasta, 257 makmal dan 114 pusat mamogram juga telah berdaftar sebagai panel di seluruh Negara.

Sehingga kini, PERKESO telah terus menyediakan kemudahan saringan ini di mana pada tahun 2014, sebanyak 266,087 baucar saringan kesihatan serta 103,292 baucar pemeriksaan mamogram telah di sediakan untuk diedar oleh majikan kepada pekerja yang berumur 40 tahun keatas.

### ENCULTURATION OF A HEALTHY LIFE STYLE

SOCSCO also supports the Government's intention to produce healthy and productive employees in line with the Government Transformation Plan. In recognition of the contributions of employees and to give added value, the SOCSO Health Screening Programme (HSP) was introduced. This Programme is the early step in addressing the problem of Non-Communicable Diseases (NCDs) among employees since the rate of disability, morbidity and mortality among SOCSO's contributors caused by Non-Communicable Diseases is increasing every year.

This is consistent with the approach of social security agencies around the world, through a preventative approach to social security that covers three aspects namely, accident prevention, health promotion and return to work.

This programme is a 'free health check' given to SOCSO's contributors aged 40 years and above who are actively working. This is done to identify groups at risk of NCDs among employees in Malaysia.

Since its inception in 2013, the SOCSO Health Screening Programme has been offered to more than 1.9 million SOCSO contributors through vouchers which were distributed to their employers. A total of 3,262 private clinics, 257 laboratories and 114 mammography centres have also been registered as panel nationwide.

Until now, SOCSO continues to provide this screening facility whereby in 2014, a total of 266,087 health screening vouchers and 103,292 mammogram screening vouchers were made available for distribution by the employer to employees aged 40 years and older.

**PERUTUSAN PENGERUSI**  
CHAIRMAN'S STATEMENT**PENGURUSAN HILANG UPAYA YANG SISTEMATIK**

Bagi memantapkan lagi Kemudahan Pemulihan Jasmani atau Vokasional, Program Kembali Semula Bekerja telah diperkenalkan pada 2007. Program ini merupakan kemudahan pemulihan fizikal yang disediakan kepada Orang Berinsurans yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan atau penyakit bagi mengembalikan fungsi anggota badan dan mental seterusnya kembali semula ke alam pekerjaan lebih awal, sihat dan selamat.

Program Kembali Semula Bekerja dilaksanakan menerusi pendekatan pengurusan hilang upaya yang sistematik di mana setiap kes yang layak dan bermotivasi diuruskan oleh seorang Pengurus Kes yang bertanggungjawab sebagai perantara antara Orang Berinsurans, doktor yang merawat, majikan, pusat rehabilitasi dan pihak-pihak lain yang terlibat bagi memastikan setiap masalah dan halangan Orang Berinsurans dapat diatasi dengan kadar segera melalui pendekatan yang terbaik. Program ini dilaksanakan dengan berteraskan konsep intervensi awal dan menggunakan pendekatan bio-psiko-sosial iaitu merangkumi aspek biologi, psikologi dan sosiologi dan pendekatan pelbagai kaedah dan disiplin di mana penyediaan perkhidmatan pemulihan yang komprehensif adalah merupakan faktor penting dan utama yang menyumbang dalam proses mempercepatkan proses pemulihan Orang Berinsurans.

Pada 2014, seramai 2,583 Orang Berinsurans yang menyertai program ini telah berjaya dipulihkan, melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu 2,000 orang. Sejak program ini dilancarkan pada Januari 2007 sehingga Disember 2014, seramai 10,634 Orang Berinsurans telah berjaya dipulihkan dan kembali semula bekerja.

**SYSTEMATIC DISABILITY MANAGEMENT**

To enhance the Physical or Vocational Rehabilitation Facilities, the "Return To Work" (RTW) Programme was introduced in 2007. The programme is a physical rehabilitation facility provided to Insured Persons who suffer from disability due to injury or illness in order to restore body and mental functions so that the employees can return to the work earlier, healthy and safe.

RTW programmes were implemented through a systematic disability management approach where every deserving and motivated case is managed by a Case Manager who is responsible as the intermediary between the Insured, the treating doctor, the employer, the rehabilitation centers and other involved parties to ensure that every problem and obstacle that the Insured Person faces can be overcome as soon as possible through the best approach possible. The programme is implemented based on the concept of early intervention and utilizes a bio-psycho-social approach that includes aspects of biology, psychology and sociology as well as a variety of methods and disciplinary approaches in which the provision of comprehensive rehabilitation services is an important factor which contributes to the acceleration of the process of the Insured Person's recovery.

In 2014, a total of 2,583 Insured Persons who participated in this programme have been successfully rehabilitated, exceeding the target of 2,000 people. From the time the programme was launched in January 2007 until December 2014, a total of 10,634 Insured Persons have been successfully rehabilitated and have returned to work.

## PERUTUSAN PENGERUSI CHAIRMAN'S STATEMENT

### MERCU KEJAYAAN

Penubuhan Pusat Rehabilitasi menjadi mercu tanda kejayaan PERKESO dalam mendokong secara berterusan Program Kembali Semula Bekerja bertepatan dengan misi dan objektif PERKESO dalam menjaminkan keselamatan dan kesejahteraan sosial pekerja. Pusat Rehabilitasi PERKESO telah dibina di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya Melaka. Pusat Rehabilitasi ini mula beroperasi pada 1 Oktober 2014. Selain itu, antara objektif utama penubuhan Pusat Rehabilitasi ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan pemulihan yang berkualiti di samping membantu Orang Berinsurans PERKESO atau pekerja untuk dipulihkan secara fizikal dan vokasional dan akhirnya diintegrasikan ke alam pekerjaan.

Pusat Rehabilitasi PERKESO menyediakan perkhidmatan rehabilitasi berdasarkan konsep bio-psiko-sosial dalam usaha mengembalikan Orang Berinsurans PERKESO ke alam pekerjaan melalui modul rehabilitasi yang ditawarkan seperti Fisioterapi, Terapi Cara Kerja, Optometri, Audiologi dan Latihan Vokasional. Kemudahan-kemudahan lain seperti Wad dan Asrama juga disediakan bagi mereka yang memerlukan. Pusat Rehabilitasi PERKESO mempunyai 2 blok asrama yang mempunyai 150 buah bilik yang memberi kemudahan kepada pesakit dan penjaga sewaktu menerima rawatan pemulihan.

Pusat Rehabilitasi PERKESO kini mempunyai kapasiti tenaga kerja seramai 93 orang yang terdiri daripada tenaga kerja dalam bidang kesihatan bersekutu, pemulihan, perubatan, pengurusan hilang upaya dan pentadbiran. Sehingga Disember 2014, seramai 95 pesakit telah mendapatkan rawatan pemulihan melalui program rehabilitasi fizikal dan vokasional secara komprehensif bagi mengembalikan semula Orang Berinsurans PERKESO ke alam pekerjaan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup mereka.

### LANDMARK SUCCESS

The establishment of the Rehabilitation Centre became a landmark success for SOCSO in directly supporting the Return To Work Programme in accordance with the mission and objectives of SOCSO in guaranteeing the safety and social wellbeing of employees. The SOCSO Rehabilitation Centre was built in Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka. The Rehabilitation Centre commenced operations on 1 October 2014. In addition, one of the main objectives of establishing the rehabilitation centre is to provide quality rehabilitation services as well as helping SOCSO's Insured Persons or employees to recover physically and vocationally and eventually be integrated into the working environment.

The SOCSO Rehabilitation Centre provides rehabilitation services based on a bio-psychosocial concept in an effort to restore SOCSO Insured Persons to the working environment through rehabilitation modules offered such as Physiotherapy, Occupational Therapy, Optometry, Audiology and Vocational Training. Other facilities such as wards and hostels are also available for those in need. The SOCSO Rehabilitation Centre has 2 blocks of hostels which have 150 rooms that provide convenience to patients and caregivers while receiving rehabilitation treatment.

The SOCSO Rehabilitation Centre now has a workforce of 93 people consisting of people in the fields of allied health, rehabilitation, medicine, disability management and administration. Until December 2014, a total of 95 patients have received rehabilitation through comprehensive physical and vocational rehabilitation programmes in order to enable SOCSO's Insured Persons return to work and indirectly to improve their lives.

**PERUTUSAN PENGERUSI**  
CHAIRMAN'S STATEMENT**PENGHARGAAN**

Dengan berlatarbelakangkan pelbagai kejayaan yang telah dicapai oleh PERKESO, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Lembaga dan Ahli Panel Pelaburan serta warga PERKESO atas komitmen berterusan dan sokongan padu yang diberikan. Saya percaya warga PERKESO akan terus memberikan sokongan dalam usaha memanfaatkan peluang dan menghadapi cabaran mendatang dalam landskap sosio-ekonomi dan keselamatan sosial warga pekerja demi menjaga kesejahteraan sosial pekerja dan orang tanggungan mereka.

Akhir kata, saya bagi pihak Lembaga dan seluruh warga PERKESO ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia dan YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia serta Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia, YBhg Datuk Seri Haji Saripuddin Bin Haji Kasim di atas nasihat dan pandangan serta dorongan yang diberikan dalam memantapkan lagi peranan PERKESO sebagai peneraju perlindungan keselamatan sosial di Negara ini.

**ACKNOWLEDGEMENTS**

With all the successes achieved by SOCSO, I express my sincere appreciation to the Board and Investment Panel Members as well as the staff of SOCSO for their continued commitment and support given. I believe SOCSO's staff will continue to provide support in the effort to take advantage of opportunities and in facing future challenges in the socio-economic landscape and social security of employees in order to protect the social wellbeing of employees and their dependants.

Finally, on behalf of the Board and all the staff of SOCSO, I gratefully appreciate YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources, YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, the Deputy Minister of Human Resources and the Secretary General of the Ministry of Human Resources, YBhg Datuk Seri Haji Saripuddin Bin Haji Kasim for their advice, views and encouragement given to strengthen the roles of SOCSO as a leader in social security protection in this country.



**DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID**  
PENGERUSI LEMBAGA  
**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
CHAIRMAN OF THE BOARD  
SOCIAL SECURITY ORGANISATION

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong  
This page is intentionally left blank

## PERBELANJAAN TANGGUNGJAN PERKESO

meningkat sebanyak RM265.28 juta atau **11.93%** kepada RM2,488.02 juta pada tahun **2014** berbanding RM2,222.74 juta pada tahun sebelumnya


### SOCZO BENEFIT EXPENDITURE

rose by RM265.28 million or 11.93% to RM2,488.02 million in 2014 compared to RM2,222.74 million in the previous year

**RM2,488.02** juta / million



11.93%





**DATUK K. SELVARAJAH**  
**KETUA EKSEKUTIF**  
CHIEF EXECUTIVE

## PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF

### STATEMENT BY THE CHIEF EXECUTIVE

Perkhidmatan PERKESO yang berkesan lahir dari pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan keselamatan sosial mereka. PERKESO bertekad menggandakan usaha secara berterusan bagi memantapkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan melangkaui jangkaan pihak berkepentingan terutamanya pelanggan menerusi strategi sebagaimana digariskan dalam Pelan Strategik PERKESO 2011-2015 iaitu;

Effective SOCSO services are based on knowledge and society's awareness of the importance of their social security. SOCSO continuously determined to redouble its efforts to strengthen the effectiveness of the service delivery system beyond the expectations of stakeholders, especially clients, through strategies as outlined in SOCSO's Strategic Plan 2011-2015. These are;

①

**Meningkatkan kesedaran awam terhadap skim-skim keselamatan sosial**

Increase public awareness of social security schemes

②

**Mempertingkatkan tahap kepuasan dan kualiti perkhidmatan**

Increase the level of satisfaction and quality of service

③

**Memupuk kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan**

Fostering awareness of occupational safety and health

### INISIATIF STRATEGIK DAN PENAMBAHBAIKAN SKIM KESELAMATAN SOSIAL

#### Tadbir Urus Korporat

Dalam memenuhi aspirasi amalan tadbir urus korporat yang terbaik, Ahli Lembaga dan semua Jawatankuasa Lembaga yang dilantik telah memainkan peranan dan tanggungjawab yang signifikan menerusi komitmen dan penglibatan mereka dalam Mesyuarat Lembaga dan Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga yang telah diadakan sepanjang 2014.

Mekanisme kawalan dalaman menerusi Audit Dalaman dan Anti-Fraud serta mempertingkat pendekatan Pengurusan Risiko menerusi penilaian risiko terus diberi penekanan bagi

### STRATEGIC INITIATIVES AND IMPROVEMENT OF SOCIAL SECURITY SCHEMES

#### Corporate Governance

In fulfilling the aspirations of the best corporate governance practices, the Board Members and all appointed Board Committees have played a significant role and responsibility through commitment and involvement in Board Meeting and Board Committee Meetings held during 2014.

Internal control mechanisms through the Internal Audit and Anti-Fraud as well as enhance the Risk Management approach through risk assessment continues to be emphasised to ensure

**PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF**

STATEMENT BY THE CHIEF EXECUTIVE

memastikan tadbir urus korporat yang baik dapat diamalkan. Pada 2014, sebelas pengauditan telah disempurnakan di pejabat-pejabat terpilih. Audit susulan juga dijalankan ke atas projek dan program. Selain itu, siasatan *Anti-Fraud* juga dijalankan ke atas aduan-aduan yang diterima. Penemuan-penemuan dari aktiviti pengauditan telah dibentangkan kepada Bahagian dan Jawatankuasa yang berkenaan termasuk memaklumkan kepada Jabatan Audit Negara. Pada tahun yang sama, Bahagian Naziran telah membuat lawatan kesemua pejabat dan membuat semakan sebanyak 11,448 fail majikan.

Pada 6 Mei 2014, PERKESO telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Objektif utama adalah untuk memastikan tahap tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti yang tinggi serta menyumbang ke arah penambahbaikan persekitaran perkhidmatan dalam Organisasi. Bagi merealisasikan objektif yang telah digariskan, PERKESO telah menubuhkan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU), pelantikan Duta Integriti di setiap pejabat, edaran MyINTEGRITI melalui e-mel dan sudut integriti.

Di samping itu, PERKESO komited untuk terus mengukuhkan kemampunan dana dan menerapkan konsep perbelanjaan berhemah sejarar dengan pendekatan Kerajaan menerusi *Outcome Based Budgeting* dengan menekankan pengurusan nilai tambah dan *value for money*.

that good corporate governance can be practiced. In 2014, the audit was completed in eleven selected offices. Follow up auditing was also carried out on projects and programmes. In addition, the Anti-Fraud investigations were conducted on the complaints received. The findings of the audit were presented to the relevant Divisions and Committees, including informing the National Audit Office. In the same year, the Inspectorate Division visited all offices and reviewed the files of 11,448 employers.

On May 6, 2014, SOCSO signed a Corporate Integrity Pledge with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC). The main objective is to ensure that the level of governance, transparency and accountability is high and to contribute to the improvement of the service environment in the Organization. To realize the outlined objectives, SOCSO has set up an Integrity and Governance Committee (JITU), appointed an Integrity Ambassador in every office, distributed MyINTEGRITI via e-mail and set up a corner for integrity.

In addition, SOCSO is committed to continue to strengthen the sustainability of the fund and apply the concept of prudent spending in line with the Government's approach through Outcome Based Budgeting with emphasis on added value management and value for money.

## PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF STATEMENT BY THE CHIEF EXECUTIVE

### Piagam Pelanggan

Pada tahun 2014, secara keseluruhannya PERKESO telah berjaya mencapai prestasi Piagam Pelanggan yang cemerlang melebihi 98% dalam pemprosesan kesemua tuntutan faedah. Justeru, mulai bulan November 2014, PERKESO telah menambahbaik Piagam Pelanggan dengan mengurangkan tempoh pemprosesan. Keberkesanan penyampaian perkhidmatan PERKESO turut dibuktikan menerusi hasil kajian kepuasan pelanggan yang dijalankan pada tahun 2014 mendapati Indeks Kepuasan Pelanggan terhadap perkhidmatan secara keseluruhannya berada pada tahap Sangat Baik iaitu 86.03%.

### PROGRAM MERAKYATKAN PERKESO

#### Promosi dan Publisiti

PERKESO terus komited dalam meningkatkan kesedaran masyarakat berkaitan skim-skim perlindungan keselamatan sosial melalui pelbagai aktiviti dan program. Antaranya adalah Seminar Perlindungan Keselamatan Sosial Kebangsaan dan program publisiti serta promosi hebatan menerusi media cetak dan elektronik.

Seminar Perlindungan Keselamatan Sosial Kebangsaan tahun 2014 yang dijalankan di seluruh negara telah menarik 2,098 peserta terdiri daripada majikan dan pekerja dari pelbagai industri. Menerusi pelbagai aktiviti dan program yang telah dijalankan, bilangan majikan aktif telah meningkat sebanyak 2.18% kepada 402,039 majikan dan bilangan pekerja aktif meningkat sebanyak 1.81% kepada 6.20 juta pekerja berbanding tahun sebelumnya.

#### Clients' Charter

Overall in 2014, SOCSO has achieved an outstanding Client Charter performance exceeding 98% in the processing of all benefit claims. Thus, starting in November 2014, SOCSO has improved Client Charter by reducing the processing period. Effectiveness of SOCSO's service delivery is also evidenced by the results of customer satisfaction surveys conducted in 2014 which found that the Customer Satisfaction Index for the service as a whole stood at Very Good that is 86.03%.

### SOCSO's OUTREACH PROGRAMME

#### Promotion and Publicity

SOCSO remains committed in increasing public awareness regarding the social security protection schemes through various activities and programmes. Among them are the National Social Security Protection Seminars and publicity programmes as well as publicity campaigns through print and electronic media.

The National Social Security Protection Seminars 2014 which were held throughout the country has attracted 2,098 participants comprising of employers and employees from various industries. Through various activities and programmes that were carried out, the number of active employers increased by 2.18% to 402,039 employers while the number of active employees increased by 1.81% to 6.20 million employees compared to the previous year.

**PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF**

STATEMENT BY THE CHIEF EXECUTIVE

**Pusat Transformasi Bandar**

Sejak dengan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan ke arah memberi perkhidmatan dengan lebih baik kepada rakyat, PERKESO komited mendokong pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dalam transformasi penyampaian perkhidmatan Kerajaan dengan menyertai Pusat Transformasi Bandar (UTC). PERKESO telah meluaskan penyampaian perkhidmatannya di pusat UTC Melaka, Kuala Lumpur, Pahang, Perak, Kedah, Johor, Sarawak dan Sabah.

**Program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

PERKESO telah melaksanakan usaha berterusan dalam mewujudkan budaya pencegahan kemalangan di tempat kerja dan dalam perjalanan ke tempat kerja. Ini bagi memastikan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dipertingkatkan demi menjaga kepentingan dan kebajikan pekerja. Sebanyak RM6.47 juta telah diperuntukkan melalui bantuan geran kewangan kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan bagi melaksanakan 688 program / kursus yang berkaitan dengan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Pada tahun 2014, sebanyak 248 program telah dilaksanakan oleh pejabat PERKESO di seluruh Negara dalam memastikan penurunan kadar kemalangan terutamanya kemalangan pergi dan balik kerja tercapai sepertimana yang disasarkan dalam Plan Tindakan Induk bagi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 2011-2015.

**Pengurusan Aduan Awam**

Menyedari hakikat bahawa pengurusan aduan awam perlu diuruskan secara sistematik dan dipertingkatkan keberkesanannya, maka satu sistem penambahbaikan bagi mendaftar dan memantau aduan telah diselaraskan.

**Urban Transformation Centre**

In line with the implementation of the Government Transformation Programme towards providing better services to the people, SOCSO is committed to support the National Blue Ocean Strategy approach in the transformation of public service delivery by participating in the Urban Transformation Centre (UTC). SOCSO has widened its service delivery to UTC Malacca, Kuala Lumpur, Pahang, Perak, Kedah, Johor, Sarawak and Sabah.

**Occupational Health and Safety Programme**

SOCSO has implemented continuous efforts in creating a prevention of accidents culture at work place and on the way to work. This is to ensure occupational safety and health awareness is enhanced in order to protect the interests and welfare of employees. A total of RM6.47 million has been allocated through financial grants to Non-Governmental Organisations to implement the 688 programmes / courses related to Occupational Safety and Health. In 2014, a total of 248 programmes have been carried out by SOCSO offices throughout the country to ensure the reduction of accident rate, especially accidents to and from work as envisaged in the Master Plan of Action for Occupational Safety and Health 2011-2015.

**Management of Public Complaints**

Recognising that the management of public complaints should be dealt with systematically and with greater effectiveness, a system to improve registering and monitoring of complaints has been implemented. The upgrading of the iSPAAA System

## PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF STATEMENT BY THE CHIEF EXECUTIVE

Penambahbaikan Sistem *iSPAAA* (*Integrated Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam*) kepada *SISPAA* (*Sistem Pengurusan Aduan Awam*) telah dilaksanakan hasil kerjasama dengan Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri.

Sistem ini membenarkan semakan status aduan dibuat secara atas talian dan pelanggan dapat membuat aduan dengan lebih mudah dan ianya dapat diuruskan dengan lebih efisyen dan efektif.

### **Program Return To Work (RTW)**

Program *Return To Work (RTW)* telah diperkenalkan oleh PERKESO pada 15 Januari 2007. Program ini merupakan kemudahan pemulihan fizikal yang disediakan kepada Orang Berinsurans yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan atau penyakit bagi mengembalikan fungsi anggota badan dan mental seterusnya kembali semula ke alam pekerjaan lebih awal, sihat dan selamat. Bagi tahun 2014, seramai 2,583 Orang Berinsurans yang menyertai program ini telah berjaya dipulihkan melebihi sasaran yang telah ditetapkan 2,000 orang. Sejak program ini dilancarkan sehingga 31 Disember 2014, seramai 10,634 Orang Berinsurans telah berjaya dipulihkan dan kembali semula bekerja.

### **Pusat Rehabilitasi PERKESO**

Pusat Rehabilitasi PERKESO yang dibina di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka telah mula beroperasi pada 1 Oktober 2014. Sehingga Disember 2014, seramai 95 Orang Berinsurans telah mendapatkan rawatan pemulihan melalui program rehabilitasi fizikal dan vokasional secara komprehensif bagi membolehkan mereka kembali bekerja.

(integrated Public Agencies Complaints Management System) to *SISPAA* (Public Complaints Management System) has been carried out in collaboration with the Public Complaints Bureau (PCB), Prime Minister's Office.

This system allows online checking of the complaints status and the clients are also able to make complaints in a more convenient manner. The complaints are also able to be managed more efficiently and effectively.

### **Return To Work Programme**

The Return To Work Programme (RTW) was introduced by SOCSO on 15 January 2007. This programme is a physical rehabilitation facility provided to the Insured Persons who suffer from disability due to injury or illness in order to restore bodily and mental functions and then returning to the workforce earlier, healthier and safer. In 2014, a total of 2,583 Insured Persons who participated in this programme have been successfully rehabilitated exceeding the target set at 2,000. Since the programme was launched until 31 December 2014, a total of 10,634 Insured Persons have successfully recovered and returned to work.

### **SOCSO Rehabilitation Centre**

The SOCSO Rehabilitation Center which is built in Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka started operations on 1 October 2014. As of December 2014, a total of 95 Insured Persons have received rehabilitation through comprehensive physical and vocational rehabilitation programmes to enable them to return to work.

**PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF**  
STATEMENT BY THE CHIEF EXECUTIVE**Program Saringan Kesihatan PERKESO**

Pada tahun 2014, telah genap dua tahun Program Saringan Kesihatan(HSP)PERKESO dilaksanakan. Program ini merupakan kemudahan baru yang disediakan kepada pencarum PERKESO telah dimanfaatkan oleh lebih 400,000 orang pencarum di seluruh Negara. Pada 2014, sebanyak 266,400 baucar lagi telah diedarkan kepada pencarum yang layak, menjadikan secara keseluruhan sebanyak hampir 1.9 juta baucar telah diedarkan kepada pekerja melalui majikan masing-masing sejak program ini dilancarkan pada 1 Januari 2013.

Sehingga 31 Disember 2014, secara terkumpul seramai 412,052 orang pencarum telah memanfaatkan kemudahan saringan kesihatan dan daripada bilangan ini, 141,093 pencarum wanita telah menjalani pemeriksaan mammogram dengan perbelanjaan bagi tahun 2014 melebihi RM14 juta. Sejumlah 3,266 buah klinik, 257 buah makmal dan 114 pusat mammogram pula telah berdaftar sebagai panel bagi perkhidmatan HSP.

**MEMENUHI EKSPEKTASI PELANGGAN****Hari Bertemu Pelanggan**

Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan setiap hari Khamis minggu pertama setiap bulan bertujuan untuk memberi peluang kepada pelanggan bertemu dengan pengurusan atasan PERKESO.

Program yang dilaksanakan di semua pejabat seluruh negara merupakan satu jangkauan keprihatinan PERKESO dan sebagai salah satu *platform* untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan secara menyeluruh kepada semua pelanggan. Pada tahun 2014, lebih 900 pelanggan telah hadir ke program ini.

**SOCSCO's Health Screening Programme**

The year of 2014, marks two years since the SOCSO's Health Screening Programme (HSP) was implemented. The programme is a new facility that is available to SOCSO contributors and it has been used by more than 400,000 contributors nationwide. In 2014, a total of 266,400 vouchers were distributed to eligible contributors, bringing the overall total to nearly 1.9 million vouchers which have been distributed to employees through their employers since the programme was launched on 1 January 2013.

As at 31 December 2014, a cumulative total of 412,052 contributors have taken advantage of health screening and of this number, 141,093 women contributors have undergone a mammogram, entailing an expenditure for 2014 of more than RM14 million. A total of 3,266 clinics, 257 laboratories and 114 mammogram centres were registered as panel for the HSP services.

**MEETING CLIENTS' EXPECTATIONS****Meet the Clients' Day**

Meet the Clients' Day is held every first Thursday of every month to give customers the opportunity to meet with SOCSO's top management.

This programme, which is implemented in all offices throughout the country, is an expression of SOCSO's concern for employees and is also a platform to enhance the overall service delivery to all clients. In 2014, more than 900 clients attended this programme.

## PERUTUSAN KETUA EKSEKUTIF STATEMENT BY THE CHIEF EXECUTIVE

### MELANGKAH KE HADAPAN

#### Cadangan Skim Keselamatan Sosial Yang Baru

PERKESO sedang menjalankan kajian ke arah mewujudkan Skim Insurans Pekerjaan dan memperluaskan Skim PERKESO yang sedia ada kepada Pekerja Sendiri. Cadangan rangka skim serta draf rang undang-undang berkaitan akan dikemukakan untuk pertimbangan dasar Kerajaan pada awal tahun 2015.

### PENGHARGAAN

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia dan YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Mutalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Ahli Lembaga PERKESO serta Ahli Panel Pelaburan di atas nasihat dan pandangan serta dedikasi yang diberikan dalam memantapkan lagi peranan PERKESO.

Saya bagi pihak pengurusan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga PERKESO atas usaha gigih dan kesetiaan mereka selama ini untuk terus melangkah ke hadapan.

### MOVING FORWARD


#### Proposed New Social Security Scheme

SOCSO is conducting research towards the establishment of an Employment Insurance Scheme as well as expanding the existing SOCSO schemes to the Self-Employed. The proposed scheme framework and draft bill will be submitted for policy consideration by the Government in early 2015.

### ACKNOWLEDGEMENTS

Finally, I wish to express my sincere gratitude to YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources and YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Mutalib, the Deputy Minister of Human Resources, SOCSO Board Members and Members of the Investment Panel for all the advice and views as well as dedication given to strengthening SOCSO's role.

On behalf of the management, I would like to express my gratitude to all the staff of SOCSO for their hard work and loyalty all this time and continuing into the future.



DATUK K. SELVARAJAH  
KETUA EKSEKUTIF  
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
CHIEF EXECUTIVE  
SOCIAL SECURITY ORGANISATION



## MENINGKAT INCREASE

2.18%

**402,039** majikan  
employers

### MAJIKAN AKTIF

meningkat sebanyak **2.18%** kepada **402,039** majikan berbanding **393,451** majikan pada tahun **2013**

### ACTIVE EMPLOYERS

increased by **2.18%** to **402,039** employers compared to **393,451** employers in **2013**



## MENINGKAT INCREASE

1.80%

**6.20** juta pekerja  
million employees

### PEKERJA AKTIF

meningkat sebanyak **1.80%** kepada **6.2** juta pekerja berbanding **6.09** juta pada **tahun sebelumnya**

### ACTIVE EMPLOYEES

increased by **1.80%** to **6.2 million** employees compared to **6.09 million** the **previous year**



## MENINGKAT INCREASE

6.77%

**RM2,688.58** juta  
million

### PENDAPATAN CARUMAN

meningkat sebanyak **RM170.43** juta atau **6.77%** kepada **RM2,688.58** juta berbanding **RM2,518.14** juta pada tahun **2013**

### CONTRIBUTIONS REVENUE

increased by **RM170.43** million or **6.72%** to **RM2,687.35** million compared to **RM2,518.14** million in **2013**

▼  
**MENURUN**  
DECREASE

**16.56%**

**570,265** penerima  
recipients

**PENERIMA FAEDAH**

bilangan penerima semua jenis faedah telah **menurun** sebanyak **113,192 penerima** atau **16.56%** kepada **570,265 penerima** berbanding **683,457 penerima** pada **2013**

**RECIPIENTS OF BENEFITS**

the number of recipients of all the various benefits decreased by **113,192 recipients** or **16.56%** to **570,625 recipients** in comparison to **683,457 recipients** in **2013**

▲  
**MENINGKAT**  
INCREASE

**12.01%**

**RM 2,468.07** juta  
million

**BAYARAN FAEDAH**

meningkat sebanyak **RM264.58 juta** atau **12.01%** kepada **RM2,468.07 juta** berbanding **RM2,203.49 juta** pada **2013**

**BENEFIT PAYMENTS**

increased by **RM264.58 million** or **12.01%** to **RM2,468.07 million** compared to **RM2,203.49 million** in **2013**

## PETUNJUK UTAMA PRESTASI

### KEY PERFORMANCE INDICATOR

#### BILANGAN MAJIKAN DAN PEKERJA

Sepanjang 2014, jumlah pendaftaran majikan dan pekerja yang layak di bawah AKSP 1969 telah meningkat. Peningkatan bilangan pendaftaran majikan adalah sebanyak 4.62% kepada 948,219 majikan berbanding 906,363 pada 2013. Pada tempoh yang sama, bilangan pekerja berdaftar juga turut meningkat sebanyak 2.49% kepada 15.25 juta pekerja berbanding 14.88 juta pada 2013.

**MAJIKAN AKTIF**  
402,039 (2013 : 393,451)

MENINGKAT  
2.18%

**PEKERJA AKTIF**  
6.20 JUTA (2013 : 6.09 JUTA)

MENINGKAT  
1.81%

Bilangan majikan dan pekerja aktif pada 2014 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2013. Jumlah majikan aktif telah meningkat sebanyak 2.18% kepada 402,039 majikan sementara pekerja aktif pula meningkat sebanyak 1.81% kepada 6.2 juta pekerja seperti di Jadual 1, Carta 1 dan 2.

#### NUMBER OF EMPLOYERS AND EMPLOYEES

Throughout 2014, there was a steady increase in the number of registered employers and employees who were eligible under the ESSA 1969. The number of registered employers increased by 4.62% to 948,219 employers in comparison to 906,363 in 2013. Correspondingly, the number of registered employees also increased by 2.49% to 15.25 million employees in comparison to 14.88 million in 2013.

**ACTIVE EMPLOYERS**  
402,039 (2013 : 393,451)

INCREASE  
2.18%

**ACTIVE EMPLOYEES**  
6.20 MILLION (2013 : 6.09 MILLION)

INCREASE  
1.81%

The number of active employers and employees in 2014 was higher than in 2013. The number of active employers increased by 2.18% to 402,039 employers while the number of active employees in 2014 increased by 1.81% to 6.2 million employees. The number of active employers and employees for the period of 2010-2014 is shown in Table 1, Chart 1 and Chart 2.

#### JADUAL 1: BILANGAN MAJIKAN DAN PEKERJA 2013-2014


Table 1: Number of Employers and Employees 2013-2014

	<b>Majikan / Employers</b>		<b>Pekerja / Employees</b>	
<b>Tahun / Year</b>	<b>Berdaftar / Registered</b>	<b>Aktif / Active</b>	<b>Berdaftar / Registered</b>	<b>Aktif / Active</b>
<b>2013</b>	906,363	393,451	14,876,353	6,089,054
<b>2014</b>	948,219	402,039	15,248,262	6,198,657

## PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEY PERFORMANCE INDICATOR


### CARTA 1: BILANGAN MAJIKAN AKTIF 2010-2014

Chart 1: Number of Active Employers 2010-2014



### CARTA 2: BILANGAN PEKERJA AKTIF 2010-2014

Chart 2: Number of Active Employees 2010-2014



**KUTIPAN CARUMAN**  
RM2,688.58 JUTA  
(2013 : RM2,518.14 JUTA)

MENINGKAT  
**6.77%**

Selaras dengan peningkatan dalam jumlah pendaftaran majikan dan pekerja, kutipan caruman pada 2014 telah meningkat sebanyak 6.77% atau RM170.44 juta berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini telah menjadikan keseluruhan kutipan caruman kepada RM2,688.58 juta berbanding RM2,518.14 juta pada 2013. Pendapatan daripada caruman telah menyumbang sebanyak 62% daripada keseluruhan pendapatan bagi 2014.

Keberkesanan aktiviti dan program yang dijalankan telah memberi kesedaran kepada masyarakat, pekerja dan majikan mengenai kepentingan keselamatan sosial. Faktor ini telah menjadi salah satu penyumbang penting kepada kenaikan jumlah pendapatan caruman. Jumlah kutipan caruman adalah seperti Jadual 2 dan Graf 1.

**COLLECTION OF CONTRIBUTIONS**  
RM2,688.58 MILLION  
(2013 : RM2,518.14 MILLION)

**INCREASE**  
**6.77%**

In line with the increase in the number of registered employers and employees, the total collection of contributions in 2014 increased by RM170.44 million or 6.77% compared to the previous year. This increase has resulted in the overall collection of contributions rising to RM2,688.58 million in 2014 in comparison to RM2,518.14 million in 2013. The income from contributions accounted for 62% of the total income for the year 2014.

Note: From 2013, the accounting policy for the recognition of Contribution income has been changed from a modified cash receipts basis to a cash basis based on the decision of SOCSO's Board. Besides, provision for employee benefits has been accounted for based on requirement of MASB 29 – Employee Benefits by considering the pensioner medical benefits. Therefore, the previous years' figures have been restated accordingly.

**PETUNJUK UTAMA PRESTASI**  
KEY PERFORMANCE INDICATOR

**JADUAL 13: RINGKASAN STATistik PERBELANJAAN FAEDAH 2010-2014**


Table 13: Benefits Expenditure Statistics Summary 2010-2014

<b>PERBELANJAAN FAEDAH</b> BENEFITS EXPENDITURE	2010	2011	2012	2013	2014
	<b>RM Juta / Million</b>				
Faedah Hilang Upaya Sementara (FHUS) Temporary Disablement Benefit (TDB)	109.18	119.77	135.62	150.27	166.78
Faedah Hilang Upaya Kekal (FHUK) Permanent Disablement Benefit (PDB)	306.38	326.17	363.51	392.77	448.51
Faedah Orang Tanggungan (FOT) Dependants' Benefit (DB)	205.32	192.63	216.01	219.72	250.39
Pencen dan Bantuan Ilat (ILAT) Invalidity Pension and Grant	345.56	340.97	413.39	453.65	496.82
Pencen Penakat (PKT) Survivors' Pension	581.52	583.76	704.29	762.20	834.70
Faedah Pengurusan Mayat (FPM) Funeral Benefit	13.31	14.34	14.55	17.21	19.03
Elaun Layanan Sentiasa (ELS) Constant-attendance Allowance	16.66	17.14	20.91	24.92	42.33
Faedah Perubatan (FP) Medical Benefit	5.10	5.32	4.68	4.47	4.72
Pemulihan Jasmani atau Vokasional Physical or Vocational Rehabilitation	17.32	18.15	22.49	26.09	30.15
Rawatan Dialisis Dialysis Treatment	77.81	92.52	104.56	122.84	158.07
Program Saringan Kesihatan (HSP) Health Screening Programme (HSP)	—	—	—	29.35	16.57
<b>JUMLAH / TOTAL</b>	<b>1,678.16</b>	<b>1,710.77</b>	<b>2,000.01</b>	<b>2,203.49</b>	<b>2,468.07</b>

**PETUNJUK UTAMA PRESTASI**  
KEY PERFORMANCE INDICATOR


**CARTA 16: KOMPONEN PENDAPATAN 2014**

Chart 16: Income Components 2014



**CARTA 17: KOMPONEN PERBELANJAAN 2014**

Chart 17: Expenditure Components 2014



**PETUNJUK UTAMA PRESTASI**  
KEY PERFORMANCE INDICATOR

**PERBELANJAAN MENGURUS**  
RM396.21 JUTA  
(2013: RM335.88 JUTA)

MENINGKAT  
17.96%

**ADMINISTRATIVE EXPENDITURE**  
RM396.21 MILLION  
(2013: RM335.88 MILLION)

INCREASE  
17.96%

Amaun dan peratus perubahan bagi perbelanjaan mengurus PERKESO bagi tahun 2013-2014 adalah seperti di Jadual 14:

Amount and percentage of change for SOCSO's administrative expenditure for 2013-2014 is given in Table 14:

**JADUAL 14: KOMPONEN PERBELANJAAN MENGURUS 2013-2014**


Table 14: Administrative Expenditure Components 2013-2014

KOMPONEN / COMPONENTS	2013 RM Juta / Million	2014 RM Juta / Million	Perubahan Changes %
Emolumen / Emoluments	150.70	170.51	13.15
Perkhidmatan dan Bekalan / Services and Supplies	111.18	114.56	3.04
Susut Nilai Harta Tanah, Loji dan Peralatan Depreciation of Property, Plant and Equipment	21.60	26.16	21.11
Harta Perbekalan / Supply Items	1.53	1.55	1.31
Pemberian dan Bayaran Tetap Grants and Fixed Payments	1.29	0.75	(41.86)
Bayaran Audit / Audit Fee	0.26	0.28	7.69
Perbelanjaan Pelaburan Investment Expenditure	10.66	13.51	26.74
Manfaat Anggota / Staff Benefits	34.14	64.61	89.25
Pelbagai Perbelanjaan Miscellaneous Expenditure	4.52	4.28	(5.31)
<b>JUMLAH / TOTAL</b>	<b>335.88</b>	<b>396.21</b>	<b>17.96</b>

**PETUNJUK UTAMA PRESTASI**  
KEY PERFORMANCE INDICATOR

**CARTA 18 : KOMPONEN PERBELANJAAN MENGURUS 2014**

Chart 18: Administrative Expenditure Components 2014



## PETUNJUK UTAMA PRESTASI KEY PERFORMANCE INDICATOR

### RINGKASAN PETUNJUK PRESTASI KEWANGAN 2010-2014


Pada keseluruhannya, petunjuk prestasi kewangan bagi tempoh 2010-2014 adalah seperti di Graf 12-16.

### FINANCIAL PERFORMANCE INDICATORS SUMMARY 2010-2014

Overall, financial performance indicators for 2010-2014 are shown in Graph 12-16.


#### GRAF 12: JUMLAH PENDAPATAN 2010-2014

Graph 12: Total Income 2010-2014



#### GRAF 13: JUMLAH PERBELANJAAN 2010-2014


Graph 13: Total Expenditure 2010-2014



**PETUNJUK UTAMA PRESTASI**  
KEY PERFORMANCE INDICATOR


**GRAF 14: PENDAPATAN BERSIH 2010-2014**

Graph 14: Net Income 2010-2014



**GRAF 15: JUMLAH ASET TERKUMPUL 2010-2014**


Graph 15: Total Cumulative Assets 2010-2014



**PETUNJUK UTAMA PRESTASI**  
KEY PERFORMANCE INDICATOR

**GRAF 16: KUMPULAN WANG KESELAMATAN SOSIAL 2010-2014**

Graph 16: Social Security Fund 2010-2014



**MENURUN**  
DECREASE

0.21%

**59,190** penerima  
recipients

**FAEDAH HILANG UPAYA SEMENTARA**

telah **menurun** sebanyak **0.21%** kepada **59,190** berbanding **59,312** penerima pada **2013**

**TEMPORARY DISABLEMENT BENEFIT**

decreased by 0.21% to 59,190 in comparison to 59,312 recipients in 2013

**MENINGKAT**  
INCREASE

10.99%

**RM 166.78** juta  
million

**BAYARAN FAEDAH**

**HILANG UPAYA SEMENTARA**

meningkat sebanyak **RM16.51 juta** atau **10.99%** kepada **RM166.78 juta** berbanding **RM150.27 juta** pada **2013**

**TEMPORARY DISABLEMENT BENEFIT PAYMENT**

increased by **RM16.51 million** or **10.99%** to **RM166.78 million** compared to **150.27 million** in **2013**

**MENINGKAT**  
INCREASE

4.23%

**36,530** penerima  
recipients

**FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL**

telah **meningkat** sebanyak **1,481** penerima atau **4.23%** kepada **36,530** berbanding **35,049** pada **2013**

**PERMANENT DISABILITY BENEFIT**

increased by 1,481 recipients or 4.23% to 36,530 compared to 35,049 in 2013

## MENINGKAT INCREASE

**14.19%**

**RM448.51** juta  
million

**BAYARAN FAEDAH HILANG UPAYA KEKAL**  
meningkat sebanyak **RM55.74** juta atau **14.19%**  
kepada **RM448.51** juta berbanding **RM392.77** juta  
pada 2013

**PERMANENT DISABLEMENT BENEFIT PAYMENT**  
increased by RM55.74 million or 14.19% to RM448.51 million  
compared to RM392.77 million in 2013

## MENINGKAT INCREASE

**1.62%**

**42,951** penerima  
recipients

### FAEDAH ORANG TANGGUNGAN

telah meningkat sebanyak **1.62%** kepada **42,951** berbanding  
**42,266** penerima pada 2013

### DEPENDANTS' BENEFIT

increased by 1.62% to 42,951 compared to 42,266 recipients in 2013

## MENINGKAT INCREASE

**13.96%**

**RM250.39** juta  
million


### BAYARAN FAEDAH ORANG TANGGUNGAN

meningkat sebanyak **RM30.67** juta atau **13.96%**  
kepada **RM250.39** juta berbanding **RM219.72** juta pada 2013

### DEPENDANTS' BENEFIT PAYMENT

increased by RM30.67 million or 13.96% to RM250.39 million  
in comparison to RM219.72 million in 2013


**MENINGKAT**  
INCREASE


**7.70%**
**49,959** penerima  
recipients
**PENCEN ILAT DAN BANTUAN ILAT**

telah **meningkat** sebanyak **7.70%** atau **3,572** penerima kepada **49,959** berbanding **46,387** pada **2013**

**INVALIDITY PENSION AND GRANT**

increased by **7.70%** or **3,572 recipients** to **49,959** compared to **46,387** in **2013**


**MENINGKAT**  
INCREASE


**9.52%**
**RM496.82** juta  
million
**BAYARAN PENCEN ILAT DAN BANTUAN ILAT**

meningkat sebanyak **9.52%** atau **RM43.17** juta kepada **RM496.82** juta berbanding **RM453.65** juta pada **2013**

**INVALIDITY PENSION AND GRANT**

increased by **9.52%** or **RM43.17 million** to **RM496.82 million** compared to **RM453.65 million** in **2013**


**MENINGKAT**  
INCREASE


**6.17%**
**216,001** penerima  
recipients
**PENCEN PENAKAT**

telah **meningkat** sebanyak **6.17%** atau **12,547** penerima kepada **216,001** berbanding **203,454** pada **2013**

**SURVIVORS' PENSION**

increased by **6.17%** or **12,547 recipients** to **216,001** compared to **203,454** in **2013**

## MENINGKAT INCREASE

**9.51%**

**RM834.70** juta  
million

### BAYARAN PENCEN PENAKAT

meningkat sebanyak RM72.50 juta atau 9.51% kepada RM834.70 juta berbanding RM762.20 juta pada 2013

### SURVIVORS' PENSION PAYMENT

increased by RM72.50 million or 9.51% to RM834.70 million compared to RM762.20 million in 2013

## MENINGKAT INCREASE

**10.94%**

**6,146** penerima  
recipients

### ELAUN LAYANAN SENTIASA

telah meningkat sebanyak 10.94% atau 606 penerima kepada 6,146 berbanding 5,540 pada 2013

### CONSTANT – ATTENDANCE ALLOWANCE

increased by 10.94% or 606 recipients to 6,146 in comparison to 5,540 in 2013

## MENINGKAT INCREASE

**69.86%**

**RM42.33** juta  
million

### BAYARAN ELAUN LAYANAN SENTIASA

meningkat sebanyak 69.86% atau RM17.41 juta kepada RM42.33 juta berbanding RM24.92 juta pada 2013

### CONSTANT-ATTENDANCE ALLOWANCE PAYMENT

increased by 69.86% or RM17.41 million to RM 42.33 million compared to RM24.92 million in 2013


**MENINGKAT**  
INCREASE


**5.80%**
**13,733** penerima  
recipients
**FAEDAH PENGURUSAN MAYAT**

telah **meningkat** sebanyak **5.80%** atau **753** penerima kepada **13,733** berbanding **12,980** pada **2013**

**FUNERAL BENEFIT**

increased by **5.80%** or **753 recipients** to **13,733** compared to **12,980** in **2013**


**MENINGKAT**  
INCREASE


**10.58%**
**RM 19.03** juta  
million
**BAYARAN FAEDAH PENGURUSAN MAYAT**

meningkat sebanyak **10.58%** atau **RM1.82** juta kepada **RM19.03** juta berbanding **RM17.21** juta pada **2013**

**FUNERAL BENEFIT PAYMENT**

increased by **10.58%** or **RM1.82 million** to **RM19.03 million** compared to **RM17.21 million** in **2013**


**MENURUN**  
DECREASE


**3.67%**
**2,413** penerima  
recipients
**FAEDAH PERUBATAN**

telah **menurun** sebanyak **3.67%** kepada **2,413** penerima berbanding **2,505** pada **2013**

**MEDICAL BENEFIT**

decreased by **3.67%** to **2,413 recipients** compared to **2,505** in **2013**

## MENINGKAT INCREASE

**5.59%**

**RM4.72** juta million

### BAYARAN FAEDAH PERUBATAN

meningkat sebanyak **5.59%** kepada **RM4.72 juta** berbanding **RM4.47 juta** pada **2013**

#### MEDICAL BENEFIT PAYMENT

increased by **5.59%** to **RM4.72 million** compared to **RM4.47 million** in **2013**

## MENINGKAT INCREASE

**5.62%**

**6,714** penerima  
recipients

### KEMUDAHAN PEMULIHAN JASMANI ATAU VOKASIONAL

telah meningkat sebanyak **5.62%** kepada **6,714 penerima** berbanding **6,357** pada **2013**

#### PHYSICAL OR VOCATIONAL REHABILITATION

increased by **5.62%** to **6,714 recipients** compared to **6,357** in **2013**

## MENINGKAT INCREASE

**15.56%**

**RM30.15** juta million

### BAYARAN PEMULIHAN JASMANI ATAU VOKASIONAL

meningkat sebanyak **15.56%** atau **RM4.06 juta** kepada **RM30.15 juta** berbanding **RM26.09 juta** pada **2013**

#### PHYSICAL OR VOCATIONAL REHABILITATION PAYMENT

increased by **15.56%** or **RM4.06 million** to **RM30.15 million** compared to **RM26.09 million** in **2013**



## MENINGKAT INCREASE

18.58%

**10,558** penerima  
recipients

### KEMUDAHAN RAWATAN DIALISIS

telah **meningkat** sebanyak **18.58%** atau **1,654** penerima  
kepada **10,558** berbanding **8,904** penerima pada **2013**

#### DIALYSIS TREATMENT

increased by **18.58%** or **1,654 recipients** to **10,558** in comparison  
to **8,094** in **2013**



## MENINGKAT INCREASE

28.68%

**RM 158.07** juta  
million

### BAYARAN KEMUDAHAN RAWATAN DIALISIS

meningkat sebanyak **28.68%** atau **RM35.23** juta  
kepada **RM158.07** juta berbanding **RM122.84** juta pada  
**2013**

#### DIALYSIS TREATMENT PAYMENT

increased by **28.68%** or **RM35.23 million** to **RM158.07 million**  
compared to **RM122.84 million** in **2013**

**MENURUN**  
DECREASE

**51.64%**

**126,070** penerima  
recipients

**PROGRAM SARINGAN KESIHATAN**

yang telah menjalani pemeriksaan kesihatan **menurun** sebanyak **51.64%** atau **134,633 penerima baucer** kepada **126,070** berbanding **260,703** pada 2013

**HEALTH SCREENING PROGRAMME VOUCHERS**

who have undergone health screening **decreased by 51.64% or 134,633 recipients** to **126,070** in comparison to **260,703** in 2013

**MENURUN**  
DECREASE

**43.54%**

**RM 16.57** juta  
million

**BAYARAN PROGRAM SARINGAN KESIHATAN**

**menurun** sebanyak **43.54%** atau **RM12.78 juta** kepada **RM16.57 juta** berbanding **RM29.35 juta** pada 2013

**HEALTH SCREENING PROGRAMME PAYMENT**

**decreased by 43.54% or RM12.78 million to RM16.57 million** in comparison to **RM29.35 million** in 2013

# LAPORAN AKTIVITI

## ACTIVITIES REPORT

### SKIM PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL

Bagi tujuan menambahbaik skim perlindungan keselamatan sosial dengan mengambil kira sosio-ekonomi semasa, beberapa cadangan pindaan kepada AKSP 1969 telah dirangka untuk dibentang di Parlimen.

#### Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan 2014)

Melalui Rang Undang-Undang ini, cadangan pindaan adalah termasuk memberi kuasa kepada PERKESO dengan kelulusan Menteri bagi menubuhkan syarikat atau mengambil alih syarikat untuk mengurus dan mengendalikan Pusat Rehabilitasi PERKESO supaya lebih cekap dan efisyen.

Komponen-komponen yang lain pula merangkumi perkara seperti memberi pilihan kemudahan pembiayaan secara konvensional atau syariah kepada anggota PERKESO bagi membeli rumah, kereta atau komputer. Selain daripada itu, menggantikan wakil Bank Negara Malaysia (BNM) dalam Panel Pelaburan PERKESO dengan ahli yang dilantik oleh Menteri untuk mengelakkan konflik kepentingan BNM dalam menjalankan fungsinya sebagai "regulatory body".

#### Cadangan Rang Undang-Undang Insurans Pekerjaan 2015

Cadangan Skim Insurans Pekerjaan untuk memberi perlindungan kepada pekerja yang telah kehilangan pekerjaan adalah lanjutan daripada pengumuman YAB Perdana Menteri semasa Pembentangan Bajet Tahun 2015 pada Oktober 2014.

Kementerian Sumber Manusia bersama PERKESO telah membuat kajian serta meneliti peruntukan undang-undang dari negara lain seperti Korea Selatan, Jepun dan Taiwan dalam melaksanakan skim seumpama ini. Selain itu, cadangan-cadangan daripada pihak *International Labour Organisation* (ILO) berkaitan skim ini juga telah diperhalusi sebagai input bagi tujuan menyediakan deraf kerangka undang-undang untuk melaksanakan Skim Insurans Pekerjaan. Cadangan Rang Undang-Undang ini dijangka dapat dibentangkan di Parlimen pada sesi persidangan 2015.

### SOCIAL SECURITY PROTECTION SCHEME

In order to further enhance the social security protection scheme by taking into account the current socio-economic situation, a number of proposed amendments to the ESSA 1969 have been framed to be tabled in Parliament.

#### Employees' Social Security Bill (2014 Amendment)

Through this Bill, the proposed amendment envisions empowering SOCSO, with the approval of the Minister, to incorporate a company or take over a company to manage and govern the SOCSO Rehabilitation Centre for the sake of efficiency.

The other components encompass proposals such as giving SOCSO's staff the option of either conventional or syariah-compliant financing to buy houses, cars or computers. Another proposal is to replace the Central Bank of Malaysia's representative in the SOCSO Investment Panel with a member appointed by the Minister in order to avoid conflicts of interest with the Central Bank of Malaysia in carrying out its function as a regulatory body.

#### Proposed Employment Insurance Bill 2015

The proposed Employment Insurance Scheme, which is to provide coverage for employees who have lost their jobs, is a consequence of the announcement made by the YAB Prime Minister during the tabling of the 2015 Budget in October 2014.

The Human Resources Ministry together with SOCSO, has studied and researched legislative provisions from other countries such as South Korea, Japan and Taiwan in carrying out schemes such as this. Aside from this, suggestions from the International Labour Organisation (ILO) in connection with this scheme have also been refined as input in order to prepare a draft legislative framework to implement the Employment Insurance Scheme. The proposed Bill is expected to be tabled in Parliament in 2015.

## LAPORAN AKTIVITI ACTIVITIES REPORT

### Deraf Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Kadar, Elaun-Elaun, Insentif dan Perbelanjaan Lain Bagi Faedah Perubatan, Kemudahan-Kemudahan Pemulihan dan Dialisis) 2015

Deraf Peraturan-Peraturan ini bertujuan menetapkan kadar dan had perbelanjaan yang boleh dibenarkan serta syarat-syaratnya bagi Faedah Perubatan, Kemudahan Pemulihan dan Dialisis yang diberikan kepada Orang Berinsurans atau Bayaran Ganti Belanja yang boleh dituntut oleh Orang Berinsurans. Terdapat juga bayaran lain seperti elaun atau insentif yang dibenarkan di bawah undang-undang untuk dibayar kepada Orang Berinsurans.

Komponen utama deraf Peraturan-Peraturan ini adalah seperti jenis, caj dan penetapan kadar tuntutan bagi Rawatan Perubatan, Pemeriksaan Pakar, Elaun-Elaun, Bayaran Insentif, kemudahan Pemulihan dan Dialisis, pembelian alat pemulihan dan sebagainya. Deraf Peraturan-Peraturan akan dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk semakan dan kelulusan sebelum dapat diwarta dan dikuatkuasakan.

Objektif deraf Peraturan-Peraturan ini dibuat melalui kuasa-kuasa Menteri mengikut seksyen-seksyen 33(3), 38, 57, 105 (xiii) dan (xxvi) Akta 4 adalah untuk menjadikan Manual Kadar Bayaran Ganti Belanja yang digunakan oleh PERKESO digubal secara holistik dan komprehensif dengan kuasa pelaksanaannya mengikut peruntukan undang-undang.

### Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Kewangan dan Perakaunan) 2015

Deraf Peraturan-Peraturan Keselamatan Sosial Pekerja (Kewangan dan Perakaunan) 2015 dicadangkan bertujuan untuk memastikan pentadbiran hal ehwal kewangan dan perakaunan PERKESO bagi membelanjakan Kumpulan Wang Keselamatan Sosial adalah teratur dengan mengambil kira piawaian seperti mana yang ditetapkan oleh Arahan Perbendaharaan yang disesuaikan dengan Prosedur Pengoperasian Standard Bahagian Perbendaharaan PERKESO.

### Draft of Employees Social Security Regulations (Rates, Allowances, Incentives and Other Expenses for Medical Benefits, Rehabilitation and Dialysis Facilities) 2015

The draft Regulations aim to fix the rates and allowable limits for expenses as well as conditions for Medical Benefits, Rehabilitation and Dialysis Facilities provided to the Insured Persons or which may be claimed as Fee Reimbursement by the Insured Persons .There are also other payment such as allowances or incentives allowed under the law to be paid to the Insured Person.

The main components of the draft Regulations are type, charges and fixing of the rate of claims for Medical Treatment, Specialist Examination, Allowances, Incentive Payments, Rehabilitation and Dialysis facilities, the purchase of rehabilitation equipment and so on. The draft Regulations will be submitted to the Attorney General for review and approval before it can be enacted and enforced.

The objective of the draft Regulations made through the powers of the Minister under sections 33 (3), 38, 57, 105 (xiii) and (xxvi) of the Act 4 is to make the Rate for Reimbursement of Claims Manual adopted by SOCSO holistically and comprehensively formulated with the authority for implementation in accordance with the provisions of the law.

### Employees' Social Security Regulations (Finance and Accounting) 2015

The Employees' Social Security Regulations (Finance and Accounting) 2015 draft seeks to ensure that the administration of SOCSO's financial affairs and accounting in spending the Social Security Fund is in order with regard to the standards prescribed by the Treasury Instructions tailored to the Standard Operating Procedures of SOCSO's Treasury Division.

**LAPORAN AKTIVITI**

ACTIVITIES REPORT

Cadangan draf Peraturan-Peraturan ini telah pun disemak dan dibincangkan antara PERKESO bersama Kementerian Sumber Manusia dan akan dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk semakan dan kelulusan sebelum dapat diwarta dan dilaksanakan.

**KEMUDAHAN PEMULIHAN JASMANI  
ATAU VOKASIONAL**

Kemudahan pemulihan jasmani merangkumi aktiviti-aktiviti rawatan lanjut kepada Orang Berinsurans seperti rawatan implant, pembekalan alat-alat ortotik dan prostetik seperti pembekalan kaki palsu, tangan palsu, mata palsu, gigi palsu, kerusi roda, commode, tongkat dan lain-lain. Bagi Orang Berinsurans yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan, mereka ditawarkan untuk mengikuti latihan vokasional seperti kursus menjahit, komputer dan lain-lain bagi membolehkan mereka kembali semula ke pekerjaan asal atau mendapatkan kemahiran atau pekerjaan baru.

**Aktiviti dan Pencapaian**

Pada 2014, PERKESO juga telah membekalkan alat-alat prostetik dan ortotik kepada 5,054 Orang Berinsurans termasuk penerima baru dan lama bagi menggantikan alatan yang telah rosak sebanyak 6,394 bekalan prostetik dan ortotik. Seramai 829 Orang Berinsurans telah menjalani rawatan pemulihan implant berbanding 198 orang pada tahun sebelumnya. Secara keseluruhan PERKESO membelanjakan sebanyak RM30.15 juta bagi pembiayaan Kemudahan pemulihan jasmani dan vokasional (tidak termasuk dialisis).

**Kemudahan Rawatan Dialisis**

PERKESO menyediakan kemudahan dialisis kepada Orang Berinsurans yang layak dan mengidap *end stage renal failure*. Kemudahan ini diberikan secara subsidi di Pusat Dialisis Panel PERKESO yang dilantik. Rawatan dialisis juga boleh diperolehi di pusat dialisis bukan panel PERKESO dan hospital kerajaan / swasta / luar negara tertakluk kepada terma dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

The proposed draft of these Regulations have been reviewed and discussed between SOCSO and the Ministry of Human Resources and will be submitted to the Attorney General for review and approval before it can be enacted and implemented.

**FACILITIES FOR PHYSICAL OR VOCATIONAL REHABILITATION**

The physical or vocational rehabilitation facilities involve further treatment for Insured Persons including the provision of implants as well as orthotic and prosthesis equipment such as artificial legs, hands, eyes, dentures, wheel chair, commodes, walking stick and etc. Eligible Insured Persons are offered vocational training such as sewing classes, computer courses and etc. in order to enable them to return to their original jobs or to learn new skills or obtain new jobs.

**Activities and Achievements**

In 2014, SOCSO also provided prosthesis and orthotic equipment to about 5,054 Insured Persons including new and existing recipients who needed to replace equipment that was no longer functioning. A total of 6,394 types of prosthesis and orthotic equipment were provided. A total of 829 Insured Persons received implant rehabilitative treatment in comparison to 198 persons the previous year. Overall, SOCSO spent a total of RM30.15 million for physical or vocational rehabilitation facilities (excluding dialysis).

**Dialysis Treatment Facilities**

SOCSO provides dialysis facilities to eligible Insured Persons who suffer from end stage renal failure. This facility is provided via subsidy at appointed SOCSO Dialysis Panel Centres. Dialysis treatment can also be sought at Dialysis centres which are not SOCSO panel centres and government/ private / foreign hospitals subject to terms and conditions that have been set.

## LAPORAN AKTIVITI ACTIVITIES REPORT

### Aktiviti dan Pencapaian

Sepanjang 2014, sebanyak 1,818 permohonan untuk rawatan dialisis telah diterima dan diluluskan. Bilangan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 5.3% berbanding tahun 2013. Pada akhir 2014, bilangan terkumpul Orang Berinsurans yang menjalani rawatan dialisis adalah seramai 10,558 orang.

Graf 17 menunjukkan kes baharu Orang Berinsurans yang menjalani rawatan dialisis dari tahun 2010 hingga 2014.


### Activities and Achievements

Throughout 2014, a total of 1,818 applications for dialysis treatment were received and approved. This figure shows an increase of 5.3% compared to 2013. At the end of 2014, the cumulative number of insured persons who have undergone dialysis treatment were 10,558 persons.

Graph 17 shows new cases of Insured Persons who have undergone dialysis treatment from 2010 to 2014.

### GRAF 17: KES BAHARU ORANG BERINSURANS YANG MENJALANI RAWATAN DIALISIS 2010-2014

Graph 17: New Cases of Insured Persons Who Have Undergone Dialysis Treatment 2010-2014



**LAPORAN AKTIVITI**  
 ACTIVITIES REPORT

**Pusat Dialisis Panel PERKESO**

Sepanjang 2014, PERKESO telah melantik sebanyak 25 pusat dialisis sebagai panel PERKESO, iaitu peningkatan sebanyak 5% berbanding tahun sebelumnya. Ini menjadikan jumlah keseluruhan panel adalah sebanyak 455 pusat di seluruh negara. Pelantikan panel ini memudahkan Orang Berinsurans mendapat rawatan dialisis.

Bilangan Pusat Dialisis Panel PERKESO bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti Carta 19.


**SOCSO Panel Dialysis Centres**

Throughout the year 2014, SOCSO appointed 25 panel dialysis centres, an increase of 5% in comparison to the previous year. This puts the total number of panel centres nationwide at 455 centres. The appointment of these centres makes it more convenient for Insured Persons to receive dialysis treatment.

The number of SOCSO Panel Dialysis Centres from 2010 to 2014 is shown in Chart 19.

**CARTA 19: BILANGAN PUSAT DIALISIS PANEL PERKESO 2010-2014**

Chart 19: Number of SOCSO Panel Dialysis Centres 2010-2014


**Pendermaan Mesin Hemodialisis**

Pada 2014, PERKESO telah meluluskan pendermaan mesin hemodialisis sebanyak 29 unit kepada 20 buah Pusat Dialisis Panel PERKESO bertaraf NGO dan 2 unit mesin kepada Hospital Bentong.

Bilangan pendermaan mesin hemodialisis bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti Carta 20.

**Donation of Haemodialysis Machines**


In 2014, SOCSO approved the donation of 29 haemodialysis machines to 20 SOCSO's Panel Dialysis Centres categorised as NGOs and 2 machines to the Bentong Hospital.

The number of haemodialysis machines donated between 2010 and 2014 is shown in Chart 20.

**LAPORAN AKTIVITI**  
 ACTIVITIES REPORT

**CARTA 20: PENDERMAAN MESIN HEMODIALISIS 2010-2014**

Chart 20: Donation of Haemodialysis Machines 2010-2014


**Perbelanjaan Rawatan Dialisis**

Pada 2014, PERKESO telah membelanjakan sejumlah RM158.07 juta bagi membiayai rawatan dialisis, peningkatan sebanyak 28.68% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan kesan langsung pertambahan jumlah pesakit buah pinggang.

Jumlah perbelanjaan rawatan dialisis bagi tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti dalam Carta 21.


**Expenditure for Dialysis Treatment**

In 2014, SOCSO spent RM158.07 million for payment of dialysis treatment, an increase of 28.68% in comparison to the previous year. This increase is directly caused by the increase in patients with kidney failure.

The total expenditure for dialysis treatment from 2010 to 2014 is shown in Chart 21.

**CARTA 21: PERBELANJAAN KEMUDAHAN RAWATAN DIALISIS 2010-2014**

Chart 21: Expenditure on Dialysis Treatment Facility 2010-2014



**LAPORAN AKTIVITI**

## ACTIVITIES REPORT

**Majlis Penyerahan Mesin Hemodialisis**

Pada 20 September 2014, YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia telah merasmikan dan menyerahkan dua unit mesin hemodialisis kepada Dato' Zaki Morad bin Mohd Zaher, Pengurus NKF bagi pihak KAS - Rotary - NKF Kuching.

**Handing Over Ceremony for Haemodialysis Machines**

On 20 September 2014, YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, the Human Resources Minister, officiated and handed over two haemodialysis machines to Dato' Zaki Morad bin Mohd Zaher, Chairman of the NKF on behalf of the KAS - Rotary - NKF Kuching.

**KLINIK PANEL ORANG BERINSURANS**

PERKESO telah melantik klinik swasta sebagai klinik panel bagi memberi rawatan kepada Orang Berinsurans yang ditimpa bencana kerja seperti di Jadual 15.

Penambahbaikan telah dibuat ke atas syarat pelantikan klinik swasta sebagai klinik panel PERKESO yang mana Pegawai Perubatan perlu mengikuti Latihan Kesihatan Pekerjaan.

**INSURED PERSONS PANEL CLINICS**

SOC SO has appointed private clinics as panel clinics in order to treat Insured Persons who have been affected by work related injuries as specified in Table 15.

The conditions for the appointment of private clinics as SOCSO's panel clinics have been reviewed and improved whereby the Medical Officers has to attend Occupational Health Training.

**JADUAL 15: KLINIK PANEL ORANG BERINSURANS 2013-2014**

Table 15: Insured Persons Panel Clinics 2013-2014

KATEGORI / CATEGORY	2013	2014
Klinik Panel (Doktor yang Mempunyai Latihan Kesihatan Pekerjaan) Panel Clinics (Doctors with Occupational Health Training)	700	815
Klinik Panel (Doktor Yang Tidak Mempunyai Latihan Kesihatan Pekerjaan) Panel Clinics (Doctors Without Occupational Health Training)	2,004	390
<b>Jumlah Semasa Bilangan Klinik Panel PERKESO berdaftar Current Total Number Of SOCSO's Panel Clinics</b>	<b>2,704</b>	<b>1,205</b>

## LAPORAN AKTIVITI ACTIVITIES REPORT

### Kadar Caj Rawatan Klinik Panel

Hasil daripada beberapa sesi perbincangan dan kerjasama dengan Persatuan Perubatan Malaysia, satu kadar Fi yang baharu bagi Klinik Panel PERKESO telah dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. Pada bulan Jun 2014, Lembaga PERKESO telah bersetuju untuk menerima cadangan kadar baharu bayaran klinik panel berkuatkuasa pada 1 Julai 2014 seperti di Jadual 16 berikut.

### JADUAL 16: KADAR CAJ RAWATAN KLINIK PANEL

Table 16: Panel Clinic Treatment Charges Rate

KATEGORI / CATEGORY	KADAR / RATE
Kategori A (Ringan) / Category A (Mild)	RM75.00
Kategori A (Sederhana) / Category A (Moderate)	RM100.00
Kategori A (Parah) / Category A (Severe)	RM120.00
Kes Susulan (Bagi kategori A – Sederhana dan Parah) Follow up case (For category A - Moderate and Severe)*	RM25.00 per sesi / per session Maksimum 2 kali susulan To a maximum of 2 follow up
Kategori B / Category B	RM25.00
Kategori C / Category C	RM35.00

\*Rawatan susulan perlu dilakukan dalam tempoh 14 hari dari tarikh kecederaan

\*Follow-up treatment is to be done within 14 days from the date of injury

### Bayaran Ganti Belanja

Bayaran Ganti Belanja merupakan tuntutan bayaran balik perkhidmatan perubatan dan pemulihan yang telah dilakukan oleh Orang Berinsurans di dalam dan luar negara. Pada 2014, bayaran ganti belanja berjumlah RM13.25 juta iaitu peningkatan sebanyak 10.79% berbanding RM11.96 juta pada tahun sebelumnya.

### Reimbursement of Claims

Reimbursement of Claims are reimbursement payments for medical and rehabilitation services received by Insured Persons both locally and overseas. In 2014, a total of RM13.25 million was spent on reimbursement of claims, a increase of 10.79% in comparison to RM11.96 million the previous year.

**LAPORAN AKTIVITI**

ACTIVITIES REPORT

**PROGRAM RETURN TO WORK**

Program ini merupakan kemudahan pemulihan fizikal yang disediakan kepada Orang Berinsurans yang mengalami hilang upaya akibat kecederaan atau penyakit bagi mengembalikan fungsi anggota badan dan mental seterusnya kembali semula ke alam pekerjaan lebih awal, sihat dan selamat. Pada 2014, seramai 2,583 Orang Berinsurans yang menyertai program ini telah berjaya dipulihkan, melebihi sasaran yang telah ditetapkan iaitu 2,000 orang. Sejak program ini dilancarkan pada Januari 2007 sehingga Disember 2014, seramai 10,634 Orang Berinsurans telah berjaya dipulihkan dan kembali semula bekerja.

**INISIATIF DAN AKTIVITI****Team Building Pengurusan Hilang Upaya**

Bengkel *Team Building Pengurusan Hilang Upaya* telah pun diadakan pada 20 - 24 Januari 2014 bertempat di Agrotek Garden Resort, Hulu Langat, Selangor. Bengkel yang dikendalikan oleh Dr. Dini Rahiah Kadir daripada Aura Life Training & Consultancy, bertujuan untuk meningkatkan integrasi dan sinergi dikalangan Pengurus Kes dan Penolong Pengurus Kes.

**Bengkel Disability and Equality Training**

Bengkel *Disability and Equality Training* dengan tema *Towards Inclusion and Diversity* telah diadakan pada 24 April 2014, bertempat di Pejabat PERKESO Negeri Sabah dan pada 14 Oktober 2014 di Pejabat PERKESO Negeri Kedah. Program bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai konsep hilang upaya secara holistik dan menyeluruh. Program ini telah dihadiri seramai 110 peserta yang terdiri daripada majikan di sekitar negeri Sabah dan Kedah. Program tersebut telah dikendalikan oleh En. Faiz Hj. Abdul Rani yang merupakan orang kelainan upaya daripada Syarikat JB Prosthetic & Rehab Supply, Kota Kinabalu.

**RETURN TO WORK PROGRAMME**

This programme is a physical rehabilitation facility provided for Insured Persons with disabilities arising from injuries or illnesses in order to restore the functions of their physical and mental capacity and thereby to return them to work earlier, healthier and safer. In 2014, a total of 2,583 Insured Persons who participated in this programme were successfully rehabilitated, more than the target of 2,000 persons. Since January 2007, when the programme was launched, until December 2014, a total of 10,634 Insured Persons have successfully been rehabilitated and returned to work.

**INITIATIVES AND ACTIVITIES****Disability Management Team Building**

A Team Building Workshop on Disability Management was held from 20 - 24 January 2014 at the Agrotek Garden Resort, Hulu Langat, Selangor. The workshop was facilitated by Dr. Dini Rahiah Kadir from the Aura Life Training & Consultancy. The aim of the workshop was to raise the level of integration and synergy among the Case Managers and Assistant Case Managers.

**Workshop on Disability and Equality Training**

A Workshop on Disability and Equality Training with the theme "Towards Inclusion and Diversity" was held on 24 April 2014 at the Sabah SOCSO Office and on 14 October 2014 at the Kedah SOCSO Office. The programme aimed to give a holistic and comprehensive understanding of the concept of disability. This programme was attended by 110 participants from employers in and around Sabah and Kedah. The programme was facilitated by Mr. Faiz Hj. Abdul Rani, a disable person from the JB Prosthetic & Rehab Supply Company, Kota Kinabalu.

## LAPORAN AKTIVITI ACTIVITIES REPORT

### Seminar Konsep Pengurusan Hilang Upaya kepada Anggota Kerajaan dan Badan Berkanun Yang Berstatus Kontrak dan Sementara

Seminar ini telah diadakan pada 19 Ogos 2014 di Pejabat PERKESO Negeri Kuala Lumpur, telah dihadiri oleh 50 orang peserta. Sebanyak 4 kertas kerja telah dibentangkan. Seminar ini bertujuan memberi penerangan berkenaan konsep pengurusan hilang upaya serta kerjasama yang boleh dilaksanakan bersama PERKESO dalam mengurus hilang upaya di agensi masing-masing.

### Persidangan Serantau *Return To Work*

Bertemakan "*Economic Empowerment and Societal Reintegration*", persidangan ini telah berjaya menarik 1,200 peserta dari dalam dan luar negara khususnya ASEAN.

Persidangan ini telah diadakan pada 24 dan 25 Jun 2014 dan dirasmikan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Seramai 6 pembentang sesi "Key Note" dan 16 pembentang kertas kerja yang lain menjayakan persidangan kali ini. Di akhir sesi forum sebanyak 5 resolusi telah dicapai iaitu; mempertingkatkan kepimpinan dan penglibatan majikan dalam pelaksanaan program *Return To Work*, perluasan pengurusan hilang upaya dalam kerangka perundungan sedia ada, mempertingkatkan kesedaran kepentingan pengurusan hilang upaya di kalangan stakeholders, memperkuuhkan kerjasama antara agensi bagi kemampunan ekonomi, dan menerima serta mengguna pakai amalan terbaik ke arah pelaksanaan integrasi sosial.

### Lawatan Delegasi BPJS Ketenagakerjaan Indonesia

Lawatan delegasi BPJS Ketenagakerjaan Indonesia ke PERKESO pada 26 Jun 2014 bertujuan mempelajari dan berkongsi pengalaman mengenai Program *Return To Work*. Sepanjang lawatan tersebut, delegasi didedahkan dengan konsep pengurusan kes secara menyeluruh dan sistematis dalam usaha BPJS melaksanakan program yang sama di Indonesia.

### Seminar on the Concept of Disability Management for Contractual and Temporary Staff of Government and Statutory Bodies

50 people attended this seminar which was held on 19 August 2014 at the Kuala Lumpur State SOCSO Office. Four working papers were tabled. The purpose of this seminar was to give information on the concept of disability management as well as the cooperation that could be initiated with SOCSO in managing disabilities in their own agencies.

### Return To Work Regional Conference

"Economic Empowerment and Societal Reintegration" was the theme of this conference which was attended by 1,200 local and foreign participants, mostly from ASEAN.

This conference was held on 24 and 25 June 2014 and was officiated by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jarem, the Human Resources Minister, at the Putra World Trade Centre (PWTC) in Kuala Lumpur.

The Conference had 6 key-note speakers and 16 other presenters who tabled working papers. At the end of the forum, 5 resolutions were adopted, namely, to improve the leadership and involvement of the employers in implementing the Return To Work Programme; to expand disability management in the existing legislation; to raise awareness of the stakeholders concerning the importance of disability management; to strengthen inter-agency cooperation for economic sustainability; and to receive and adopt best practices in the implementation of social integration.

### Indonesian BPJS Labour Delegation Visit

The BPJS Labour delegation from Indonesia visited SOCSO on 26 June 2014 with the aim of learning and sharing experiences related to the Return To Work Programme. During the visit, the delegates were exposed to the concept of holistic and systematic case management as the BPJS seeks to implement similar programme in Indonesia.

**LAPORAN AKTIVITI**

ACTIVITIES REPORT

**Program Latihan Kepada Kakitangan BPJS  
Ketenagakerjaan Indonesia**

Susulan daripada lawatan delegasi BPJS Indonesia ke PERKESO pada Jun 2014, Pegawai dari Cawangan *Return To Work* telah dijemput ke Jogjakarta, Indonesia pada 4-8 November 2014 bagi memberi latihan intensif kepada kakitangan BPJS Indonesia berkenaan pengurusan hilang upaya. Dalam program ini, seramai 30 peserta yang terdiri daripada doktor perubatan dan pengamal dalam bidang sains telah turut serta.

**PROGRAM SARINGAN KESIHATAN**

Program yang telah diperkenalkan dua tahun lalu kepada pencarum PERKESO telah dimanfaatkan oleh lebih 400,000 pencarum di seluruh negara. Pada 2014, sebanyak 266,400 baucar lagi telah diedarkan kepada pencarum yang layak dan menjadikan jumlah keseluruhan hampir 1.9 juta baucar telah diedarkan kepada pekerja melalui majikan masing-masing.

**INISIATIF DAN AKTIVITI**

Bagi memastikan penggunaan baucar yang lebih meluas, PERKESO telah mengambil pelbagai inisiatif dan hebatan mengenai program ini kepada orang ramai menerusi jalinan kerjasama dan penambahan klinik panel pemeriksaan kesihatan. Di antara aktiviti yang telah dijalankan adalah:-

**Penggunaan Bunting HSP Di Klinik Panel HSP**

PERKESO telah membekalkan bunting promosi berkenaan program ini kepada kesemua klinik panel HSP di seluruh negara. Penggunaan bunting ini menjadi satu medium hebatan bagi mempromosi program ini.

**Training Programme for the Indonesian  
BPJS Labour Staff**

Following the BPJS delegation's visit to SOCSO in June 2014, the officers from Return To Work Branch was invited to Jogjakarta, Indonesia from 4-8 November 2014 to provide intensive training to BPJS Indonesia staff regarding disability management. A total of 30 participants comprising medical doctors and practitioners in related fields of science attended this programme.

**HEALTH SCREENING PROGRAMME**

This programme which was introduced two years ago to SOCSO contributors has benefitted more than 400,000 contributors throughout the country. In 2014, a total of 266,400 vouchers were distributed to eligible contributors, bringing the total number of vouchers distributed to employees through their employers to nearly 1.9 million.

**INITIATIVES AND ACTIVITIES**

In order to ensure wider use of vouchers, SOCSO undertook several initiatives and publicity measures regarding this program to the public through closer cooperation with and additional panel health screening clinics. Among the activities carried out are: -

**HSP Buntings at HSP Panel Clinics**

SOCSO has supplied promotional buntings in connection with this program to all HSP Panel Clinics nationwide. The use of these buntings became a publicity medium in order to promote this programme.

## LAPORAN AKTIVITI ACTIVITIES REPORT

### Peluasan Capaian HSP kepada Pencarum

Pada 2014, sejumlah 3,266 klinik telah mendaftar sebagai klinik panel di seluruh negara. Di samping itu, hospital-hospital yang berminat juga telah didaftarkan sebagai panel klinik bagi program ini. Di antaranya adalah kerjasama dengan KPJ Hospital Berhad, yang mana inisiatif telah dijalankan bagi mendaftarkan kesemua 25 cawangan hospital di bawah KPJ Hospital Berhad di seluruh negara sebagai klinik, makmal dan pusat mammogram klinik bagi Program HSP.

### Seminar Promosi Kesihatan Pekerja

Seminar bagi promosi kesihatan pekerja ini telah diadakan pada 19 Ogos 2014 bertempat di Corus Hotel, Kuala Lumpur. Pembentangan beberapa kertas kerja dan perkongsian pengalaman telah dibuat oleh beberapa pakar yang mewakili universiti, wakil majikan dan agensi Kerajaan. Pembentangan dengan tema *Initiating Employees' Health* telah memberikan gambaran jelas tentang perkembangan kesihatan serta pemeriksaan kesihatan di kalangan pekerja-pekerja, intervensi kesihatan tempat kerja yang dijalankan serta perspektif yang dapat dikongsi bersama oleh pembekal perkhidmatan kesihatan dan majikan di Malaysia.



Pembentangan Sempena Seminar Promosi Kesihatan Pekerja  
A presentation at the Occupational Health Promotion Seminar



Perasmian Seminar Promosi Kesihatan Pekerja  
Officiating the Occupational Health Promotion Seminar

### Expansion of HSP Access to Contributors

In 2014, some 3,266 clinics registered as panel clinics throughout the country. In addition, hospitals which were interested have also been registered as a panel clinic for this programme. Among these is the cooperation with KPJ Hospital Berhad, whereby initiatives have been taken to register all 25 branches of hospitals under KPJ Hospital Berhad as clinics, labs and clinical mammography centers for the HSP programme.

### Occupational Health Promotion Seminar

An Occupational Health Promotion Seminar was held on 19 August 2014 at the Corus Hotel, Kuala Lumpur. Several papers were presented and experiences were shared by several specialists representing Universities, employers' representatives and Government agencies. A presentation with the theme of "Initiating Employees' Health" has given a clear picture of developments in health and health screenings among employees, workplace health interventions which are ongoing and perspectives which were shared by health care service providers and employers in Malaysia.

**LAPORAN AKTIVITI**

## ACTIVITIES REPORT

**Program Turun Padang YB Menteri Sumber Manusia**

Keprihatinan YB Menteri Sumber Manusia terhadap Program Saringan Kesihatan (HSP) telah membawa kepada penganjuran Program Turun Padang Menteri Sumber Manusia yang telah diadakan pada 28 November 2014 di Resort World Genting Highland. Program yang diadakan dengan kerjasama Genting Malaysia Berhad ini telah memberikan impak yang besar kepada publisiti HSP terutamanya di kalangan majikan bagi menggalakkan pekerja mereka menjalani saringan kesihatan. Serentak dengan program ini juga diadakan aktiviti HSP untuk pekerja Resort World Genting Highland yang membawa kepada penyertaan hampir 400 orang pekerja yang mengambil peluang menjalani saringan kesihatan pada hari tersebut.



Perasmian Program Turun Padang Menteri Sumber Manusia ke Program HSP di Resort World Genting Highland  
 The Official Opening of the HSP, 'Program Turun Padang' at Resort World Genting Highland

**'Program Turun Padang'**  
**by YB Human Resources Minister**

The YB Minister of Human Resources's concerns towards the Health Screening Programme (HSP) led to the organising of the 'Program Turun Padang' by the Human Resources Minister. This programme was held on 28 November 2014 at Resorts World Genting Highland. The programme, held in collaboration with Genting Malaysia Berhad has been a big boost to the publicity drive for the HSP, particularly among employers in order to encourage their employees to undergo health screening. Concurrent with this programme, the HSP for the employees of Resort World Genting Highland was also held, leading to the participation of nearly 400 workers who took the opportunity to undergo a health screening on that day.



Menteri Sumber Manusia meninjau proses pemeriksaan kesihatan  
 The Human Resource Minister observes the health screening process

**Aktiviti Promosi Berkala Sepanjang Tahun**

PERKESO juga telah melaksanakan promosi untuk program HSP menerusi media cetak dan elektronik. Sehingga 31 Disember 2014, secara terkumpul seramai 412,052 orang pekerja telah memanfaatkan kemudahan saringan kesihatan dan daripada bilangan ini, 141,093 orang wanita telah menjalani pemeriksaan mammogram dengan perbelanjaan bagi tahun 2014 sebanyak RM16.57 juta. Sejumlah 3,266 buah klinik, 257 buah makmal dan 114 pusat mammogram pula telah berdaftar sebagai panel bagi perkhidmatan Program HSP.

**All Year Round Promotional Activities**

SOCZO has also implemented a promotional campaign for the HSP through the print and electronic media. As of 31 December 2014, a cumulative total of 412,052 employees have taken advantage of the health screening facility and of this number, 141,093 women have undergone a mammogram with the expenditure of RM16.57 million for 2014. A total of 3,266 clinics, 257 laboratories and 114 mammogram centers were registered as panels for the HSP services.

## LAPORAN AKTIVITI ACTIVITIES REPORT

### PUSAT REHABILITASI PERKESO

Pusat Rehabilitasi PERKESO yang dibina di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka telah mula beroperasi pada 1 Oktober 2014. Sehingga Disember 2014, seramai 95 pesakit telah mendapatkan rawatan pemulihan melalui program rehabilitasi fizikal dan vokasional secara komprehensif bagi mengembalikan semula Orang Berinsurans PERKESO ke alam pekerjaan dan secara tidak langsung dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Pusat Rehabilitasi PERKESO kini mempunyai kapasiti tenaga kerja seramai 93 orang yang terdiri daripada tenaga kerja dalam bidang sains kesihatan bersekutu, pemulihan, perubatan, pengurusan hilang upaya dan pentadbiran.

### PROGRAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

PERKESO telah melaksanakan usaha berterusan dalam mewujudkan budaya pencegahan kemalangan di tempat kerja dan dalam perjalanan ke tempat kerja. Ini bagi memastikan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan dipertingkatkan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan pekerja seiring dengan kehendak tiga tonggak Keselamatan Sosial yang diamalkan oleh PERKESO iaitu Pencegahan, Pemulihan dan Pampasan dan juga selaras dengan Seksyen 40 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

#### Program Promosi Keselamatan dan Kesihsatan Pekerjaan

PERKESO telah memperuntukkan sebanyak RM5.70 juta melalui Bantuan Geran Kewangan PERKESO kepada Badan-Badan Bukan Kerajaan bagi melaksanakan 688 program / kursus yang berkaitan dengan Keselamatan dan Kesihsatan Pekerjaan pada tahun 2014.

### SOCSCO REHABILITATION CENTRE

The SOCSO Rehabilitation Centre built in Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Melaka started operations on 1 October 2014. As of December 2014, a total of 95 patients had received rehabilitation through comprehensive physical and vocational rehabilitation programmes in order to restore all of SOCSO's Insured Persons to the working world and indirectly improve their lives. The SOCSO Rehabilitation Centre now has a capacity of 93 workforce consisting of people in the field of allied health sciences, rehabilitation, medical, disability management and administration.

### OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH PROGRAMME

SOCSCO has continuously made an effort in creating a culture of accident prevention at work and on the way to work. This is to ensure occupational safety and health awareness is enhanced to protect the interests and welfare of employees in line with the requirements of the three pillars of Social Security adopted by SOCSO, namely, Prevention, Rehabilitation and Compensation. This is also in line with Section 40 of the Employees' Social Security Act 1969.

#### Occupational Safety and Health Promotional Programme

SOCSCO has allocated RM5.70 million in the form of SOCSO Financial Assistance Grants to Non-Governmental Organisation in order to implement 688 programmes / courses which are related to Occupational Safety and Health in 2014.

**LAPORAN AKTIVITI**

ACTIVITIES REPORT



Program Advokasi dan Pencegahan sepanjang 2014  
 Advocacy and Prevention Programme throughout 2014

**Program Advokasi dan Pencegahan**

Sebanyak 248 program telah dilaksanakan oleh pejabat-pejabat PERKESO di seluruh negara dalam memastikan penurunan kadar kemalangan terutamanya kemalangan pergi dan balik kerja tercapai seperti mana yang disasarkan dalam Plan Tindakan Induk bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2011-2015 (OSHMP 2015).

**Advocacy and Prevention Programmes**

A total of 248 programmes have been carried out by SOCSO offices across the country to ensure the reduction of accidents, especially accidents to and from work as envisaged in the Master Plan of Action for Occupational Safety and Health 2011-2015 (OSHMP 2015).



Peserta-peserta Program *Train The Trainer* 2014 / Train the Trainer Programme 2014 participants

**Program Latihan *Train The Trainer* Modul  
 Pencegahan Kemalangan**

Program Latihan *Train The Trainer* Modul Pencegahan Kemalangan telah diadakan sebanyak 4 sesi mengikut zon. Sebanyak 130 orang peserta yang terdiri daripada Pengarah Negeri PERKESO, Pengurus Pejabat PERKESO dan Pegawai Eksekutif telah menghadiri program ini dan didedahkan dengan aspek-aspek pemanduan secara komprehensif selaras dengan kehendak Prevention Action Plan PERKESO 2013-2015.

**Accident Prevention Module of the Train  
 the Trainer Training Programme**

Four sessions of the Accident Prevention Module of the Train the Trainer Training Programme were held according to zones. A total of 130 participants, consisting of SOCSO State Directors, SOCSO Office Managers and Executive Officers, attended this programme and were exposed to comprehensive aspects of guidance in line with the requirements of SOCSO's Prevention Action Plan 2013-2015.

LAPORAN AKTIVITI  
ACTIVITIES REPORT

**Standard Good Practices in Implementing Commuting Safety Management**

PERKESO dengan kerjasama SIRIM Berhad telah berjaya membangunkan *Standard Good Practices in Implementing Commuting Safety Management* sebagai panduan kepada majikan untuk menyediakan langkah-langkah pencegahan kemalangan perjalanan kepada para pekerja. Ini merupakan garis panduan yang pertama di Negara ini.

**Standard Good Practices In Implementing Commuting Safety Management**

SOCSCO, in cooperation with SIRIM Berhad, has successfully developed Standard Good Practices in Implementing Commuting Safety Management as a guide to the employers so that they can initiate commuting accident prevention steps for the employees. This is the first such guidelines in this country.



Pelancaran Standard Good Practices In Implementing Commuting Safety Management 2014  
Launching of Standard Good Practices in Implementing Commuting Safety Management 2014

**LAPORAN AKTIVITI**  
 ACTIVITIES REPORT


Pelancaran Kempen Perjalanan Selamat Ke Tempat Kerja Kebangsaan 2014 bertempat di Mydin Mall, Seremban 2, Seremban, Negeri Sembilan  
 The launch of the National Safe Commuting to Work Campaign at the Mydin Mall, Seremban 2, Seremban, Negeri Sembilan

**Kempen Perjalanan  
 Selamat Ke Tempat Kerja Kebangsaan**

Mydin Holdings Berhad telah dipilih untuk bekerjasama dengan PERKESO bagi menjayakan Majlis pelancaran Kempen Perjalanan Selamat Ke Tempat Kerja Kebangsaan tahun 2014. Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Mydin Mall, Seremban 2 pada 12 April 2014. Kempen ini bertemakan "Janji Selamat Pergi Balik Kerja".

**Commuting Accident Prevention Seminar**

PERKESO dengan kerjasama MONASH University Malaysia telah menganjurkan *Commuting Accident Prevention Seminar 2014 (CAPS)* pada 9 - 10 Disember 2014. Seminar ini bertujuan memberi tumpuan khusus kepada tindakan pencegahan kemalangan perjalanan dan juga meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan kepada golongan pekerja dan majikan berkaitan isu-isu tersebut. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia. Seminar yang bertemakan "*Practical Solution for Prevention of Commuting Accidents*" telah diadakan di MONASH University Malaysia, Bandar Sunway.

**National Safe Commuting to Work Campaign**

Mydin Holdings Berhad was chosen to cooperate with SOCSO in carrying out the launching ceremony for the National Safe Commuting to Work Campaign 2014. The ceremony was officiated by YB Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, Deputy Minister of Human Resources at the Mydin Mall, Seremban 2 on 12 April 2014. This campaign was themed "Janji Selamat Pergi Balik Kerja".

**Commuting Accident Prevention Seminar**

SOCSO in collaboration with MONASH University Malaysia organised the Commuting Accident Prevention Seminar 2014 (CAPS) on 9 - 10 December 2014. This seminar aimed to focus exclusively on commuting accident prevention measures as well as to raise the level of awareness and knowledge of the employees and employers on these issues. The opening ceremony was officiated by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister of Human Resources. A seminar on the theme "Practical Solution for Prevention of Commuting Accidents" was held at MONASH University Malaysia, Bandar Sunway.

**LAPORAN AKTIVITI**  
ACTIVITIES REPORT



Majlis Perlancaran CAPS 2014 bertempat di Monash University Malaysia, Bandar Sunway  
Launching Ceremony for CAPS 2014 at Monash University Malaysia, Bandar Sunway

## OPS KESAN PERKESO

Dalam usaha untuk menggalakkan perusahaan yang masih belum berdaftar dengan PERKESO serta mematuhi AKSP 1969 dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Ops Kesan dijalankan dari pintu ke pintu di seluruh negara. Pada 2014, Bulan Pemutihan telah diadakan pada bulan April 2014, manakala Ops Kesan telah dilaksanakan sepanjang bulan Mei 2014 dan Pelancaran Ops Kesan Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 5 Mei 2014 di Pejabat Negeri Johor. Hasil daripada aktiviti ini, sejumlah 13,368 majikan telah berjaya dilawati dan sebanyak 1,445 notis kompaun telah dikeluarkan ke atas majikan yang gagal mendaftar perusahaan dan pekerjanya. Amaun kompaun berjumlah RM0.92 juta telah berjaya dikutip.

## SOCSCO's OPS KESAN

In order to encourage companies that have yet to be registered with SOCSO and comply with the ESSA 1969 and Employees' Social Security Regulations (General) 1971, Ops Kesan were conducted from door to door throughout the country. In 2014, 'Bulan Pemutihan' was held in April 2014, while Ops Kesan were carried out throughout the month of May 2014. The launch of the National Level Ops Kesan was held on 5 May 2014 at the Johor State Office. As a result of this activity, a total of 13,368 employers were visited and 1,445 compound notices were issued against employers who failed to register the company and its employees. The amount of the compounds collected totalled RM0.92 million.

**LAPORAN AKTIVITI**

ACTIVITIES REPORT

**PROGRAM PUBLISITI DAN PROMOSI**

Program publisiti diadakan bertujuan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada golongan pekerja dan majikan berkaitan skim dan faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO kepada mereka. Semua skim dan faedah ini disediakan selaras dengan AKSP 1969 dan Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971 yang dikeluarkan oleh PERKESO.

Program publisiti ini diadakan menerusi pembukaan booth atau pameran yang diadakan di premis majikan atau pun di tempat-tempat awam yang dikendalikan oleh pihak Ibu Pejabat dan pejabat PERKESO di seluruh Negara.

**Publisiti Menerusi Media Massa**

Publisiti melalui media massa memainkan peranan penting dalam memastikan semua informasi mengenai PERKESO dapat disebarluaskan kepada orang ramai. Publisiti melalui media cetak telah diterbitkan di akhbar-akhbar utama tempatan seperti di Utusan Malaysia, Kosmo, Berita Harian, Harian Metro, The Star, New Straits Times, The China Press, Nanyang Siang Pau, Tamil Nesan, Malaysia Nanban, Sarawak Borneo, Sabah Borneo dan lain-lain.

Publisiti meluas juga turut diadakan melalui radio dan media elektronik utama antaranya di TV1, TV2, TV3, NTV7, TV8, TV9, TV Al Hijrah, Bernama TV, Astro serta radio KLfm, Radio Minalfm, Radio Traxxfm dan Radio KLfm.

**PUSAT TRANSFORMASI BANDAR**

Sejajar dengan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan ke arah memberi perkhidmatan dengan lebih baik kepada rakyat, PERKESO komited mendokong pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan dalam transformasi penyampaian perkhidmatan Kerajaan dengan menyertai Pusat Transformasi Bandar (UTC). PERKESO telah meluaskan penyampaian perkhidmatannya di pusat UTC Melaka, Kuala Lumpur, Pahang, Perak, Kedah, Johor, Sarawak dan Sabah.

**PROMOTION AND PUBLICITY PROGRAMME**

Publicity programmes were held to provide an understanding and raise awareness among employees and employers concerning schemes and benefits provided by SOCSO for them. All these schemes and benefits are provided in accordance with ESSA 1969 and Employees' Social Security Regulations (General) 1971 which have been issued by SOCSO.

These publicity programmes were carried out through the setting up of booths or exhibitions which were held at the employers' premises or in public places. These were run by both the Headquarters and SOCSO offices nationwide.

**Publicity through the Mass Media**

Publicity through the mass media played an important role in ensuring that all information concerning SOCSO could be disseminated to the public. Publicity through print media have been published in major local newspapers such as Utusan Malaysia, Kosmo, Berita Harian, Harian Metro, The Star, New Straits Times, The China Press, Nanyang Siang Pau, Tamil Nesan, Malaysia Nanban, Sarawak Borneo, Sabah Borneo and others.

Widespread publicity was also conducted through radio and the main electronic media such as TV1, TV2, TV3, NTV7, TV8, TV9, TV Al Hijrah, Bernama TV, Astro as well as KLfm Radio, Minalfm Radio, and Traxxfm Radio.

**URBAN TRANSFORMATION CENTRE**

In line with the implementation of The Government Transformation Programme towards providing better services to the people, SOCSO is committed to upholding the National Blue Ocean Strategy in the transformation of public service delivery by participating in the Urban Transformation Centre (UTC). SOCSO has broadened its service delivery in the UTC Melaka, Kuala Lumpur, Pahang, Perak, Kedah, Johor, Sarawak and Sabah.

**LAPORAN AKTIVITI**  
ACTIVITIES REPORT

## SEMINAR PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL PERINGKAT NASIONAL

Seminar ini adalah program tahunan PERKESO bersama wakil Persekutuan Majikan Malaysia dan Kongress Kesatuan Sekerja Malaysia. Ianya dijalankan di seluruh Negara dengan tujuan menghebah dan meningkatkan kesedaran majikan dan pekerja berkaitan keselamatan sosial. Seminar ini dimulakan di Miri pada 1 April 2014, seterusnya di Bintulu, Seberang Jaya, Ipoh, Bangi, Kota Kinabalu, Kuching, Alor Setar, Johor Bahru, Melaka, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuantan, Batu Pahat, Port Dickson, Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan berakhir di Klang pada 9 September 2014.

Seminar sehari di 18 lokasi ini telah menarik seramai 2,098 peserta yang terdiri daripada majikan dan pekerja dari pelbagai industri. Pada tahun 2014, sektor Perkhidmatan Awam juga turut menyertai seminar ini setelah perlindungan skim-skim keselamatan sosial telah diperluaskan kepada pekerja kontrak dan sementara bagi anggota perkhidmatan awam berkuatkuasa mulai 1 Jun 2013.



## NATIONAL LEVEL SOCIAL SECURITY PROTECTION SEMINAR

This seminar is part of SOCSO's annual programme carried out together with representatives of the Malaysian Employers Federation and the Malaysian Trades Union Congress. The seminars were conducted throughout the country with the aim of publicizing and raising the awareness of employers and employees on social security. The seminars were initiated in Miri on 1 April 2014, and then followed by Bintulu, Seberang Jaya, Ipoh, Bangi, Kota Kinabalu, Kuching, Alor Setar, Johor Bahru, Melaka, Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuantan, Batu Pahat, Port Dickson, Kuala Lumpur, Petaling Jaya and ending at Klang on 9 September 2014.

This one-day seminar in 18 locations attracted 2,098 participants, consisting of employers and employees from various industries. In 2014, the Public Services sector also participated in these seminars after the social security schemes' protection had been extended to contractual and temporary staff of public service sector with effective from 1 June 2013.



**LAPORAN AKTIVITI**  
 ACTIVITIES REPORT

**Hari Bertemu Pelanggan**

"Hari Bertemu Pelanggan diadakan agar pencarum, majikan dan orang awam dapat merasai yang mereka sentiasa diberi perhatian dan dapat membantu mereka yang berada dalam kesusahan oleh PERKESO", menurut Datuk K. Selvarajah, Ketua Eksekutif PERKESO.

Program Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan pada hari Khamis pertama setiap bulan bertujuan untuk memberi bantuan khidmat nasihat kepada pelanggan bagi mengatasi sebarang masalah atau kemasukan berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh PERKESO. Pada tahun 2014, lebih 900 pelanggan telah hadir ke program ini yang diadakan di semua pejabat PERKESO termasuk di Ibu Pejabat. Antara khidmat nasihat yang diberi adalah berkaitan faedah yang disediakan di bawah skim PERKESO dan juga tatacara mengemukakan sesuatu tuntutan faedah. Dengan perlaksanaan program ini juga, ia dapat mengukuhkan pembudayaan amalan layanan mesra pelanggan dan secara keseluruhan meningkatkan lagi imej Organisasi.


**PENGURUSAN ADUAN AWAM**

Pada tahun 2014, PERKESO telah menerima sejumlah 2,642 aduan, berbanding 3,090 yang diterima pada tahun 2013, iaitu penurunan sebanyak 14.5%. Penurunan ini sepadan dengan penglibatan aktif PERKESO dengan media serta program Hari Bertemu Pelanggan ini dianjurkan oleh PERKESO dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga pembayaran segera bagi tuntutan-tuntutan faedah Orang Berinsurans seperti di Carta 22.

**Meet the Clients' Day**

"The Meet the Clients' Day was held so that the contributors, the employers and the public can feel that they are always cared for and that those who are in need can be assisted by SOCSO," said Datuk K. Selvarajah, SOCSO's Chief Executive.

The Meet the Clients' Day programme is held on the first Thursday of every month in order to provide advisory services to clients to help solve any issues or concerns regarding the services provided by SOCSO. In 2014, more than 900 customers attended this programme held in all SOCSO offices including the Headquarters. Among others, advice is given in relation to benefits provided under SOCSO's schemes as well as the procedure to submit a claim for benefits. With the implementation of this programme, the customer-friendly service practices culture can be strengthened and improve the overall image of the Organisation.

**MANAGEMENT OF PUBLIC COMPLAINTS**


In 2014, SOCSO received a total of 2,642 complaints, in comparison to 3,090 complaints in 2013. This reflects a reduction of 14.5%. This reduction corresponds to SOCSO's active involvement in the media as well as "Meet the Clients' Day" programme, jointly sponsored by SOCSO and the Non-Government Organisations (NGOs). It is also an effect of the prompt payment of the Insured Persons' benefit claims as shown in Chart 22.



**LAPORAN AKTIVITI**  
ACTIVITIES REPORT

**CARTA 22: STATISTIK ADUAN 2013-2014**

Chart 22: Complaints Statistics 2013-2014



**Jenis Aduan**

Pada 2014, antara jenis aduan yang paling kerap diterima adalah berkaitan dengan kegagalan oleh majikan untuk mendaftar / mencarum / melapor kemalangan, kelewatan / keputusan mengenai tuntutan faedah dan kualiti perkhidmatan seperti di Jadual 17 berikut:

**Types of Complaints**

In 2014, some of the most common categories of complaints were in relation to failure of employers in registering / contributing / reporting accidents, delay / decisions concerning benefit claims and service quality, as reported in Table 17:

**JADUAL 17: JENIS ADUAN DITERIMA 2013-2014**

Table 17: Types of Complaints Received 2013-2014

JENIS ADUAN / TYPES OF COMPLAINTS	2013	2014	% Perbezaan / Difference
Kegagalan oleh majikan untuk mendaftar / mencarum / melapor kemalangan Failure of employers to register / contribute / report the accidents	1,787	1,794	0.4
Kelewatan / keputusan mengenai tuntutan faedah Delay / Decision concerning benefit claims	82	11	-86.5
Kualiti perkhidmatan Quality of service	14	11	-21.4

**LAPORAN AKTIVITI**  
 ACTIVITIES REPORT

**Saluran Aduan**


Bagi tujuan memberikan perkhidmatan terbaik dan memenuhi ekspektasi pelanggan, PERKESO menyediakan pelbagai saluran untuk memudahkan orang ramai mengemukakan aduan. Pada 2014, sebanyak 2,074 atau 78.50% daripada aduan yang diterima adalah dengan pengadu hadir ke kaunter. Saluran elektronik melalui laman web aduan (<http://perkeso.spab.gov.my>), e-mel, Facebook, Twitter dan SMS menerima sebanyak 366 atau 13.85% daripada jumlah aduan yang diterima. Saluran lain seperti melalui surat dan telefon hanya menerima sebanyak 7.15% dan 0.50% aduan masing-masing. Carta 23 menunjukkan bilangan aduan mengikut saluran yang diterima;

**Complaint Channels**

For the purpose of providing the best service and meeting customer expectations, SOCSO provides various channels for the public to lodge complaints. In 2014, a total of 2,074 or 78.50% of the complaints received, were by the complainant appearing at the counter. Electronic channels via the website for complaints (<http://perkeso.spab.gov.my>), e-mail, Facebook, Twitter and SMS accounted for 366 or 13.85% of the total complaints received. Other channels, such as by mail and telephone only accounted for a total of 7.15% and 0.50% of complaints respectively. Chart 23 shows the number of complaints received according to the channels;

**CARTA 23: STATISTIK ADUAN MENGIKUT SALURAN 2014**

Chart 23: Complaint Statistics by Channels 2014



## LAPORAN AKTIVITI ACTIVITIES REPORT

### PROJEK ICT CORE SYSTEM

PERKESO telah membangunkan *ICT Core System* yang baru bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan PERKESO selaras dengan Program Transformasi Kerajaan dan berasaskan kepada tiga prinsip utama iaitu Adil, Cepat dan Tepat.

*ICT Core System* yang baru ini meningkatkan tahap kesiapsiagaan infrastruktur dan aplikasi bagi menyokong keperluan semasa dan akan datang dengan menggunakan teknologi terkini yang bercirikan standard terbuka (open standard) dan meningkatkan tahap kemahiran ICT di kalangan anggota PERKESO dalam aspek pembangunan sistem, pengurusan maklumat, projek, pangkalan data, keselamatan, rangkaian dan komunikasi.

#### Aktiviti dan Pencapaian

Pada 2014, PERKESO telah menambahbaik sistem ICT menerusi penggantian perkakasan *local area network*, *server*, *UPS*, keselamatan ICT, pembekalan *LCD projector* dan pembangunan sistem *helpdesk*.

#### Pembangunan Sistem EHR

PERKESO telah memutuskan untuk membangunkan Sistem Pengurusan Sumber Manusia bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan Pengurusan Sumber Manusia kepada anggota dalaman. eNCoral (M) Sdn Bhd telah dilantik sebagai pembekal bagi pembangunan sistem berkenaan. Pelaksanaan adalah peringkat pengujian pengguna dan akan mula memasuki fasa *go-live* pada Ogos 2015.

### ICT CORE SYSTEM PROJECT

SOCSCO is developing a new ICT Core System to improve the efficiency and effectiveness of SOCSCO's service delivery in accordance with the Government Transformation Programme and based on three main principles, that is, Fair, Fast and Accurate.

The new ICT Core System, increased the level of preparedness of the infrastructure and applications to support current and future needs by using the latest technology that is characterized by open standard and increase the level of ICT skills among SOCSCO Staff in the aspects of system development, information management, project, database, security, networking and communications.

#### Activity and Achievements

In 2014, SOCSCO improved the ICT system through hardware replacement for local area network, server, UPS, ICT security, LCD projector supplies and the development of a helpdesk system.

#### Development of the EHR System

SOCSCO decided to develop a Human Resource Management System to improve the efficiency and effectiveness of the Human Resource Management's service delivery to internal staff. eNCoral (M) Sdn Bhd was appointed as the supplier for the development of the system. Implementation is the stage of user testing and will begin the go-live phases in August 2015.

**LAPORAN AKTIVITI**  
ACTIVITIES REPORT**Pelanjutan Kontrak Rangkaian  
Jalur Lebar SOCSO\*NET**

PERKESO telah memutuskan untuk melanjutkan kontrak perkhidmatan Rangkaian Jalur Lebar SOCSO\*NET bagi memastikan *ICT Core System* sedia ada berfungsi dan tidak memberi impak kepada kelancaran penyampaian PERKESO. PERKESO telah melantik GITN Berhad sebagai pembekal perkhidmatan Rangkaian Jalur Lebar SOCSO\*NET.

**Pelanjutan Kontrak AS/400**

PERKESO telah memutuskan untuk melanjutkan kontrak perkhidmatan penyelenggaraan AS/400 bagi memastikan *ICT Core System* sedia ada berfungsi dan tidak memberi impak kepada kelancaran penyampaian PERKESO. PERKESO telah melantik Mesiniaga Berhad sebagai pembekal perkhidmatan penyelenggaraan AS/400.

**Extension of Contract for the SOCSO\*NET  
Broadband Network**

SOCSO decided to extend the contract for the Broadband Network SOCSO\*NET service to ensure that existing ICT Core System functions and does not impact SOCSO's delivery efficiency. PERKESO has appointed GITN Berhad as the service provider for the SOCSO\*NET Broadband Network.

**Extension of AS/400 Contract**

SOCSO decided to extend the maintenance services contract AS/400 to ensure that the existing ICT Core System functions and does not impact SOCSO's delivery efficiency. SOCSO has appointed Mesiniaga Berhad as the suppliers of maintenance services AS/400.



## LAPORAN AKTIVITI ACTIVITIES REPORT

### Aktiviti Change Management Team

Change Management Team dengan kerjasama, Century Software (M) Sdn. Bhd. telah mengadakan latihan *Train The Trainer* untuk pegawai dan anggota di semua peringkat melibatkan modul di bawah kluster 1 iaitu Pendaftaran, Caruman dan Kutipan.

Melalui pendekatan ini, semua *process owner*, *domain experts* yang merupakan sebahagian daripada pengurusan Projek PINTAR PERKESO dan *key user* yang dipilih akan dilatih dan seterusnya mengendalikan *End User Training (EUT)* kepada anggota mereka di pejabat masing-masing. Objektif utama latihan ini adalah seperti berikut:-

- Peserta dilatih menjadi pelatih yang berdikari, tidak memerlukan sokongan dan bantuan daripada pihak lain.
- Peserta terlatih dan mahir dalam menggunakan sistem ini bagi ketiga-tiga modul iaitu Pendaftaran, Caruman dan Kutipan.

### PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Sejajar dengan aspirasi PERKESO untuk melahirkan modal insan yang kompeten, berilmu, berprestasi tinggi, profesional dan beretika serta mempunyai daya saing, pelbagai inisiatif dan penambahbaikan telah diambil dan diberikan penekanan oleh pihak pengurusan.

Usaha memperkasa pembangunan modal insan menerusi latihan bersepadu telah dijalankan ke arah memantapkan budaya kerja, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran anggota PERKESO. Sepanjang 2014, sebanyak 48 sesi kursus anjuran dalaman melibatkan 1,680 anggota, 236 kursus anjuran luaran melibatkan 785 anggota dan 40 kursus di luar negara yang melibatkan 92 anggota telah diadakan menerusi Pelan Operasi Latihan yang komprehensif.

### Change Management Team Activity

The Change Management Team in collaboration with Century Software (M) Sdn. Bhd organised a Train The Trainer training session for all the officers and staff. The training session involved modules under cluster 1: Registration, Contributions and Collections.

Through this approach, all the process owners, and domain experts who are part of the SOCSO's PINTAR project management and selected key users will be trained and thus carry out the End User Training (EUT) to their staff in their respective offices. The main objective of this training is as follows:-

- The participants are trained to become independent trainers who do not require support or help from other sources.
- The participants are trained and skilled in using this system for all three modules, i.e. Registration, Contributions and Collections.

### HUMAN RESOURCE MANAGEMENT AND DEVELOPMENT

In line with SOCSO's aspiration of creating human capital that is competent, knowledgeable, high performing, professional and ethical, as well as being competitive, Management has taken various initiatives and improvements focused on human capital.

Efforts to strengthen human capital development through integrated training have been geared towards strengthening the culture of work, improving knowledge and skills of SOCSO's staff. During 2014, a total of 48 sessions of internal courses were organised, involving 1,680 staff, 236 external courses were organised involving 785 staff and 40 overseas courses were organised involving 92 members. These were held through a comprehensive Training Operations Plan.

**LAPORAN AKTIVITI**

## ACTIVITIES REPORT

Usaha-usaha penambahbaikan skim dan terma perkhidmatan turut diberikan perhatian bagi memastikan kebajikan dan warga kerja PERKESO terus mendapat manfaat yang sewajarnya. Inisiatif memantapkan lagi pengurusan dalam merancang, menyelaras, menyedia dan mengawal hal-hal yang berkaitan dengan pengurusan gaji dan prestasi anggota serta meningkatkan hubungan dan persekitaran kerja yang baik antara pengurusan dengan anggota bagi mewujudkan keharmonian organisasi telah diberikan perhatian yang sewajarnya.

Pada 2014, beberapa penambahbaikan skim perkhidmatan turut dilaksanakan antaranya seramai 116 anggota telah menerima kenaikan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) yang telah berkhidmat 13 tahun dan lebih serta mengikut syarat-syarat ditetapkan.

Bagi memantapkan pengurusan dan operasi organisasi, seramai 137 anggota Kumpulan Eksekutif dan 56 anggota Kumpulan Bukan Eksekutif di pelbagai Unit, Cawangan, Bahagian dan Pejabat PERKESO telah melalui proses pertukaran. Proses ini bermatlamat memantapkan lagi aktiviti pengoperasian di PERKESO mengikut keperluan dan kesesuaian skil serta kemahiran anggota. Sehingga 31 Disember 2014, kedudukan statistik perjawatan adalah seperti di Jadual 18 berikut;

Efforts to improve the scheme and terms of service were also given attention to ensure the welfare and that SOCSO's staff continue to benefit accordingly. Initiatives to strengthen the management in planning, coordinating, providing and regulating matters relating to the management of salary and performance of personnel as well as improving relations and a good working environment between management and staff in order to create harmony, has been given the attention it deserves.

In 2014, several improvements to the service scheme were implemented leading to 116 staff who had served 13 years or more receiving promotions in the form of Personal to Holder according to specified terms and conditions.

In order to strengthen the management and operations of the organisation, a total of 137 executive staff and 56 non-executive staff from various Units, Branches, Divisions and SOCSO Offices have been through the transfer process. This process aims to further strengthen the activities and the operations of SOCSO according to the needs and appropriate skills and expertise of the staff. As at 31 December 2014, the position of personnel statistics are provided in Table 18 below;

**LAPORAN AKTIVITI**  
ACTIVITIES REPORT

**JADUAL 18 : STATISTIK PERJAWATAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2014**

Table 18: Personnel Statistics As At 31 December 2014

KUMPULAN JAWATAN Position Grouping	STATUS JAWATAN Status of Position	JUMLAH JAWATAN Number of Positions	JUMLAH DIISI Number Filled
Eksekutif / Executive	Tetap / Permanent Kontrak / Contract	1,007 152	1,006 23
<b>Jumlah Eksekutif</b> <b>Total Executive</b>		<b>1,159</b>	<b>1,029</b>
Bukan Eksekutif / Non Executive	Tetap / Permanent Kontrak / Contract Sambilan / Casual	927 2 232	909 0 221
<b>Jumlah Bukan Eksekutif</b> <b>Total Non Executive</b>		<b>1,161</b>	<b>1,130</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b> <b>(Eksekutif &amp; Bukan Eksekutif)</b> <b>Total Number</b> <b>(Executive &amp; Non Executive)</b>		<b>2,320</b>	<b>2,159</b>

PERKESO telah menyediakan kemudahan rawatan perubatan kepada anggota, pesara dan orang tanggungan di bawahnya. Sepanjang 2014, sebanyak 571 buah klinik panel perubatan, 143 buah klinik panel pergigian dan 76 buah hospital panel selain daripada hospital kerajaan telah dilantik di seluruh negara. Jumlah keseluruhan perbelanjaan perubatan bagi tahun 2014 adalah sebanyak RM18.39 juta meliputi perbelanjaan rawatan perubatan, rawatan bersalin dan rawatan pergigian.

SOCSO has been providing medical care to staff, retirees and its dependants. In 2014, a total of 571 panel medical clinics, 143 panel dental clinics and 76 panel hospitals other than government hospitals were appointed nationwide. The total amount of medical expenses for 2014 amounted to RM18.39 million, comprising medical care, maternity care and dental treatment.

**LAPORAN AKTIVITI**  
ACTIVITIES REPORT**Program Pengujian dan Penilaian Psikologi**

Pada 2014, penggunaan ujian psikologi dalam proses pengambilan perjawatan dan juga penempatan telah diperluaskan. Sebanyak 2,431 ujian telah ditadbirkan samada secara atas talian mahupun secara manual. Selain daripada itu, ujian personaliti juga telah diedarkan dalam siri ceramah program KEMBARA AKRAB.

**Program AKRAB PERKESO**

Program AKRAB (Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam) adalah merupakan sebahagian daripada program pembangunan personel di PERKESO. AKRAB PERKESO telah melaksanakan tanggungjawab sosial dan korporat secara pro-aktif pada tahun 2014. Di atas komitmen tinggi yang ditunjukkan oleh ahlinya, AKRAB telah memenangi pingat perak dalam Konvensyen Majlis AKRAB Kebangsaan 2014 melalui pelaksanaan program KEMBARA AKRAB bersama AKPK (Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit), Bank Negara Malaysia.

**Program Kaunseling dan Motivasi**

Pada 2014, Unit Psikologi telah melaksanakan beberapa siri program dengan kerjasama AKPK kepada anggota di semua pejabat PERKESO seluruh negara. Para peserta yang terlibat dengan program ini telah mendapat pendedahan mengenai beberapa panduan pengurusan kewangan dan kredit. Selain dari itu, kaunselor juga telah menjalankan sesi pengurusan stress di kalangan anggota dengan sokongan ahli AKRAB PERKESO.

**Psychological Assessment and Evaluation Programme**

In 2014, the use of psychological assessments in the recruitment and placing of staff was expanded. A total of 2,431 manual and online assessments were conducted. In addition, personality tests were distributed during the KEMBARA AKRAB talk series.

**SOCSCO AKRAB Programme**

AKRAB (Public Service Counseling Associates) programmes are an integral part of the personnel development program in SOCSO. SOCSO AKRAB has implemented corporate and social responsibility pro-actively in 2014. On top of the high commitment shown by its members, AKRAB won a silver medal in the 2014 National Convention of AKRAB Council through the implementation of KEMBARA AKRAB with the AKPK (Counselling and Debt Management Agency), Bank Negara Malaysia.

**Counselling and Motivational Programme**

In 2014, the Psychology Unit implemented a series of programmes in cooperation with AKPK to staff in all SOCSO offices across the country. The participants involved in the programme were exposed to a number of financial and credit management guidelines. In addition, the counselor also conducted stress management sessions among the staff with the support of SOCSO's AKRAB members.

**LAPORAN AKTIVITI**  
ACTIVITIES REPORT

## TADBIR URUS KORPORAT

PERKESO terus komited dalam memastikan tadbir urus korporat terbaik dapat dipraktikkan dalam melaksanakan peranan dan fungsinya. Justeru, Ahli Lembaga dan semua Jawatankuasa Lembaga yang dilantik sentiasa memainkan peranan dan tanggungjawab yang signifikan menerusi komitmen yang diterjemahkan di dalam kehadiran mereka di mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang telah diadakan sepanjang 2014 seperti ditunjukkan di Jadual 19-24 berikut.

## CORPORATE GOVERNANCE

SOCSCO remains committed in ensuring that good corporate governance can be practiced in the execution of its role and functions. Therefore, the Board Members and all Board Committees which are appointed continuously play a significant role and responsibility through their commitment which is translated into their attendance at meetings of the Board and Board Committees held during 2014, as shown in Table 19-24.

### JADUAL 19: KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA 2014

Table 19: Board Meeting Attendance 2014

BIL / NO	NAMA / NAME	KEHADIRAN / ATTENDANCE
1.	Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid	6 / 6
2.	Datuk K. Selvarajah	6 / 6
3.	Dato' Mohd Sahar bin Darusman	6 / 6
4.	Encik Lim Seng Gim	6 / 6
5.	Dr. Haji Daud bin Abdul Rahim	6 / 6
6.	Encik Ramadass a/l Arumugam	5 / 6
7.	Encik John Chua Kheng Chew	6 / 6
8.	Dr. Michael Chiam Tow Hui	6 / 6
9.	Encik Alan Khoo Choom Kwong	6 / 6
10.	Encik A. Navamukundan	6 / 6
11.	Haji Mohamad Ibrahim bin Haji Hamid <small>A.B.S.</small>	5 / 6
12.	Encik Abdul Halim bin Mansor	5 / 5
13.	Encik Gopalkishnam a/l Nadesan	1 / 1
14.	Encik Awang Ali bin Ahmad Raji @ Amat	6 / 6
15.	Dato' Dr. Vasan Sinnadurai	5 / 6
16.	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin	5 / 6
17.	Encik Lee Siang Chin	4 / 6

Nota: En. Abdul Halim bin Mansor diganti oleh En. Gopalkishnam a/l Nadesan (mulai 1 Jun 2014)

Note: Mr. Abdul Halim bin Mansor is replaced by Mr. Gopalkishnam a/l Nadesan (w.e.f 1 June 2014)

**LAPORAN AKTIVITI**  
 ACTIVITIES REPORT

**JADUAL 20: KEHADIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA PELABURAN 2014**

Table 20: Attendance of Investment Panel Committee Meeting 2014

BIL / NO	NAMA / NAME	KEHADIRAN / ATTENDANCE
1.	Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid	11 / 11
2.	Datuk K. Selvarajah	10 / 11
3.	Datuk K. Givananadam	10 / 11
4.	Encik Lee Siang Chin	7 / 11
5.	Encik A. Navamukundan	9 / 11
6.	Dr. Michael Chiam Tow Hui	9 / 11
7.	Puan Norzila binti Abdul Aziz	5 / 11
8.	Encik Munusamy Sengan	11 / 11

**JADUAL 21: KEHADIRAN MESYUARAT KHAS LEMBAGA 2014**

Table 21: Attendance of Special Board Meeting 2014

BIL / NO	NAMA / NAME	KEHADIRAN / ATTENDANCE
1.	Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid	2 / 2
2.	Datuk K. Selvarajah	2 / 2
3.	Dato' Mohd Sahar bin Darusman	0 / 2
4.	Encik Lim Seng Gim	2 / 2
5.	Dr. Haji Daud bin Abdul Rahim	2 / 2
6.	Encik Ramadass a/l Arumugam	1 / 2
7.	Encik John Chua Kheng Chew	2 / 2
8.	Dr. Michael Chiam Tow Hui	1 / 2
9.	Encik Alan Khoo Choom Kwong	1 / 2
10.	Encik A. Navamukundan	2 / 2
11.	Haji Mohamad Ibrahim bin Haji Hamid <small>A.B.S.</small>	0 / 2
12.	Encik Abdul Halim bin Mansor	0 / 1
13.	Encik Gopalkishnam a/l Nadesan	1 / 1
14.	Encik Awang Ali bin Ahmad Raji @ Amat	2 / 2
15.	Dato' Dr. Vasan Sinnadurai	1 / 2
16.	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin	1 / 2
17.	Encik Lee Siang Chin	1 / 2

Nota: En. Abdul Halim bin Mansor diganti oleh En. Gopalkishnam a/l Nadesan (mulai 1 Jun 2014)

Note: Mr. Abdul Halim bin Mansor is replaced by Mr. Gopalkishnam a/l Nadesan (w.e.f 1 June 2014)

**LAPORAN AKTIVITI**  
ACTIVITIES REPORT

**JADUAL 22: KEHADIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA 2014**

Table 22: Attendance of Board Audit Committee Meeting 2014

BIL / NO	NAMA / NAME	KEHADIRAN / ATTENDANCE
1.	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin	5 / 5
2.	Datuk K. Selvarajah	4 / 5
3.	Encik Alan Khoo Choom Kwong	4 / 5
4.	Haji Mohamad Ibrahim bin Haji Hamid <small>A.B.S.</small>	3 / 5
5.	Dr. Haji Daud bin Abdul Rahim	4 / 5

**JADUAL 23: KEHADIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN 2014**

Table 23: Attendance of Finance Committee Meeting 2014

BIL / NO	NAMA / NAME	KEHADIRAN / ATTENDANCE
1.	Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid	3 / 3
2.	Datuk K. Selvarajah	3 / 3
3.	Encik Lim Seng Gim	3 / 3
4.	Dato' Mohd Sahar bin Darusman	1 / 2
5.	Encik Abdul Malik bin Adam	1 / 1
6.	Encik John Chua Kheng Chew	3 / 3
7.	Encik Ramadass a/l Arumugam	2 / 3
8.	Encik Abdul Halim bin Mansor	2 / 3
9.	Encik Gopalkishnam a/l Nadesan	1 / 1
10.	Encik Awang Ali bin Ahmad Raji @ Amat	1 / 2
11.	Cik Catherine Jikunan	1 / 1

**LAPORAN AKTIVITI**  
 ACTIVITIES REPORT

**JADUAL 24: KEHADIRAN MESYUARAT JAWATANKUASA PERJAWATAN 2014**

Table 24: Attendance of Personnel Committee Meeting 2014

BIL / NO	NAMA / NAME	KEHADIRAN / ATTENDANCE
1.	Datuk Abu Huraira bin Abu Yazid	3 / 3
2.	Datuk K. Selvarajah	3 / 3
3.	Dato' Dr. Vasan Sinnadurai	1 / 3
4.	Dato' Mohd Sahar bin Darusman	2 / 3
5.	Encik Ramadass a/l Arumugam	2 / 3
6.	Encik John Chua Kheng Chew	2 / 3
7.	Haji Mohamad Ibrahim bin Haji Hamid A.B.S.	3 / 3
8.	Encik A. Navamukundan	3 / 3

**PENGURUSAN RISIKO**
**Risiko Strategik**

Secara keseluruhannya, kedudukan dana PERKESO dijangkakan terus berkembang bagi tempoh lima tahun akan datang dan mencecah RM26.70 bilion pada tahun 2018. Ramalan ini dibuat berdasarkan struktur alokasi aset PERKESO yang konservatif di antara 70% hingga 85% daripada pelaburan PERKESO adalah dalam instrumen sekuriti yang memberi pulangan tetap. Di samping itu, perluasan liputan PERKESO kepada semua Pekerja Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan yang berstatus sementara dan kontrak akan membawa kesan positif kepada dana PERKESO.

**Risiko Pasaran**

Pulangan pelaburan sebenar PERKESO (Real ROI) bagi tahun 2014 adalah memuaskan berbanding tahun 2013 pada kadar inflasi 3%. Pencapaian indeks Bursa Malaysia pada penutup 2014 di kedudukan 1,761.25 mata dengan penurunan sebanyak 5.66% berbanding tahun sebelumnya. Penurunan prestasi Bursa Malaysia pada pasaran saham disebabkan kebimbangan mengenai masa depan Greece dalam zon Euro

**RISK MANAGEMENT**
**Strategic Risks**

Overall, SOCSO's fund is expected to continue growing for the next five years and reach RM26.70 billion in 2018. This forecast was made based on SOCSO's conservative asset allocation whereby between 70% to 85% of SOCSO's investments are in security instruments with fixed returns. In addition, the expansion of SOCSO coverage to all temporary and contractual employees of the Federal Government and State Governments, Statutory Bodies and Local Authorities, will have a positive impact on the SOCSO fund.

**Market Risks**

SOCSO's actual investment returns (Real ROI) for 2014 is satisfactory compared to the year 2013 at the rate of inflation of 3%. At the close of 2014, Bursa Malaysia's index was at 1,761.25 points with a decrease of 5.66% over the previous year. Bursa Malaysia's decline in performance in the stock market was due to concerns about the future of Greece in the Eurozone and the fall in crude oil prices to the lowest level in

## LAPORAN AKTIVITI ACTIVITIES REPORT

serta kejatuhan harga minyak mentah kepada paras terendah dalam tempoh lima tahun terdahulu. Walau bagaimanapun, kedudukan kewangan PERKESO bergantung kepada tiga faktor utama iaitu kutipan caruman, pulangan pelaburan dan perbelanjaan.

### Risiko Aktuari

Kedudukan dana PERKESO secara keseluruhannya adalah memuaskan. Skim Bencana Pekerjaan merupakan satu skim yang dibayai sepenuhnya. Walau bagaimanapun, Skim Keilatan telah mencapai titik keseimbangannya memandangkan ia merupakan satu skim yang tidak dibayai sepenuhnya.

Dengan adanya Pusat Rehabilitasi yang mula beroperasi pada bulan Oktober 2014, pengurusan program *Return To Work* dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna; lebih banyak pekerja yang cedera dapat dipulihkan dan kembali bekerja semula.

Terdapat perancangan memperluaskan perlindungan keselamatan sosial oleh PERKESO kepada semua pekerja tempatan di sektor swasta tanpa mengira had gaji dengan caruman maksima pekerja yang diinsuranskan ditingkatkan daripada siling gaji RM3,000.00 kepada RM4,000.00. Selain itu, bayaran faedah juga dihadkan selari dengan siling gaji yang telah ditetapkan.

### Risiko Demografik dan Jangka Hayat

Risiko sosial pekerja dapat dilihat secara mendalam menerusi pertumbuhan bilangan tenaga kerja. Impak pertambahan bilangan tenaga kerja memberi kesan kepada keselamatan sosial dari sudut perluasan skop perlindungan keselamatan sosial dan masalah peningkatan jangka hayat.

Bilangan tenaga buruh di Malaysia pada tahun 2014 adalah seramai 13.93 juta. Purata jangka hayat lelaki ialah lebih kurang 72.5 tahun dan bagi wanita ialah lebih kurang 77.2 tahun. Bilangan pekerja yang melebihi umur 60 tahun adalah seramai 380,000 orang iaitu 2.79%. Malaysia

five years. However, the financial position of SOCSO depends on three main factors, namely the collection of contributions, investment returns and expenses.

### Actuarial Risks

The position of SOCSO's fund as a whole is satisfactory. The Employment Injury Scheme is a fully funded scheme. However, the Invalidity Scheme has reached its equilibrium point as it is a scheme that is not fully funded.

With the Rehabilitation Center starting operations in October 2014, the Return To Work programme management could be implemented more effectively; more injured employees could be rehabilitated and returned to work.

There are plans to expand SOCSO's social security coverage to all local employees in the private sector, regardless of salary limit, with the maximum contribution of insured workers increasing from RM3,000.00 wage ceiling to RM4,000.00. In addition, benefit payments are capped in line with the set salary ceiling.

### Demographic and Life Expectancy Risk

Employee's social risk can be seen in detail through the growth in the workforce. The impact of the increasing number of employees affected social security in terms of expanding the scope of social security protection and the increase in life expectancy.

The total workforce in Malaysia in 2014 was 13.93 million. The average male life expectancy was approximately 72.5 years and for females, approximately 77.2 years. The number of employees over the age of 60 was about 380,000 people, or 2.79% of the workforce. Malaysia is expected to experience

**LAPORAN AKTIVITI**

## ACTIVITIES REPORT

dijangka mengalami penuaan penduduk pada tahun 2021 apabila penduduk yang melebihi umur 65 tahun mencapai 7.1%. Cabaran PERKESO adalah untuk menentukan supaya kemampaman dananya dapat terus menampung peningkatan jangka hayat di mana bilangan penerima faedah dan pembayaran pencen bulanannya akan terus bertambah.

**Risiko Kewangan**

Daripada sudut risiko kewangan, kemampaman dana PERKESO bergantung kepada beberapa faktor seperti berikut;

- a. Kedudukan Ekonomi Dunia yang masih belum stabil akibat masalah ekonomi Negara Eropah yang masih bergerak perlahan.
- b. *Quantitative Easing* oleh Negara Eropah dan Jepun dan *outlook deflasi*.
- c. Pertumbuhan perlahan ekonomi China.
- d. Kejatuhan harga minyak global mulai Jun 2014. Akibat kejatuhan harga minyak berterusan, kerajaan Malaysia telah mengurangkan perbelanjaan operasi sebanyak RM5.5 billion untuk bajet tahun 2015. Selari dengan keputusan itu, ramalan pertumbuhan KDNK telah diturunkan daripada antara 5.0%-6.0% kepada antara 4.5%-5.5% dan defisit fiskal telah ditingkatkan daripada 3% kepada 3.3%.
- e. Kejatuhan nilai Ringgit Malaysia (RM) berbanding US Dollar (USD) mulai suku keempat 2014 yang menyebabkan import barang dan perkhidmatan menjadi lebih mahal.

an aging population in 2021 when the population above the age of 65 years reaches 7.1%. The challenge to SOCSO is to ensure that the sustainability of the fund can continue to accommodate the increase in life expectancy where the number of beneficiaries and payment of monthly pensions will continue to grow.

**Financial Risks**

From the perspective of financial risks, the sustainability of SOCSO's fund depends on a few factors as follows;

- a. A Global Economy which is yet to stabilize due to the problems in the slow moving economies of the European Nations.
- b. Quantitative Easing by Europe and Japan as well as a deflation outlook.
- c. The slow growth of China's economy.
- d. The drop in global oil prices from June 2014. As a consequence of the continual drop in oil prices, the Malaysian Government reduced operational expenses by RM5.5 billion in the 2015 budget. Aside from that decision, the growth of the GDP has been revised from between 5.0%-6.0% to between 4.5%-5.5%. The fiscal deficit has also been raised from 3% to 3.3%.
- e. The devaluation of the Ringgit Malaysia (RM) against the US Dollar (USD) from the fourth quarter of 2014 has resulted in the importing of goods and services becoming more expensive.

**LAPORAN AKTIVITI**  
ACTIVITIES REPORT

- f. Kemungkinan kenaikan kadar bunga di Amerika Syarikat selepas *Federal Reserve* menamatkan *Quantitative Easing* mengakibatkan kecairan di pasaran berkurangan.
- g. Kajian Aktuari ke 9 telah mengunjurkan keperluan untuk meningkatkan kadar caruman bagi Skim Keilatan sebanyak 0.5% supaya skim itu dibiayai sepenuhnya. Buat masa sekarang kekurangan tersebut dapat ditampung oleh lebihan yang terdapat daripada Skim Bencana Pekerjaan dan menerusi pulangan pelaburan.
- h. Cadangan perluasan skop perlindungan Skim Keselamatan Sosial kepada:
  - Skim Insurans Pekerjaan
  - Pemandu teksi (bekerja sendiri)
  - Pekerja asing
  - Semua pekerja tempatan di sektor swasta tanpa mengira had gaji

### Risiko Reputasi

Bagi tahun 2014, sebanyak 94,962 kes telah dibayar daripada 111,926 kes yang diterima. PERKESO telah membayar 99% daripada semua kes dalam tempoh Piagam Pelanggan yang ditetapkan. Didapati juga purata hari yang telah diambil bagi pemprosesan kes faedah secara umumnya telah berkurangan jika dibandingkan dengan tahun lalu.

- f. The possibility of an interest hike in the United States of America after the Federal Reserve stops Quantitative Easing has resulted in a decrease in market liquidity.
- g. The 9th Actuarial Study has highlighted the need to increase the rate of contribution towards the Invalidity Scheme by 0.5% so that the scheme can be fully funded. At the moment, the deficit can be accommodated through the available surplus of the Employment Injury Scheme and through investment returns.
- h. The proposed expansion of the Social Security Scheme protection scope to:
  - Employment Insurance Scheme
  - Taxi drivers (self-employed)
  - Foreign workers
  - All employees in the private sector regardless of salary limit

### Reputation Risks

For 2014, a total of 94,962 cases have been paid out of 111,926 cases received. SOCSO has paid 99% of all the cases within the period prescribed in the Client Charter. It was also found that the average number of days taken to process benefit cases generally have decreased compared to last year.

**LAPORAN AKTIVITI**  
 ACTIVITIES REPORT

**Risiko Operasi**

Berdasarkan kepada analisa *Strength, Weakness, Opportunity, Threat (SWOT)* dapat dirumuskan bahawa PERKESO mempunyai kekuatan struktur organisasi dengan 47 pejabat di seluruh Negara, anggota yang berpengalaman dan aliran kewangan yang kukuh daripada caruman dan pelaburan yang menjadi teras kekuatan organisasi.

Usaha untuk meningkatkan kutipan caruman boleh di pengaruhi oleh:-

- i) Kecekapan penguatkuasaan dalam mengutip caruman daripada majikan yang ingkar (*defaulter*) melalui pemeriksaan dan pendakwaan.
- ii) Kecekapan penguatkuasaan bagi memastikan semua majikan yang layak telah mendaftar dan membayar caruman.
- iii) Bilangan Pegawai Pemeriksa yang mencukupi untuk menjalankan pemeriksaan ke atas majikan dan bilangan kerani yang mencukupi untuk membantu pegawai.

**Risiko Keselamatan**

Secara umumnya, PERKESO terdedah kepada risiko keselamatan hartanya dari sudut kebakaran dan kecurian serta malapetaka lain seperti banjir dan pemendapan tanah yang perlu diberi perhatian khususnya terhadap bangunan kepunyaan PERKESO.

Walaupun banjir besar telah melanda Kuala Krai, Kota Bharu, Kemaman, Kuala Terengganu dan Temerloh, pihak PERKESO telah mengambil tindakan yang segera untuk memulihkan operasi pejabat berkenaan dalam tempoh yang singkat.

**Operational Risks**

Based on the analysis of Strength, Weakness, Opportunity, and Threat (SWOT), it can be concluded that SOCSO has a strong organisational structure with 47 offices around the country, experienced staff and strong financial flow from contributions and investments are the core strengths of the organisation.

Efforts to increase the collection of contributions can be influenced by:-

- i) The efficiency of enforcement in collection of contributions from employers who default through inspection and prosecution.
- ii) The efficiency of enforcement in ensuring that all eligible employers have registered and are paying the contributions.
- iii) Adequate Inspection Officers to conduct inspections on employers and adequate clerical staff to assist these officers.

**Security Risks**

In general, SOCSO is exposed to property security risks from fire, theft and other disasters such as flood and soil movement. These need to be given attention, particularly when it involves buildings owned by SOCSO.

Although major floods hit Kuala Krai, Kota Bharu, Kemaman, Kuala Terengganu and Temerloh, SOCSO took immediate action to restore the operations of the relevant offices within a short time frame.

**LAPORAN AKTIVITI**  
ACTIVITIES REPORT

PERKESO perlu melindungi komputer dan rangkaianya daripada dicerobohi oleh pihak yang tidak diingini. Bahagian Teknologi Maklumat perlu memastikan semua data tidak akan hilang atau tercemar semasa migrasi data daripada sistem lama kepada sistem baru.

**Risiko Teknologi Maklumat**

- i. PERKESO perlu memastikan projek PINTAR berjalan dengan lancar supaya dapat memberi perkhidmatan yang baik kepada pelanggan.
- ii. Sistem baru PINTAR perlu dilengkapkan dengan sistem *back up* dan pemulihan yang canggih.

**Risiko Perundangan**

PERKESO perlu meminimakan pendedahan pengurusan kontrak kepada risiko perundangan untuk mengelak kerugian yang tidak dijangka.

SOCSCO needs to protect its computers and network from being hacked by undesirable parties. The Information Technology Division needs to ensure that all data is not lost or contaminated while migrating from an old system to a new one.

**Information Technology Risks**

- i. SOCSO needs to ensure that its PINTAR project functions smoothly so that there is good delivery of service to the clients.
- ii. The new PINTAR system needs to be equipped with a back up and a sophisticated recovery system.

**Legal Risks**

SOCSCO needs to minimise exposure of contractual management to legal risks so as to avoid unforeseen losses.

**LAPORAN AKTIVITI**

ACTIVITIES REPORT


**AUDIT DAN KAWALAN DALAMAN**

Pengauditan dijalankan sepanjang tahun berdasarkan Rangka Kerja Berasaskan Risiko setelah suatu kajian dilaksanakan untuk menambaih proses pengauditan di PERKESO.

Pada 2014, sebelas (11) pengauditan telah disempurnakan di peringkat Ibu Pejabat dan Pejabat Tempatan. Ia merangkumi Pengurusan Gaji, Pengurusan Stok, Perolehan, Perakaunan, Pengurusan Tuntutan Faedah, Pengurusan Kutipan Caruman, Pinjaman Pendidikan, Perolehan Alat-alat Prostetik dan Pelaburan. Audit susulan juga dijalankan ke atas Program Motivasi Anak-anak Penerima Faedah, Pengemaskinian Caruman dan Prosesan Faedah di beberapa Pejabat PERKESO.

Selain itu, siasatan *Anti-fraud* juga dijalankan ke atas aduan yang diterima oleh Organisasi. Penemuan dari aktiviti pengauditan dibentangkan kepada Bahagian dan Jawatankuasa berkaitan serta kepada Jabatan Audit Negara.

Pada 2014, Naziran telah menjalankan lawatan ke 46 pejabat di seluruh negara dan membuat semakan terhadap 11,448 fail majikan. Objektif utama bagi memastikan AKSP 1969, Peraturan-Peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja 1971, Arahan dan Pekeliling berkaitan dipatuhi.

**AUDIT AND INTERNAL CONTROLS**

Auditing was conducted throughout the year based on the Risk-Based Framework after a study was carried out to improve the auditing process in SOCSO.

In 2014, eleven (11) audits were completed in the Headquarters and Local Offices. The audit included Payroll Management, Inventory Management, Procurement, Accounting, Benefits Claims Management, Contributions Collections Management, Education Loans, Procurement of Prosthetics and Investment. Follow-up auditing was also conducted on Motivation Programme for the Children of Benefit Recipients, Updating of Contributions and Benefits Processing in some SOCSO Offices.

Anti-Fraud investigation was also carried out based on a complaint received by the Organisation. The findings of the Auditing activity were tabled to the Divisions and Committees concerned and the National Audit Department.

In 2014, inspections were carried out in 46 offices throughout the country and 11,448 employers' files were checked. The main objective was to ensure compliance to the ESSA 1969, Employees' Social Security Regulations (General) 1971, as well as relevant Directives and Circulars.

## LAPORAN AKTIVITI ACTIVITIES REPORT

### INTEGRITI

Kewujudan Bahagian Integriti di PERKESO adalah selaras dengan Surat Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 bertarikh 20 September 2009 bertajuk "Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia" dan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 bertajuk "Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam".

Pada dasarnya Bahagian Integriti bertanggungjawab menyelaras kawalan dalaman PERKESO bagi mencegah aktiviti negatif seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa, pelanggaran proses kerja dan perkara-perkara yang berkaitan dengan etika. Anggota PERKESO dan masyarakat sekeliling yang berurusan dengan PERKESO dibudayakan dengan sikap zero tolerance terhadap perlakuan negatif yang tidak beretika dan tidak berintegriti. Pada asasnya peranan dan tanggungjawab Bahagian ini adalah menjurus kepada aktiviti iaitu Pembelajaran, Pencegahan, Penambahbaikan dan Penghukuman.

### INTEGRITY

The existence of the Integrity Division in SOCSO is in line with the Prime Minister's Directive No. 1 of 2009, dated 20 September 2009, entitled "Moving to Strengthen the Integrity of the Malaysian Government Administration Management System" and the Service Circular No. 6 of 2013 entitled "Establishment of Integrity Units in All Public Agencies."

Basically, the Integrity Division is responsible for coordinating SOCSO's internal controls to prevent negative activities such as corruption, abuse of power, violation of work processes and matters related to ethics. SOCSO Staff and the surrounding community who deal with SOCSO are cultivated with a zero tolerance attitude towards negative behaviors which are unethical and without integrity. Basically the role and responsibilities of the Division are led by the activities which are Education, Prevention, Improvement and Punishment.



**LAPORAN AKTIVITI**

ACTIVITIES REPORT

**AKTIVITI DAN PENCAPAIAN****Ikrar Integriti Korporat [Corporate Integrity Pledge (CIP)] Bersama SPRM**

Pada 6 Mei 2014, PERKESO telah menandatangani Ikrar Integriti Korporat bersama SPRM di Pejabat PERKESO Negeri Selangor, Petaling Jaya. Majlis menandatangani CIP tersebut telah disaksikan oleh YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Objektif menandatangani CIP adalah untuk memastikan tahap tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti yang tinggi serta menyumbang ke arah penambahbaikan persekitaran perkhidmatan di Malaysia. Lima prinsip CIP adalah;

- i. Mempromosi nilai-nilai ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik
- ii. Pengukuhan sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah
- iii. Pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkaitan perangi rasuah
- iv. Banteras sebarang bentuk amalan rasuah
- v. Sokongan kepada inisiatif pencegahan rasuah oleh SPRM

Bahagian Integriti telah menganjurkan beberapa siri ceramah mengikut zon supaya anggota dapat menghayati, meningkatkan kesedaran mengenai sifat-sifat positif, nilai-nilai murni, beretika serta memupuk budaya berintegriti. Intipati kepada modul yang disampaikan adalah pengenalan kepada integriti, fraud, rasuah dan salahguna kuasa serta pengendalian kes-kes tatatertib.

**ACTIVITIES AND ACHIEVEMENTS****Corporate Integrity Pledge (CIP) with MACC**

On 6 May 2014, SOCSO signed the Corporate Integrity Pledge with MACC at the Selangor SOCSO Office in Petaling Jaya. The ceremony was witnessed by YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Deputy Human Resources Minister.

The objective of signing the CIP is to ensure the high level of governance, transparency and accountability as well as to contribute to the improvement of the service environment in Malaysia. The five principles of the CIP are;

- i. Promoting the values of transparency, integrity and good governance
- ii. Strengthening of internal systems that support prevention of corruption
- iii. Compliance with laws and regulations to combat corruption
- iv. Eliminate any form of corruption
- v. Support for anti-corruption initiatives by MACC

The Integrity Division organised a series of talks according to zone so that the staff can appreciate and raise their awareness about positive traits, values, ethics and foster a culture of integrity. The essence of the given module is an introduction to integrity, fraud, corruption and abuse of power and handling of disciplinary cases.

## LAPORAN AKTIVITI ACTIVITIES REPORT

### AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

#### Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)

Mesyuarat pertama telah diadakan pada 17 November 2014 di Hotel Primera, Kuala Lumpur. Enam (6) terma rujukan yang dibincang dan dilaporkan adalah;

- a. Dasar dan Perundangan;
- b. Sistem dan Prosedur Penyampaian Perkhidmatan;
- c. Tindakan Pengesanan, Punitif dan Pemulihan;
- d. Pembudayaan Nilai-Nilai Murni dan Kod Etika;
- e. Pengurusan Pelanggan; dan
- f. Membina Pemuafakatan dengan Pihak Berkepentingan.

#### Pelantikan Duta Integriti

Bagi memudah dan melancarkan pengendalian aktiviti berkaitan integriti, Duta Integriti dari kalangan pegawai telah dilantik di setiap pejabat dan diberi latihan serta kursus berkaitan oleh SPRM.

### INISIATIF PENYELIDIKAN

Dalam memastikan keberkesanan program/aktiviti utama PERKESO sebagaimana yang digariskan di bawah Pelan Strategik PERKESO 2011-2015, kajian-kajian impak telah dibuat antaranya;

- Seminar Perlindungan Keselamatan Sosial Peringkat Nasional 2014
- Pemprosesan Faedah Orang Tanggungan
- Pemprosesan Faedah Pencen Penakat

Hasil kajian impak menunjukkan program/aktiviti utama yang telah dijalankan memberi impak positif kepada majikan, pekerja dan juga PERKESO. Program seminar yang dijalankan berjaya meningkatkan tahap pengetahuan dan kesedaran majikan dan pekerja terhadap skim-skim perlindungan PERKESO.

### ACTIVITY AND ACHIEVEMENTS

#### Integrity and Governance Committee

The first meeting was held on 17 November 2014 at Primera Hotel, Kuala Lumpur. Six (6) terms of reference were discussed and reported;

- a. Policy and Legislation;
- b. Delivery Systems and Procedures;
- c. Detection Action, Punitive and Rehabilitative;
- d. Enculturisation of Values and Code of Ethics;
- e. Customers Management; and
- f. Build Consensus with Stakeholders.

#### Appointment of Integrity Ambassador

To facilitate and expedite the handling of activities related to integrity, Integrity Ambassadors have been appointed from among the officers in every office and given training as well as courses related to the MACC.

### RESEARCH INITIATIVE

In order to ensure the effectiveness of SOCSO's programmes/key activities as outlined in SOCSO's Strategic Plan 2011-2015, impact studies have been made on them;

- The National Level Social Security Protection Seminar 2014
- Processing of Dependants' Benefit
- Processing of Survivors' Pension

The results show that the programmes/activities that have been undertaken have a positive impact on employers, employees and SOCSO. The ongoing seminar programme succeeded in increasing the level of knowledge and awareness of employers and employees on SOCSO's protection schemes.

**LAPORAN AKTIVITI**

## ACTIVITIES REPORT

Analisis tempoh pemprosesan Faedah Orang Tanggungan dan Pencen Penakat menunjukkan pelanggan secara keseluruhannya berpuas hati dengan tempoh masa pemprosesan dan kualiti perkhidmatan.

Sebagai salah satu usaha ke arah penambahbaikan berterusan pengurusan Organisasi juga, Kajian Kepuasan Bekerja Anggota PERKESO 2014 turut dijalankan. Keberkesanan atau impak daripada pengurusan modal insan dan organisasi yang baik bakal melahirkan anggota dengan tahap kepuasan bekerja yang tinggi, bermotivasi dan komited dalam meningkatkan produktiviti kerja sekaligus menyumbang kepada kecemerlangan Organisasi.

**INISIATIF KUALITI DAN INOVASI**
**Pensijilan MS ISO 9001:2008**

Pada tahun 2014, Audit pemantauan persijilan MS ISO 9001:2008 telah dilaksanakan pada 22 - 24 Disember 2014 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Pemantauan ini dilaksanakan bagi memenuhi amalan sistem pengurusan kualiti seperti yang digariskan dalam standard ISO 9001:2008.

Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 dilaksanakan bagi aktiviti memproses permohonan tuntutan Faedah melalui Sistem Imejan dan Kaedah Automasi PERKESO (SIKAP) berdasarkan keperluan MS ISO 9001:2008. Sistem pengurusan ini dilaksanakan di;

- Ibu Pejabat PERKESO
- Pejabat PERKESO Negeri, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Pejabat PERKESO Negeri, Negeri Sembilan
- Pejabat PERKESO Negeri, Selangor
- Pejabat PERKESO Negeri, Johor

An analysis of the processing period for Dependents' Benefit and Survivors' Pension showed that clients in general are satisfied with the time frame for processing claims as well as the quality of services.

As one of the efforts towards continuous improvement of the management of the Organisation, a Survey on Job Satisfaction Among SOCSO's Staff was also carried out in 2014. The effectiveness or impact of human capital management and good organisation will produce staff with a high level of job satisfaction, motivated and committed to improving work productivity as well as to contribute to the excellence of the Organisation.

**QUALITY AND INNOVATION INITIATIVES**
**MS ISO 9001:2008 Certification**

In 2014, a surveillance audit on the MS ISO 9001: 2008 certification was carried out from 22 - 24 December 2014 by SIRIM QAS International Sdn. Bhd. This surveillance audit was carried out to meet the quality management system practices as outlined in ISO 9001:2008 standard.

The MS ISO 9001: 2008 Quality Management System was implemented for the processing of benefits claims applications through SOCSO's Automated Imaging and Methods System (SIKAP) based on the requirements of MS ISO 9001: 2008. This management system was implemented in;

- SOCSO Headquarters
- SOCSO State Office, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- SOCSO State Office, Negeri Sembilan
- SOCSO State Office, Selangor
- SOCSO State Office, Johor

## LAPORAN AKTIVITI ACTIVITIES REPORT

Bagi mengekalkan pensijilan MS ISO 9001:2008, PERKESO telah melaksanakan program/aktiviti utama berkaitan dengan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 seperti berikut;

- Audit Kualiti Dalaman MS ISO 9001:2008
- Bengkel Pelan Tindakan Corrective Action and Preventive Action (CAPA)
- Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan
- Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan MS ISO 9001:2008

### Penilaian Penarafan Bintang

Penilaian Penarafan Bintang merupakan salah satu daripada inisiatif utama transformasi sektor awam. Penilaian ini dilaksanakan oleh pihak Kerajaan melalui Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bertujuan untuk mewujudkan budaya kecemerlangan berteraskan prestasi melalui persaingan sihat di kalangan agensi Sektor Awam. PERKESO merupakan salah satu Agensi Barisan Hadapan. Pada penilaian 2013, PERKESO telah menerima Penarafan Empat Bintang.

### Bulan Kualiti dan Inovasi

Bulan Kualiti dan Inovasi disambut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran anggota akan kepentingan budaya kualiti dalam pekerjaan. Ianya amat penting di dalam memastikan peningkatan produktiviti dan kualiti kerja dalam memenuhi ekspektasi pelanggan. Tema sambutan bulan kualiti tahun 2014 adalah "Kualiti Peneraju Kecemerlangan Produktiviti".

To maintain certification of MS ISO 9001: 2008, SOCSO has implemented programme/key activities related to the Quality Management System MS ISO 9001: 2008 as follows;

- MS ISO 9001 2008 Internal Quality Audit
- Corrective Action and Preventive Action (CAPA) Action Plan Workshop
- Management Review Meeting
- MS ISO 9001: 2008 Development Committee Meeting

### Star Rating Assessment

Star Rating Assessment is one of the key initiatives to transform the public sector. This assessment was conducted by the Government through the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) in order to create a performance-based culture of excellence through healthy competition among Public Sector Agencies. SOCSO is one of the Front Line agencies. In the 2013 assessment, SOCSO received a Four Star Rating.

### Innovation and Quality Month

The Quality and Innovation Month was observed and celebrated with the aim of raising the awareness of the staff concerning the importance of a culture of quality in work. It is very important in ensuring increased productivity and quality of work in meeting client expectations. The theme of quality month in 2014 was "Kualiti Peneraju Kecemerlangan Produktiviti".

**LAPORAN AKTIVITI**

## ACTIVITIES REPORT

Sambutan turut diadakan di semua 47 Pejabat PERKESO termasuk Ibu Pejabat. Antara aktiviti yang dianjurkan sempena sambutan Bulan Kualiti & Inovasi PERKESO 2014 adalah pertandingan dan anugerah kualiti perkhidmatan seperti berikut;

- Anugerah Kumpulan Inovatif & Kreatif Terbaik
- Anugerah Inovasi Terbaik
- Anugerah Pejabat PERKESO Terbaik
- Pertandingan Mencipta Tema Bulan Kualiti & Inovasi
- Pertandingan MyViews PERKESO
- Pertandingan Sudut Inovasi Terbaik
- Pertandingan Menulis Puisi Kualiti & Inovasi Terbaik
- Pertandingan Cadangan Inovasi Terbaik
- Anugerah Majikan Terbaik

Pada 2014, Anugerah Majikan Terbaik PERKESO buat julung kalinya telah diperkenalkan. Objektif penganjuran anugerah ini adalah bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada majikan yang telah menjalankan tanggungjawab cemerlang terhadap perlindungan keselamatan sosial pekerja serta pematuhan undang-undang dan arahan PERKESO. Pemenang bagi Anugerah Majikan Terbaik PERKESO 2014 adalah Aerospace Composites Malaysia Sdn Bhd dari Bukit Kayu Hitam, Kedah.

Kumpulan KIKAS dari Pejabat PERKESO Negeri Kedah telah mengharumkan nama PERKESO dengan pencapaian 3 Bintang dalam Konvensyen *Team Excellence Kebangsaan 2013*. Seterusnya mewakili Malaysia di peringkat antarabangsa dan memenangi *Silver Award di International Convention on Quality Control Circle (ICQCC) 2014*, Colombo, Sri Lanka.

Quality Month was held in all 47 SOCSO offices including Headquarters. Among the activities organized in conjunction with the SOCSO Quality & Innovation Month 2014 were competitions and service quality awards as follows;

- Best Innovation & Creative Circle (ICC) Award
- Best Innovation Award
- Best SOCSO Office Award
- Quality & Innovation Month Theme Competition
- MyViews PERKESO competition
- Best Innovation Corner Competition
- Best Quality and Innovation Poem Writing Competition
- Best Innovation Proposal Competition
- Best Employer Award

In 2014, the SOCSO Best Employer Award was introduced for the first time. The objective of this award was to give recognition and appreciation to employers who have shown outstanding responsibility towards the protection of workers' social security as well as legal compliance and SOCSO directives. The winner of the SOCSO Best Employer Award 2014 was Aerospace Composites Malaysia Sdn Bhd from Bukit Kayu Hitam, Kedah.

The KIKAS Group from the Kedah State SOCSO Office have brought honor to SOCSO by achieving 3 Stars in the National Team Excellence Convention 2013. They then represented Malaysia at the international level and won the Silver Award in the International Convention on Quality Control Circle (ICQCC) 2014 in Colombo, Sri Lanka.

# Anugerah & Pengiktirafan

## Awards & Recognition



Success ➔

## ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

### AWARDS AND RECOGNITION

#### Anugerah Antarabangsa

PERKESO sekali lagi melakar sejarah di peringkat antarabangsa apabila telah berjaya mendapat tempat pertama di *International Media Festival For Prevention (IMFP)* sempena *XX World Congress Safety and Health at Work* yang berlangsung di Frankfurt, Jerman pada 24 hingga 27 Ogos 2014. Jawatankuasa Juri *International Media Festival For Prevention (IMFP)* telah memutuskan video "Bayangkan..." adalah yang terbaik di antara 290 penyertaan daripada 33 buah negara di seluruh dunia dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



Majlis Penyampaian Anugerah IMFP, Frankfurt, Jerman.  
IMFP Award Ceremony, Frankfurt, Germany.

#### PERKESO sebagai ISSA Liaison Office

PERKESO telah diberi pengiktirafan untuk menerajui Pejabat Perhubungan (*Liaison Office*) *International Social Security Association (ISSA)* untuk Asia Tenggara mulai September 2014. Peranan ini dapat memberi peluang kepada PERKESO terlibat secara langsung dalam pelaksanaan garis panduan ISSA dan meningkatkan pengetahuan dalam keselamatan sosial dan kemahiran sumber manusia ke tahap antarabangsa.



#### International Award

SOCSCO once again created history at the international level when they won first place at the International Media Festival For Prevention (IMFP) in conjunction with the XX World Congress of Safety and Health at Work, which took place in Frankfurt, Germany from 24 to 27 August 2014. International Media Festival For Prevention (IMFP) Jury Committee decided that the video "Bayangkan ..." was the best among 290 entries from 33 countries around the world in terms of occupational safety and health.

#### SOCSCO's ISSA Liaison Office

SOCSCO has been accredited to lead the Liaison Office, International Social Security Association (ISSA) for Southeast Asia from September 2014. This role provides an opportunity for SOCSCO to be directly involved in the implementation of ISSA guidelines and to elevate social security knowledge and human resource skills to the international level.

**ANUGERAH DAN PENGITIRAFAN**  
AWARDS AND RECOGNITION



**38<sup>th</sup> International Convention  
on Quality Control Circle (ICQCC) 2014**

Kumpulan Inovatif dan Kreatif dari Pejabat PERKESO Negeri Kedah telah menerima anugerah Silver Award dalam 38<sup>th</sup> International Convention on Quality Control Circle (ICQCC) 2014 yang telah diadakan pada 12 - 15 Oktober 2014 di Colombo, Sri Lanka.

**38<sup>th</sup> International Convention  
on Quality Control Circle (ICQCC) 2014**

The Innovative and Creative Team from the Kedah SOCSO State Office received the Silver Award in the 38<sup>th</sup> International Convention on Quality Control Circle (ICQCC) 2014, held from 12 - 15 October 2014 in Colombo, Sri Lanka.

**ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN**  
AWARDS AND RECOGNITION



**Penarafan 5 Bintang**

PERKESO telah menerima Anugerah Cemerlang Penarafan 5 Bintang dalam *Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2013* oleh *Multimedia Development Corporation (MDEC)* pada 28 Mac 2014 bertempat di Auditorium JPA, Putrajaya.

**5 Star Rating**

SOCSO received the 5 Star Rating Excellence Award from the Multimedia Development Corporation (MDEC) in the Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2013 on 28 March 2014 at the JPA Auditorium in Putrajaya.

## ANUGERAH DAN PENGITIRAFAN AWARDS AND RECOGNITION

### Anugerah Pingat Perak Amalan Terbaik AKRAB

PERKESO telah berjaya memenangi Anugerah Pingat Perak Amalan Terbaik AKRAB dalam Konvensyen Majlis AKRAB Kebangsaan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Majlis penyampaian anugerah telah diadakan pada 19 Jun 2014 bertempat di Hotel De Palma, Shah Alam, Selangor.

### AKRAB Best Practices Silver Medal Category

SOCSCO won the Silver Medal Award for AKRAB Best Practices in the Public Services Department Malaysia AKRAB National Convention Ceremony. The Awards ceremony was held on 19 June 2014 at the Hotel De Palma, Shah Alam, Selangor.



### Pengiktirafan Harta Intelek Yang Dikomersilkan

PERKESO telah menerima pengiktirafan Kategori Harta Intelek yang Dikomersilkan menerusi Projek ICT PINTAR PERKESO daripada MIMOS. Majlis telah diadakan pada 1 November 2014 di Dewan Merdeka PWTC.

### Commercialised Intellectual Property Certification

SOCSCO received a certification from MIMOS in the Commercialised Intellectual Property Category through the SOCSO PINTAR ICT Project. The ceremony was held on 1 November 2014 at the Dewan Merdeka, PWTC.



## **ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN** AWARDS AND RECOGNITION

### **Konvensyen Team Excellence Kebangsaan 2014**

Kumpulan CCTV daripada Pejabat PERKESO Klang telah berjaya menerima Anugerah Emas 3 Bintang sempena Konvensyen Team Excellence Kebangsaan 2014. Majlis penyampaian anugerah telah diadakan pada 24 - 26 November 2014 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).



Kumpulan Kuale daripada Pejabat PERKESO Kuala Kangsar menerima Anugerah Emas 2 Bintang sempena Konvensyen Team Excellence Kebangsaan 2014. Majlis penyampaian anugerah telah diadakan pada 24 - 26 November 2014 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

### **National Team Excellence Convention 2014**

The CCTV group from the Klang SOCSO Office received the 3 Star Gold Award in conjunction with the National Team Excellence Convention 2014. The Awards ceremony was held on 24 - 26 November 2014 at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).



The Kuale Group from the Kuala Kangsar SOCSO Office received the Gold Award Two Stars in conjunction with the National Team Excellence Convention 2014. The award ceremony was held on 24 - 26 November 2014 in the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

**ANUGERAH DAN PENGITIRAFAN**  
AWARDS AND RECOGNITION

**Sambutan Bulan Inovasi  
Kementerian Sumber Manusia 2014**

Pejabat PERKESO Klang telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Kementerian Sumber Manusia. Majlis penyampaian anugerah telah diadakan pada 29 - 30 Oktober 2014 di Kementerian Sumber Manusia.



Pejabat PERKESO Pulau Pinang telah berjaya mendapat Naib Johan dalam Pertandingan Pejabat Terbaik (Amalan 5S) sempena Sambutan Bulan Inovasi Kementerian Sumber Manusia 2014. Majlis penyampaian anugerah telah diadakan pada 31 Oktober 2014 di Kementerian Sumber Manusia.



PERKESO telah berjaya mendapat Naib Johan Pertandingan Laman Web Terbaik Sempena Sambutan Bulan Inovasi Kementerian Sumber Manusia 2014. Majlis penyampaian anugerah telah diadakan pada 31 Oktober 2014 di Kementerian Sumber Manusia.



**Ministry of Human Resources Innovation  
Month 2014 Ceremony**

The Klang SOCSO Office managed to get third place in the Convention for the Innovative and Creative Circle (ICC), Ministry of Human Resources Level. The award ceremony was held on 29 - 30 October 2014 at the Ministry of Human Resources.

SOCSO Penang Office were the runners-up in the competition for Best Office (5S Practices) in conjunction with the Ministry of Human Resources Innovation Month in 2014. The award ceremony was held on 31 October 2014 at the Ministry of Human Resources.

SOCSO won the Second Prize in the Best Website Innovation Competition In conjunction with the Ministry of Human Resources in 2014. The award ceremony was held on 31 October 2014 at the Ministry of Human Resources.

**Program Saringan Kesihatan PERKESO adalah satu jangkauan keprihatinan mendekati rakyat berteraskan konsep 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan untuk meningkatkan kualiti hidup dengan mengamalkan gaya hidup sihat khususnya kepada golongan pekerja**

The SOCSO Health Screening Programme is a caring approach in reaching out to the people, based on the concept of 1Malaysia, People First Performance Now, to improve quality of life by adopting a healthy lifestyle, especially among the workers

# Diari Korporat

## Corporate Diary



## DIARI KORPORAT

### CORPORATE DIARY



#### Majlis Penyerahan Faedah

Majlis Penyerahan Faedah telah diadakan di Pejabat PERKESO Negeri Sarawak oleh YB Dato' Sri Richard Riot Jaem, Menteri Sumber Manusia pada 7 Februari 2014.



#### Benefit Presentation Ceremony

The Benefit Presentation Ceremony was held at the Sarawak State SOCSO Office by YB Dato' Sri Richard Riot Jaem, Minister of Human Resources on 7 February 2014.



#### Program PERKESO Bersama Media


Program PERKESO Bersama Media telah diadakan pada 14 - 15 Mac 2014 di Hotel Hilton Kuching, Sarawak. Majlis Perasmian dan Penutup telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia.



#### SOCSO with the Media Programme

The SOCSO with the Media Programme was held on 14 - 15 March 2014 at the Hilton Hotel, Kuching, Sarawak. The Officiating and Closing Ceremonies were graced by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, the Minister for Human Resources.

**DIARI KORPORAT**  
CORPORATE DIARY



**Majlis Pelancaran Buku *Guidelines on Impairment and Disability Assessment of Traumatic Injuries, Occupational Diseases and Invalidity 3rd Edition***

Majlis Pelancaran ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia mewakili YB Menteri Sumber Manusia di PWTC, Kuala Lumpur pada 18 Mac 2014.



**Guidelines On Impairment and Disability Assessment of Traumatic Injuries, Occupational Diseases and Invalidity 3rd Edition Book Launching Ceremony**

The Launching Ceremony was officiated by YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Deputy Human Resources Minister, representing the Human Resources Minister at PWTC, Kuala Lumpur on 18 March 2014.

**DIARI KORPORAT**  
CORPORATE DIARY



**Lawatan Rasmi Ketua Setiausaha  
Kementerian Sumber Manusia**

YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj. Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia telah membuat lawatan kerja ke Ibu Pejabat PERKESO pada 19 Mac 2014.



**Official Visit by the Chief Secretary  
to the Human Resources Ministry**

YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj. Kasim, Chief Secretary to the Human Resources Ministry, made a working visit to the SOCSO Headquarters on 19 March 2014.



**Kempen Perjalanan Selamat Ke Tempat  
Kerja Kebangsaan**


Majlis pelancaran telah diadakan di Mydin Mall, Seremban 2, Negeri Sembilan pada 12 April 2014 oleh YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia.



**National Safe Commuting to Work Campaign**

The launching ceremony was held at the Mydin Mall, Seremban 2, Negeri Sembilan, on 12 April 2014. It was officiated by YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Deputy Human Resources Minister.

**DIARI KORPORAT**  
CORPORATE DIARY



**Majlis Tandatangan Ikrar Integriti Korporat  
PERKESO Bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah  
Malaysia (SPRM)**

Majlis telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Pejabat PERKESO Negeri Selangor pada 6 Mei 2014.



**SOCSO Corporate Integrity  
Pledge Signing Ceremony with the Malaysian  
Anti-Corruption Commission (MACC)**

The ceremony was officiated by YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Deputy Human Resources Minister at the Selangor SOCSO State Office on 6 May 2014.

**DIARI KORPORAT**  
 CORPORATE DIARY

**Taklimat Kesedaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)**

Taklimat Kesedaran Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) anjuran Bahagian Perpendaharaan telah dilaksanakan di Hotel De Palma, Ampang, Selangor pada 8 Mei 2014. Taklimat disampaikan oleh penceramah jemputan dari Jabatan Kastam Diraja Malaysia.


**Awareness Briefing on the Goods and Services Tax (GST)**

An awareness briefing on the Goods and Services Tax (GST) was organised by the Treasury Division at Hotel De Palma, Ampang, Selangor on 8 May 2014. The briefing was conducted by a guest speaker from the Royal Malaysian Customs Department.


**Taklimat Cara Penggunaan Sistem MyBajet**

Sistem MyBajet adalah satu sistem yang dibangunkan oleh Unit Kawalan Bajet, Cawangan Kewangan, Bahagian Perpendaharaan bersama Bahagian Teknologi Maklumat bagi pengurusan penyediaan bajet menggunakan sistem. Taklimat mengenai cara penggunaan sistem ini telah diadakan di Ibu Pejabat dan Pejabat PERKESO mengikut zon bermula pada 15 hingga 27 Mei 2014.


**Briefing on the Use of the MyBajet System**

The MyBajet System was developed by the Budget Control Unit, Finance Branch, Treasury Division together with the Information Technology Division in order to manage budgetary preparations using the system. The briefing concerning the usage of the system was held at the Headquarters and SOCSO Offices according to zones from 15 to 27 May 2014.

**DIARI KORPORAT**  
CORPORATE DIARY

**Program Kelas Persediaan Peperiksaan dan Motivasi Anak Penerima Faedah PERKESO**

Program Kelas Persediaan Peperiksaan dan Motivasi Anak Penerima Faedah PERKESO telah dilaksanakan sejak tahun 1995. Program ini merupakan salah satu daripada tanggungjawab sosial korporat. Pada tahun 2014, PERKESO telah menjalankan program di 3 zon iaitu Zon Selatan, Zon Tengah dan Zon Utara melibatkan penglibatan seramai 761 pelajar.

**Examination Preparatory Class and Motivation Programme for SOCSO Benefit Recipients' Children**

Examination Preparatory Classes and Motivation Programmes for SOCSO Benefit Recipients' Children have been conducted since 1995. This programme is part of SOCSO's corporate responsibilities towards society. In 2014, SOCSO conducted programmes in 3 zones, that is, the Southern Zone, the Central Zone and the Northern Zone. The programmes involved a total of 761 students.



**DIARI KORPORAT**  
CORPORATE DIARY



### Sambutan Hari Pekerja

Sambutan Hari Pekerja diadakan setiap tahun bagi mengiktiraf sumbangan golongan pekerja dan majikan kepada pembangunan negara.

Sambutan Hari Pekerja 2014 telah diadakan pada 21 Jun 2014 di MITC, Ayer Keroh, Melaka. Sambutan ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia bersama Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem serta para tetamu khas yang hadir turut memeriahkan sambutan. Tema Hari Pekerja pada tahun ini adalah "Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi".

Sambutan Hari Pekerja 2014 menempa sejarah tersendiri apabila kumpulan kontinjen PERKESO seramai 200 orang telah dinobatkan sebagai Naib Juara Kontinjen Terbaik 2014.

### Labour Day Celebrations

Labour Day celebrations are held each year to recognise the contributions of the employees and employers to the development of the nation.

The Labour Day Celebration for 2014 was held on 21 June 2014 at MITC, Ayer Keroh, Melaka. The celebration was officiated by YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Prime Minister of Malaysia, together with the Minister for Human Resources, YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem as well as other special guests who were present. The theme for Labour Day 2014 was *Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi*.

The Labour Day 2014 celebrations made history when the SOCSO contingent of 200 people were chosen as the runners up for the Best Contingent 2014 competition.



**DIARI KORPORAT**  
CORPORATE DIARY

**Persidangan Serantau Return To Work 2014**

Persidangan Serantau *Return To Work* telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di PWTC, Kuala Lumpur pada 24 Jun 2014.



**Latihan Pengungsian**

Latihan ini telah berjaya diadakan pada 24 Disember 2014 dengan kerjasama semua anggota di Menara PERKESO. Latihan kali ini menekankan senario kebakaran di tempat letak kereta bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada Pasukan Penyelamat khususnya dalam tugas pengungsian dan menyelamat. Selain itu latihan ini turut menguji keupayaan sistem dan peralatan yang berkaitan dengan kebombaan agar sentiasa berfungsi pada setiap masa.

**Regional Return to Work Conference 2014**

The Regional Return to Work Conference 2014 was officiated by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, the Minister for Human Resources at PWTC, Kuala Lumpur on 24 June 2014.

**Evacuation Drill**

This exercise was successfully held on 24 December 2014 with the cooperation of all staff in Menara PERKESO. This exercise stresses fire scenarios in the parking lot with the aim of providing exposure to the Rescue Team especially in rescue and evacuation tasks. In addition, this exercise also tested the ability of systems and equipment related to fire emergencies so that they are always functioning at all times.



**DIARI KORPORAT**  
 CORPORATE DIARY

**Program Motivasi Anak-Anak Anggota PERKESO**

Program Motivasi Anak-Anak Anggota PERKESO ini adalah salah satu usaha bagi memberikan latihan persediaan kepada anak-anak anggota yang bakal menduduki Peperiksaan SPM dan PMR. Pada 2014, program ini telah diadakan mulai 3 hingga 6 Jun bertempat di Pusat Belia Antarabangsa, Kuala Lumpur dan disertai oleh 70 orang anak-anak anggota PERKESO.


**Program Turun Padang Menteri Sumber Manusia  
Dan Program Saringan Kesihatan PERKESO**

YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia telah merasmikan Program Saringan Kesihatan PERKESO semasa Program Turun Padang di Genting International Convention Centre, Genting Highlands, Pahang pada 28 November 2014.


**Motivational Programme for Children of SOCSO Staff**

This Motivational Programme for the Children of SOCSO Staff is an effort to provide preparatory training to staff's children who are going to sit for the SPM and PMR examinations. In 2014, this programme was held from 3 to 6 June at the International Youth Centre, Kuala Lumpur, and was attended by 70 children of SOCSO staff.


**'Program Turun Padang' by the Minister of Human Resources and the SOCSO Health Screening Programme**

YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, the Minister for Human Resources, officiated the SOCSO Health Screening Programme in conjunction with the *Program Turun Padang* held at the Genting International Convention Centre, Genting Highlands, Pahang, on 28 November 2014.

## DIARI KORPORAT CORPORATE DIARY



### Majlis Iftar dan Ramah Mesra PERKESO Bersama Media

Majlis Iftar dan Ramah Mesra PERKESO Bersama Media diadakan sebagai penghargaan di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan oleh pihak media kepada PERKESO bagi tujuan promosi dan publisiti. Majlis turut dihadiri oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia dan YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia.



### Program Bual Bicara

PERKESO telah mengadakan program bual bicara melalui media elektronik. Program ini bertujuan untuk memberi maklumat mengenai skim dan faedah yang disediakan oleh PERKESO kepada orang ramai.

### Talk Show Programme

SOCSCO held a Talk Show Programme through the electronic media. The programme was aimed at giving information regarding the schemes and benefits provided by SOCSO for the public.



### SOCSCO Iftar Ceremony and Get Together with the Media

An Iftar ceremony and a get together programme with the Media was held by SOCSO as an appreciation for the cooperation and support given by the media to SOCSO for promotions and publicity. The even was attended by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, the Minister for Human Resources, and YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Deputy Minister for Human Resources.

**DIARI KORPORAT**  
CORPORATE DIARY**Kursus Certified Medical Impairment Assessor (CMIA) 2014 dan Pelancaran Video Kemudahan Pemulihan PERKESO**

Kursus CMIA dan pelancaran video telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di Hotel Riverside Majestic, Kuching, Sarawak pada 29 September 2014.

**Certified Medical Impairment Assessor (CMIA) Course 2014 And SOCSO Rehabilitation Facility Video Launch**

The CMIA course and the video launch was officiated by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister for Human Resources at the Riverside Majestic Hotel, Kuching, Sarawak, on 29 September 2014.



**DIARI KORPORAT**  
CORPORATE DIARY



**Majlis Pendermaan Mesin Hemodialisis Kepada NKF**

Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia di Pusat Dialisis KAS-Rotary-NKF, Kuching, Sarawak pada 20 September 2014.



**Donation of Hemodialysis Machines to NKF**

The Donation Ceremony was officiated by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister for Human Resources at the KAS-Rotary-NKF Dialysis Centre in Kuching, Sarawak, on 20 September 2014.



**Lawatan Kerja Ke Telekom Malaysia**

Lawatan kerja ke Telekom Malaysia telah diadakan pada 18 Disember 2014 bertujuan mengadakan sesi perkongsian ilmu berkenaan analisa perbelanjaan yang merupakan elemen penting sebelum aktiviti perolehan dilaksanakan. Anggota perolehan yang menyertai lawatan ini telah didedahkan tentang kepentingan dan keperluan mengadakan *spending analysis* bagi memastikan perolehan yang dijalankan adalah benar, tepat serta mempunyai *value for money*.



**Working Visit to Telekom Malaysia**

A working visit to Telekom Malaysia was held on 18 December 2014 with the aim of sharing knowledge about spending analysis which is an essential element before procurement activities can be undertaken. Procurement staff participating in the working visit were exposed to the importance and the need for a spending analysis to ensure that procurement undertaken is true, accurate and has value for money.

**DIARI KORPORAT**  
CORPORATE DIARY**KUNJUNGAN DELEGASI LUAR NEGARA**  
VISIT BY FOREIGN DELEGATIONS

Lawatan Sambil Belajar Delegasi dari Employees Provident Fund, Nepal pada 12 - 14 Mac 2014

Study Tour by Nepal Employees Provident Fund Delegation on 12 - 14 March 2014



Lawatan Delegasi dari Gyeonggi Provincial Government, Republic of Korea pada 22 September 2014

Gyeonggi Provincial Government, Republic of Korea Delegation's Visit on 22 September 2014



Lawatan Delegasi Sekretariat Wakil Presiden, Kementerian Sekretariat Negara Republik Indonesia pada 26 November 2014

Visit of the Delegation from the Presidential Representative Secretariat, National Secretariat Ministry, Republic of Indonesia on 26 November 2014



Lawatan Delegasi Public Service Pension Fund, United Republic of Tanzania pada 3 Disember 2014

Visit by the Public Service Pension Fund Delegation from the United Republic of Tanzania on 3 December 2014

## DIARI KORPORAT CORPORATE DIARY

### Karnival GENEXTER 2014

PERKESO telah menyertai karnival GENEXTER 2014 anjuran Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri bersama agensi-agensi dan badan-badan kerajaan dan swasta yang lain di Dataran Putrajaya pada 8 - 9 November 2014. Semasa karnival tersebut, PERKESO telah menyediakan kaunter pertanyaan umum, pameran dan aktiviti saringan kesihatan.



### Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan dan Bulan Membaca PERKESO

Bulan Oktober merupakan Bulan Bahasa Kebangsaan dan Bulan Membaca PERKESO bersempena dengan Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan. Majlis Perasmian telah diadakan pada 2 Oktober 2014 di Ruang Legar Tingkat 19, Menara PERKESO dan disempurnakan oleh Datuk K. Selvarajah, Ketua Eksekutif PERKESO.

Objektif utama program adalah untuk menyemarakkan peranan bahasa kebangsaan dan membudayakan amalan membaca agar dapat melahirkan masyarakat berpengetahuan, pemikir dan kreatif. Menerusi pelbagai program yang telah dilaksanakan, sambutan Majlis Penutup Bulan Bahasa Kebangsaan dan Bulan Membaca PERKESO 2014 telah diadakan pada 11 November 2014 bertempat di Ruang Legar Tingkat 19, Menara PERKESO.

### GENEXTER Carnival 2014

SOCSO joined the GENEXTER 2014 carnival organised by the Welfare Association of the Wives of Ministers and Deputy Ministers with agencies and government bodies and the private sector in Putrajaya Square on 8 - 9 November 2014. During the carnival, SOCSO provided a counter for general inquiries, an exhibition and health screening activities.

### SOCSO National Language Month and Reading Month Celebrations

October was the SOCSO National Language Month and Reading Month in conjunction with the celebration of the National Language Month. The Opening Ceremony was held on 2 October 2014 at the Lobby Level 19, Menara PERKESO and officiated by Datuk K. Selvarajah, Chief Executive of SOCSO.

The main objective of the programme to enhance the role of the national language and to enculturate reading in order to create a knowledgeable society which is creative and are thinkers. Through various programmes that were implemented, the Closing Ceremony for the SOCSO National Language Month and Reading Month 2014 was held on 11 November 2014 at the Lobby Level 19, Menara PERKESO.



**DIARI KORPORAT**  
CORPORATE DIARY**Majlis Anugerah Kualiti dan Inovasi PERKESO**

Majlis Anugerah Kualiti dan Inovasi PERKESO telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Timbalan Menteri Sumber Manusia pada 18 November 2014 di Hotel Premiera, Kuala Lumpur.

**SOCSCO Quality and Innovation Award Ceremony**

The SOCSO Quality and Innovation Award Ceremony was officiated by YB Dato' Sri Hj Ismail bin Hj Abd. Muttalib, Deputy Minister of Human Resources on 18 November 2014 at the Hotel Premiera, Kuala Lumpur.



DIARI KORPORAT  
CORPORATE DIARY



**Anugerah Khidmat Cemerlang dan  
Khidmat Setia PERKESO**

Majlis Anugerah ini telah diadakan di PWTC Kuala Lumpur pada 25 Ogos 2014 yang dirasmikan oleh YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj. Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.

**SOCSCO Excellence Service and Loyal Service Awards**

The Award Ceremony was held at PWTC Kuala Lumpur on 25 August 2014, officiated by YBhg. Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj. Kasim, Chief Secretary to the Human Resources Ministry.



**DIARI KORPORAT**  
 CORPORATE DIARY

**Seminar Commuting Accident Prevention**

Seminar ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Menteri Sumber Manusia yang diadakan pada 9 Disember 2014 di Monash University Malaysia, Bandar Sunway, Selangor.


**Commuting Accident Prevention Seminar**

This seminar was officiated by YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem, Minister for Human Resources on 9 December 2014 at Monash University Malaysia, Bandar Sunway, Selangor.

**Aktiviti Persatuan Kebajikan dan Sukan PERKESO (KESPO)**

Sepanjang 2014, KESPO telah berjaya menganjurkan beberapa aktiviti antaranya Sukan Integrasi Kebangsaan, Hari Keluarga, Sambutan Hari Raya, Program Anak-Anak Taska Permata PERKESO dan lain-lain. Aktiviti ini dapat merapatkan hubungan silaturrahim sesama anggota di samping memupuk kerjasama dan meningkatkan produktiviti anggota.



Lawatan Taska Permata PERKESO / Taska Permata PERKESO Visit

**SOCSO Welfare and Sports Association (KESPO) Activities**

Throughout 2014, KESPO successfully organised a number of activities such as the National Integration Sports, Family Day, Hari Raya Celebrations, Taska Permata PERKESO Programme and others. These activities helped to strengthen the bonds between staff as well as encourage cooperation and increase productivity.



Pertandingan Badminton / Badminton Tournament

**DIARI KORPORAT**  
CORPORATE DIARY



Pertandingan Bola Tampar / Volleyball Tournament



Liga Futsal Wanita / Women's Futsal League



Kejohanan Ping Pong / Ping Pong Championships



Pertandingan Bola Jaring / Netball Tournament



Pertandingan Bola Sepak / Soccer Tournament



Pertandingan Karom / Carrom Tournament



Kunjungan Talent Corp - JPM / Visit by Talent Corp - JPM



Jamuan Hari Raya / Hari Raya Feast

**DIARI KORPORAT**  
 CORPORATE DIARY

**PENGURNIAAN DARJAH DAN PINGAT  
KEBESARAN**

Pada 2014, seramai 10 orang anggota PERKESO telah dianugerahkan darjah dan pingat kebesaran daripada Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Senarai penerima anugerah kebesaran adalah seperti di Jadual 25 berikut.

**TITLES AND AWARDS CONFERMENT**

In 2014, 10 of SOCSO's staff were conferred titles and awards from the Federal and State Governments. The list of recipients are shown in Table 25:

**JADUAL 25: SENARAI PENERIMA ANUGERAH KEBESARAN**

Table 25: List of Recipients of Awards

ANUGERAH / AWARD	PENERIMA / RECIPIENT	PEJABAT / OFFICE
<b>Johan Setia Mahkota (J.S.M.)</b>	Puan Hajah Samihah binti Md Razi	Pejabat Timbalan Ketua Eksekutif Deputy Chief Executive (Corporate) Office
<b>Kesatria Mangku Negara (K.M.N.)</b>	Puan Tan Bi Fong @ Tong Bi Fong	Bahagian Perbendaharaan Treasury Division
<b>Ahli Mangku Negara (A.M.N.)</b>	Puan Sarasvathi a/p Kanagaratnam	Pejabat Negeri Selangor Selangor State Office
<b>Ahli Mangku Negara (A.M.N.)</b>	Encik Mahzan bin Mohamad	Bahagian Teknologi Maklumat Information Technology Division
<b>Pingat Pangkuhan Negara (P.P.N.)</b>	Encik Ridzwan bin Mohd Jani	Bahagian Operasi Operations Division
<b>Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)</b>	Puan Rak Boon a/k Tan Rat	Pejabat Tapah Tapah Office

**DIARI KORPORAT**  
CORPORATE DIARY

ANUGERAH / AWARD	PENERIMA / RECIPIENT	PEJABAT / OFFICE
<b>Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.)</b>	Sharifah Nor Aini binti Syed Abdullah	<a href="#">Pejabat Negeri Melaka</a> Melaka State Office
<b>Pingat Bakti Masyarakat (P.B.M.)</b>	Encik Roslan bin Asmat	<a href="#">Pejabat Negeri Melaka</a> Melaka State Office
<b>Pingat Perkhidmatan Terpuji (P.P.T.)</b>	Cik Fazidah binti Hulaimi	<a href="#">Pejabat Negeri Sarawak</a> Sarawak State Office
<b>Pingat Perkhidmatan Terpuji (P.P.T.)</b>	Puan Chan Ngan Fung	<a href="#">Pejabat Bintulu</a> Bintulu Office

## MENINGKAT INCREASE

**19.98%**

**RM 722.11** juta million

### JUMLAH PENDAPATAN PERKESO

meningkat sebanyak RM722.11 juta atau 19.98% kepada RM4,335.49 juta berbanding RM3,613.38 juta pada tahun 2013

### SOC SO's TOTAL INCOME

increased by RM722.11 million or 19.98% to RM4,334.27 million in comparison with RM3,613.38 million in 2013

## MENINGKAT INCREASE

**12.73%**

**RM 325.61** juta million

### JUMLAH PERBELANJAAN PERKESO

meningkat sebanyak RM325.61 juta atau 12.73% kepada RM2,884.23 juta berbanding RM2,558.62 juta pada tahun 2013

### SOC SO's TOTAL EXPENDITURE

increased by RM325.61 million or 12.73% to RM2,884.23 million in comparison with RM2,558.62 million in 2013

## MENINGKAT INCREASE

**17.96%**

**RM 396.21** juta million

### PERBELANJAAN MENGURUS PERKESO

juga meningkat sebanyak RM60.33 juta atau 17.96% kepada RM396.21 juta berbanding RM355.88 juta pada tahun 2013, terutamanya berikutan peruntukan manfaat anggota bagi Saguhati Tamat Perkhidmatan yang berkuat kuasa mulai tahun 2014

### SOC SO's ADMINISTRATIVE EXPENDITURE

also increased by RM60.33 million or 17.96% to RM396.21 million compared to RM355.88 million in 2013, especially after the provision for End of Services Gratuity Payment which came into effect in 2014

## MENINGKAT INCREASE

11.93%

**RM2,488.02** juta  
million

### PERBELANJAAN TANGGUNGJAN PERKESO

meningkat sebanyak **RM265.28** juta atau **11.93%** kepada **RM2,488.02** juta berbanding **RM2,222.74** juta pada tahun **2013**, terutamanya berikutan peningkatan dalam bilangan kes-kes tuntutan faedah

#### SOCSCO's BENEFITS EXPENDITURE

increased by **RM265.28 million** or **11.93%** to **RM2,488.02 million** compared to **RM2,222.74 million** in **2013**, especially following the rise in benefit claims

## MENINGKAT INCREASE

37.59%

**RM396.50** juta  
million

### PENDAPATAN BERSIH PERKESO

meningkat sebanyak **RM396.50** juta atau **37.59%** kepada **RM1,451.26** juta berbanding **RM1,054.76** juta pada tahun **2013**

#### SOCSCO'S NET INCOME

increased by **RM396.50 million** or **37.59%** to **RM1,450.04 million** compared to **RM1,054.76 million** in **2013**



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Rizab serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan*

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persesembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang diletakkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persesembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesaan kawalan

dalamannya entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta perseimbahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.


*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia kecuali yang dinyatakan di perenggan *Emphasis of Matter*.

*Emphasis of Matter*

Tanpa menjelaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

Kesemua wang caruman yang diterima daripada majikan hendaklah direkodkan ke Akaun Bank dan maklumat caruman perlu dipindahkan ke rekod caruman majikan dan rekod caruman pekerja. Mengikut data yang dikemas kini setakat 12 Jun 2015, perbezaan terhadap rekod caruman majikan dan di Akaun Bank bagi tahun 2014 berjumlah RM25.46 juta iaitu rekod caruman majikan berjumlah RM2,664.70 juta berbanding di Akaun Bank berjumlah RM2,690.16 juta. Perbandingan rekod caruman majikan dan rekod caruman pekerja bagi tahun caruman 2014 mendapati perbezaan berjumlah RM604.42 juta. Penyesuaian terhadap perbezaan-perbezaan tersebut tidak disediakan. Perbezaan ini berlaku kerana masalah pelaksanaan sistem baru terutamanya dalam Modul Caruman yang digunakan pada 28 Mei 2014.

  
(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
18 JUN 2015



## **PENYATA KEWANGAN**

### FINANCIAL STATEMENTS

#### **PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**

STATEMENT BY THE CHAIRMAN AND A MEMBER OF THE BOARD  
SOCIAL SECURITY ORGANISATION

Kami, DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID dan DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbang, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,  
On behalf of the Board,

Nama / : **DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID**  
Name

Gelaran / : Pengerusi Lembaga PERKESO  
Title Chairman, Board of SOCSO

Tarikh / : **16 JUN 2015**  
Date

Tempat / : Kuala Lumpur  
Place

We, DATUK ABU HURAIRA BIN ABU YAZID and DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED being the Chairman and a Member of the Board of the SOCIAL SECURITY ORGANISATION do hereby state that, in the opinion of the Board, the accompanying Financial Statements which include the Balance Sheet, Income Statement, Statement of Changes in Reserves and Cash Flow Statement together with the notes to the Financial Statements are drawn up so as to give a true and fair view of the financial position of the SOCIAL SECURITY ORGANISATION as at 31 December 2014 and of the results and changes in the financial position for the year ended on that date.

Bagi pihak Lembaga,  
On behalf of the Board,

Nama / : **DATO' DR. MOHAMMED AZMAN BIN  
DATO' AZIZ MOHAMMED**  
Name

Gelaran / : Ketua Eksekutif PERKESO  
Title Chief Executive, SOCSO

Tarikh / : **16 JUN 2015**  
Date  
Tempat / : Kuala Lumpur  
Place


**PENYATA KEWANGAN**  
FINANCIAL STATEMENTS

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS  
PENGURUSAN KEWANGAN PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**

DECLARATION BY THE OFFICER PRIMARILY RESPONSIBLE FOR THE FINANCIAL MANAGEMENT  
OF SOCIAL SECURITY ORGANISATION

Saya, HJH. SAMIHAH BT. MD RAZI, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Rizab dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

I, HJH. SAMIHAH BT. MD RAZI, being the officer primarily responsible for the financial management and accounting records of the SOCIAL SECURITY ORGANISATION, do solemnly and sincerely declare that the following Balance Sheet, Income Statement, Statement of Changes in Reserves and Cash Flow Statement and the accompanying notes to the Financial Statements therein, to the best of my knowledge and belief, are correct and I make this solemn declaration conscientiously believing it to be true and by virtue of the provisions of the Statutory Declarations Act, 1960.



Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di KUALA LUMPUR pada 13 Mei 2015.

Subscribed and solemnly declared by the above named in KUALA LUMPUR on 13 May 2015.

**HJH. SAMIHAH BT. MD RAZI**

~~Timbalan Ketua Eksekutif (Korporat)  
Pertubuhan Keselamatan Sosial~~  
Deputy Chief Executive (Corporate)  
Social Security Organisation

Di hadapan saya,  
Before me,



**PESURUHJAYA SUMPAH**  
COMMISSIONER FOR OATHS

**PENYATA KEWANGAN**  
 FINANCIAL STATEMENTS

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014**

 SOCIAL SECURITY ORGANISATION  
 BALANCE SHEET AS AT 31 DECEMBER 2014

	NOTA NOTE	2014 (RM)	2013 (RM)
<b>ASET BUKAN SEMASA / NON-CURRENT ASSETS</b>			
Harta Tanah, Loji dan Peralatan / Property, Plant and Equipment	4	762,159,819	497,202,062
Kerja Dalam Pembinaan / Work in Progress	5	75,782,663	308,840,857
Pelaburan Dalam Instrumen Kewangan / Investment in Financial Instruments	6	10,942,900,332	9,499,240,675
Pinjaman / Loans	7	60,472,594	60,468,452
		<b>11,841,315,408</b>	<b>10,365,752,046</b>
<b>ASET SEMASA / CURRENT ASSETS</b>			
Pelbagai Penghutang / Sundry Debtors	8	136,927,721	123,695,216
Pelaburan Dalam Instrumen Kewangan / Investment in Financial Instruments	9	3,335,910,588	4,418,657,344
Deposit Dengan Institusi Kewangan Berlesen / Deposit with Licensed Financial Institutions	10	8,317,023,640	7,205,224,844
Baki Bank dan Wang Tunai / Bank Balances and Cash	11	50,678,027	74,580,220
		<b>11,840,539,976</b>	<b>11,822,157,624</b>
<b>LIABILITI SEMASA / CURRENT LIABILITIES</b>			
Pemutang dan Perbelanjaan Terakru / Creditors and Accrued Expenses	12	164,179,370	183,917,687
<b>ASET SEMASA BERSIH / NET CURRENT ASSETS</b>			
		<b>11,676,360,606</b>	<b>11,638,239,937</b>
<b>LIABILITI BUKAN SEMASA / NON-CURRENT LIABILITY</b>			
Geran Kerajaan / Government Grant	13	59,239,295	57,176,624
Peruntukan Bagi Manfaat Anggota / Provision for Staff Benefits	14	416,554,249	356,192,290
		<b>475,793,544</b>	<b>413,368,914</b>
		<b>23,041,882,470</b>	<b>21,590,623,069</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.  
 The accompanying notes form part of these financial statements.

**PENYATA KEWANGAN**  
FINANCIAL STATEMENTS

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014**

SOCIAL SECURITY ORGANISATION  
BALANCE SHEET AS AT 31 DECEMBER 2014

	NOTA NOTE	2014 (RM)	2013 (RM)
<b>Dibiayai oleh / Financed by:</b>			
<b>KUMPULAN WANG KESELAMATAN SOSIAL</b> Social Security Fund		22,978,503,598	21,529,941,900
<b>KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN</b> Housing Loan Fund		28,638,094	27,723,169
<b>KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN</b> Vehicle Loan Fund		4,492,024	4,076,671
<b>KUMPULAN WANG PENDAHULUAN KOMPUTER</b> Computer Advances Fund		212,736	208,177
<b>KUMPULAN WANG PINJAMAN PENDIDIKAN</b> Education Loan Fund		30,036,017	28,673,151
<b>SUMBANGAN KERAJAAN MALAYSIA</b> Contribution From Malaysian Government	15	1	1
		<b>23,041,882,470</b>	<b>21,590,623,069</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.  
The accompanying notes form part of these financial statements.

**PENYATA KEWANGAN**  
 FINANCIAL STATEMENTS

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

 SOCIAL SECURITY ORGANISATION  
 INCOME STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2014

	NOTA NOTE	2014 (RM)	2013 (RM)
<b>PENDAPATAN / INCOME</b>			
Caruman / Contributions		2,688,575,434	2,518,140,202
Pulangan Pelaburan / Investment Return	16	1,614,645,594	1,063,289,086
Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB)	17	7,710,904	8,998,363
Interest on Late Contributions (ILC)			
Faedah / Interest	18	2,075,074	1,922,938
Lain-lain Pendapatan / Other Income	19	22,483,336	21,024,522
<b>JUMLAH PENDAPATAN / TOTAL INCOME</b>		<b>4,335,490,342</b>	<b>3,613,375,111</b>
<b>PERBELANJAAN / EXPENDITURE</b>			
Belanja Tanggungan / Benefits Expenditure	20	(2,488,025,296)	(2,222,737,717)
Belanja Mengurus / Administrative Expenditure	21	(396,205,645)	(335,879,199)
<b>JUMLAH PERBELANJAAN / TOTAL EXPENDITURE</b>		<b>(2,884,230,941)</b>	<b>(2,558,616,916)</b>
<b>PENDAPATAN BERSIH TAHUN SEMASA</b>		<b>1,451,259,401</b>	<b>1,054,758,195</b>
<b>NET INCOME FOR CURRENT YEAR</b>			

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.  
 The accompanying notes form part of these financial statements.

**PENYATA KEWANGAN**  
FINANCIAL STATEMENTS

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

SOCIAL SECURITY ORGANISATION  
INCOME STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2014

	<b>2014</b> (RM)	<b>2013</b> (RM)
--	---------------------	---------------------

Agihan Pendapatan Bersih Tahun Semasa kepada:

Distribution of Net Income for Current Year to:

**KUMPULAN WANG KESELAMATAN SOSIAL / SOCIAL SECURITY FUND**

**BENCANA KERJA / EMPLOYMENT INJURY**

Rizab Teknikal / Technical Reserve

324,732,000

254,909,000

Rizab Luar Jangka / Contingent Reserve

33,304,000

28,309,000

Rizab Bebas / Free Reserve

899,866,090

719,413,256

**1,257,902,090**

**1,002,631,256**

**PENCEN ILAT / INVALIDITY PENSION**

191,359,608

50,610,460

**1,449,261,698**

**1,053,241,716**

**LAIN-LAIN KUMPULAN WANG / OTHER FUNDS**

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan / Housing Loan Fund

1,114,925

1,054,816

Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan / Vehicle Loan Fund

15,353

17,307

Kumpulan Wang Pendahuluan Komputer / Computer Advances Fund

4,559

5,730

Kumpulan Wang Pinjaman Pendidikan / Education Loan Fund

862,866

438,626

**1,997,703**

**1,516,479**

**1,451,259,401**

**1,054,758,195**

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

The accompanying notes form part of these financial statements.

**PENYATA KEWANGAN**  
FINANCIAL STATEMENTS

**PENYATA PERUBAHAN DALAM RIZAB**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

 STATEMENT OF CHANGES IN RESERVES  
FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2014

	Kumpulan Wang Keselamatan Sosial Social Security Fund					Lain-lain Kumpulan Wang Other Funds						
	Bencana Kerja / Employment Injury			Pencen Ilat Invalidity Pension	Jumlah Total	Pinjaman Perumahan Housing Loan	Pinjaman Kenderaan Vehicle Loan	Pendahuluan Komputer Computer Advances	Pinjaman Pendidikan Education Loan	Jumlah Total	Sumbangan Kerajaan Malaysia Contribution from Malaysian Government	Jumlah Besar Grand Total
	Rizab Teknikal Technical Reserve	Rizab Luar Jangka Contingent Reserve	Rizab Bebas Free Reserve									
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
<b>Baki pada 1 Januari 2013</b> Balance as at 1 January 2013	4,318,329,000	359,318,000	8,021,328,956	8,101,527,541	<b>20,800,503,497</b>	27,818,353	4,959,364	392,447	31,034,525	<b>64,204,689</b>	1	<b>20,864,708,187</b>
Pelarasan Tahun Lalu (Nota 25) Prior Year Adjustment (Note 25)	2,633,000	–	(183,248,107)	(148,228,206)	<b>(328,843,313)</b>	–	–	–	–	–	–	(328,843,313)
<b>Baki Dinyatakan Semula</b> Restated Balance	4,320,962,000	359,318,000	7,838,080,849	7,953,299,335	<b>20,471,660,184</b>	27,818,353	4,959,364	392,447	31,034,525	64,204,689	1	<b>20,535,864,874</b>
Pindahan Antara Kumpulan Wang Transfer Between Funds	–	–	5,040,000	–	<b>5,040,000</b>	(1,150,000)	(900,000)	(190,000)	(2,800,000)	<b>(5,040,000)</b>	–	–
Agihan daripada Pendapatan Bersih Distribution from Net Income	254,909,000	28,309,000	719,413,256	50,610,460	<b>1,053,241,716</b>	1,054,816	17,307	5,730	438,626	<b>1,516,479</b>	–	<b>1,054,758,195</b>
<b>Baki pada 31 Disember 2013</b> Balance as at 31 December 2013	4,575,871,000	387,627,000	8,562,534,105	8,003,909,795	<b>21,529,941,900</b>	27,723,169	4,076,671	208,177	28,673,151	60,681,168	1	<b>21,590,623,069</b>
<b>Baki pada 1 Januari 2014</b> Balance as at 1 January 2014	4,575,871,000	387,627,000	8,562,534,105	8,003,909,795	<b>21,529,941,900</b>	27,723,169	4,076,671	208,177	28,673,151	<b>60,681,168</b>	1	<b>21,590,623,069</b>
Pindahan Antara Kumpulan Wang Transfer Between Funds	–	–	(700,000)	–	<b>(700,000)</b>	(200,000)	400,000	–	500,000	<b>700,000</b>	–	–
Agihan daripada Pendapatan Bersih Distribution from Net Income	324,732,000	33,304,000	899,866,090	191,359,608	<b>1,449,261,698</b>	1,114,925	15,353	4,559	862,866	<b>1,997,703</b>	–	<b>1,451,259,401</b>
<b>Baki pada 31 Disember 2014</b> Balance as at 31 December 2014	4,900,603,000	420,931,000	9,461,700,195	8,195,269,403	<b>22,978,503,598</b>	28,638,094	4,492,024	212,736	30,036,017	<b>63,378,871</b>	1	<b>23,041,882,470</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.  
The accompanying notes form part of these financial statements.

**PENYATA KEWANGAN**  
FINANCIAL STATEMENTS

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

SOCIAL SECURITY ORGANISATION  
CASH FLOW STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2014

	<b>2014</b> (RM)	<b>2013</b> (RM)
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b> CASH FLOWS FROM OPERATING ACTIVITIES		
<b>Pendapatan Bersih Tahun Semasa / Net Profit for Current Year</b>	<b>1,451,259,401</b>	<b>1,054,758,195</b>
<b>Tambahan / (Kurangan) Pelarasan Bagi:</b> Add / (Deduct) Adjustments For:		
Pendapatan Dividen Pelaburan / Dividend Income from Investments	(106,554,161)	(154,086,137)
Pendapatan Faedah Pelaburan / Interest Income from Investments	(800,518,771)	(701,823,782)
Kerugian / (Keuntungan) Modal Pelaburan Loss / (Gains) on Capital Investments	(692,298,003)	(185,122,989)
Kerugian / (Keuntungan) Nyata Pertukaran Asing Realised Loss / (Gains) on Foreign Exchange	786,046	191,389
Kerugian / (Keuntungan) Pelupusan Harta Tanah, Loji dan Peralatan Loss / (Gains) from Disposal of Property, Plant and Equipment	(416,407)	(169,465)
Susut Nilai Harta Tanah, Loji dan Peralatan Depreciation of Property, Plant and Equipment	26,157,118	21,601,579
Manfaat Anggota / Staff Benefits	36,536,690	34,136,111
Pembalikan Peruntukan Hutang Ragu Pinjaman Pendidikan Reversal of Provision for Doubtful Debts on Education Loan	16,508	(83,737)
Hutang Ragu Belanja Tanggungan Doubtful Debts on Benefits Expenditure	340,965	263,040
Hapuskira Penghutang Pinjaman Pendidikan Education Loan Debtors Written off	1,480,756	1,669,051

**PENYATA KEWANGAN**  
FINANCIAL STATEMENTS

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

SOCIAL SECURITY ORGANISATION  
CASH FLOW STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2014

	<b>2014</b> <b>(RM)</b>	<b>2013</b> <b>(RM)</b>
Hapuskira Penghutang Tanggungan Benefits Debtors Written off	361,445	11,232
Hapuskira Pinjaman Pendidikan ke Biasiswa / Kematian Education Loan Written off to Scholarship / Death	23,028	451,979
Diskaun Penyelesaian Awal Pinjaman Pendidikan Education Loan Debtors Written off	—	26,825
Kerugian / (Pembalikan Kerugian) Nilai Buku Saham Loss / (Reversal of Loss) on Book Values of Shares	16,205,167	(1,173,183)
Kerugian / (Keuntungan) Pertukaran Asing Belum Realis Loss / (Gains) on Unrealised Foreign Exchange	(37,876,927)	(21,274,384)
	<b>(1,555,756,546)</b>	<b>(1,005,382,471)</b>
<b>Tunai Daripada Operasi Sebelum Perubahan Dalam Modal Kerja</b> Cash From Operations Before Changes In Working Capital	<b>(104,497,145)</b>	<b>49,375,724</b>
<b>Tambahan / (Kurangan) Dalam Modal Kerja:</b> Increase / (Decrease) in Working Capital:		
Penghutang dan Deposit Debtors and Deposits	5,154,120	(1,766,214)
Pelbagai Pembiutang dan Perbelanjaan Terakru Sundry Creditors and Accrued Expenses	(19,959,290)	95,832,172
	<b>(14,805,170)</b>	<b>94,065,958</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.  
The accompanying notes form part of these financial statements.

**PENYATA KEWANGAN**  
FINANCIAL STATEMENTS

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

SOCIAL SECURITY ORGANISATION  
CASH FLOW STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2014

	<b>2014</b> (RM)	<b>2013</b> (RM)
<b>Tunai Daripada Operasi Selepas Perubahan Dalam Modal Kerja</b> Cash From Operations After Changes In Working Capital	<b>(119,302,315)</b>	<b>143,441,682</b>
Pinjaman Anggota dan Pendidikan / Staff and Education Loans	(1,479,077)	(1,045,192)
Geran Kerajaan / Government Grant	2,062,672	1,792,097
Peruntukan bagi Manfaat Anggota / Provision for Staff Benefits	24,861,506	(2,417,261)
<b>TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b> NET CASH FROM OPERATING ACTIVITIES	<b>25,445,101</b> <b>(93,857,214)</b>	<b>(1,670,356)</b> <b>141,771,325</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b> CASH FLOW FROM INVESTMENT ACTIVITIES		
Perolehan Harta Tanah, Loji dan Peralatan Acquisition of Property, Plant and Equipment	(1,985,974)	(2,113,699)
Perolehan Kerja Dalam Pembinaan / Acquisition of Work In Progress	(56,888,905)	(189,288,607)
Sekuriti Kerajaan / Government Securities	(368,154,504)	(223,877,782)
Sekuriti Hutang Korporat / Corporate Debt Securities	(426,202,353)	310,373,427
Saham Tersiar Harga / Quoted Shares	1,146,627,673	(231,631,144)
Deposit Dengan Institusi Kewangan Berlesen Deposit with Registered Financial Institution	(650,000,000)	–
Dividen Diterima / Dividends Received	109,116,480	150,886,015
Faedah Diterima / Interests Received	778,822,059	697,651,609
Hasil Pelupusan Harta Tanah, Loji dan Peralatan Proceeds from Disposal of Property, Plant and Equipment	419,341	174,786

**PENYATA KEWANGAN**  
FINANCIAL STATEMENTS

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

SOCIAL SECURITY ORGANISATION  
CASH FLOW STATEMENT FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2014

	2014 (RM)	2013 (RM)
<b>TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b> NET CASH FROM INVESTMENT ACTIVITIES	<b>531,753,817</b>	<b>512,174,605</b>
<b>TAMBAHAN / (KURANGAN) BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b> NET INCREASE / (DECREASE) IN CASH AND CASH EQUIVALENTS	<b>437,896,603</b>	<b>653,945,931</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b> CASH AND CASH EQUIVALENTS AT THE BEGINNING OF THE YEAR	<b>6,629,805,064</b>	<b>5,975,859,133</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b> CASH AND CASH EQUIVALENTS AT THE END OF THE YEAR	<b>22</b>	<b>7,067,701,667</b>
		<b>6,629,805,064</b>

Nota-nota yang disertakan adalah merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.  
The accompanying notes form part of these financial statements.

**PENYATA KEWANGAN**  
FINANCIAL STATEMENTS

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL**  
**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN**  
**BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

SOCIAL SECURITY ORGANISATION  
NOTES TO THE FINANCIAL STATEMENTS FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2013

**1. MAKLUMAT KORPORAT DAN AKTIVITI UTAMA**

**1.1** Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) telah ditubuhkan sebagai Jabatan Kerajaan pada 1 Januari 1971 bagi menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969. Mulai 1 Julai 1985, PERKESO telah menjadi sebuah Badan Berkanun Persekutuan. PERKESO bertanggungjawab dalam memberi perlindungan keselamatan sosial kepada orang berinsurans dan tanggungan mereka yang layak menerusi pembayaran faedah di bawah Skim-Skim Keselamatan Sosial di samping meningkatkan kesedaran mengenai keselamatan dan kesihatan pekerja di Malaysia.

**1.2** PERKESO mentadbir dua jenis skim keselamatan sosial iaitu Skim Insurans Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Keilatan. Skim-skim ini memberi perlindungan kepada para pekerja dan tanggungan yang layak apabila berlakunya kejadian luar jangka yang menimpa pekerja berkenaan seperti bencana pekerjaan, keilatan dan kematian. Skim ini turut meliputi kemudahan pemulihan terhadap pekerja yang ditimpa bencana bagi membolehkannya kembali aktif dalam kehidupan harian dan kembali bekerja dengan secepat mungkin.

**1.3** Ibu Pejabat PERKESO terletak di Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur. PERKESO mempunyai 14 buah Pejabat Negeri dan 32 buah Pejabat PERKESO di seluruh negara.

**1. CORPORATE INFORMATION AND PRINCIPAL ACTIVITIES**

**1.1** Social Security Organisation (SOCSO) was established as a Government Department on 1 January 1971 to enforce the Employees' Social Security Act 1969. It became a Federal Statutory Body on 1 July 1985. SOCSO is responsible in providing social security protection to Insured Persons and their eligible dependants through payment of benefits under Social Security Schemes besides increasing the awareness on employee's safety and health in Malaysia.

**1.2** SOCSO administers two types of social security schemes, namely Employment Injury Scheme and Invalidity Scheme. These schemes provide protection to employees and their eligible dependants in the occurrence of unforeseen events to the employee such as employment injury, invalidity and death. These schemes also provide rehabilitation facilities for injured employees, allowing them to regain their active daily life and return to work as soon as permitted.

**1.3** SOCSO's Headquarters is located at Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur. It has 14 State Offices and 32 SOCSO offices nationwide.

**PENYATA KEWANGAN**  
 FINANCIAL STATEMENTS

**1.4** Bilangan keseluruhan anggota PERKESO pada akhir tahun kewangan semasa adalah seramai 2,159 orang (2013 : 2,109 orang).

**1.5** Penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 ini telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga PERKESO pada 12 Mac 2015.

**2. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

Secara umumnya, pelaburan PERKESO dalam instrumen pelaburan di dalam pasaran kewangan tempatan telah mendedahkannya kepada beberapa risiko kewangan semasa seperti risiko pasaran, risiko kadar faedah, risiko kredit, risiko kecairan, risiko pelaburan dan risiko operasi. Objektif dan polisi pengurusan risiko kewangan PERKESO adalah untuk memastikan bahawa dana modal pelaburan sentiasa terpelihara dan pulangan pelaburannya berada pada tahap optimum bagi membiayai perbelanjaan tanggungan dan mengurus dengan mengambil kira persekitaran kadar faedah dan pasaran kewangan tempatan yang sukar diramal dan sentiasa berubah.

**(a) Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merupakan risiko kerugian yang berpotensi berlaku disebabkan perubahan nilai portfolio pelaburan atau instrumen kewangan lain berikutan perubahan dalam pembolehubah pasaran seperti kadar faedah semasa, kesan pertukaran mata wang dan kesan perubahan harga saham di Bursa Malaysia. Pelaburan PERKESO dikendalikan oleh Pengurus Portfolio dan Pengurusan PERKESO sendiri. Risiko pasaran diuruskan dan diimbangkan dengan kaedah mempelbagaikan pendedahan pelaburan PERKESO dalam instrumen kewangan yang berkualiti dan berkecairan tinggi bagi tujuan pemeliharaan modal serta mengoptimumkan pulangan pelaburan kepada PERKESO.

**1.4** At the end of current financial year, SOCSO total employees stood at 2,159 (2013 : 2,109 employees).

**1.5** The financial statements for financial year ended 31 December 2014 were authorised for issue by the Board of SOCSO on 12 March 2015.

**2. FINANCIAL RISK MANAGEMENT OBJECTIVES AND POLICIES**

Generally, SOCSO's investments in domestic financial market's investment instruments have exposed it to several current financial risks such as market risk, interest rate risk, credit risk, liquidity risk, investment risk and operational risk. The objectives and policies of SOCSO's financial risk management are to ensure its investment capital fund is always preserved and the investment returns are optimised to finance its benefit and administrative expenditure considering the volatility and unpredictability of domestic interest rate and financial market.

**(a) Market Risk**

Market risk is the risk of potential losses due to changes in value of investment portfolio or other financial instruments reflected by changes in market variables such as current interest rates, the impact of currency exchange rates and changes in share prices listed on the Bursa Malaysia. SOCSO's investments are managed by Portfolio Managers and the SOCSO's Management themselves. The market risk is managed and balanced by diversifying the exposure of SOCSO's investments into quality and high liquidity financial instruments so as to preserve the capital as well as to optimise returns on investment to SOCSO.

**PENYATA KEWANGAN**  
FINANCIAL STATEMENTS

**(b) Risiko Kadar Faedah**

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan akan berubah berikutan sensitivitinya terhadap perubahan kadar faedah di pasaran semasa. Walau bagaimanapun, ia terhad kepada pelaburan jangka pendek dengan institusi kewangan berlesen dan pelaburan dalam sekuriti bon yang diuruskan oleh Pengurus Portfolio dan Pengurusan PERKESO. Pelaburan PERKESO di dalam sekuriti bon merupakan pelaburan jangka panjang dalam gred berkualiti tinggi yang dipegang untuk mengoptimumkan pulangan pelaburan.

**(c) Risiko Kredit**

Risiko kredit adalah risiko yang berlaku disebabkan oleh ketidakupayaan pihak yang berurusniaga memenuhi tanggungjawab pembayaran faedah atau pulangan pelaburan seperti yang telah dipersetujui ketika kontrak dikuatkuasakan. Pendedahan PERKESO terhadap risiko kredit adalah menerusi aktiviti-aktiviti pinjaman yang diberikan, urusniaga umum, penempatan tunai dan pelaburan di institusi kewangan berlesen. PERKESO menguruskan risiko kreditnya dengan memantau secara berterusan kedudukan kewangan dan keupayaan kredit pihak-pihak terbabit bagi memelihara kepentingannya dalam urusniaga terbabit.

**(d) Risiko Kecairan dan Aliran Tunai**

Risiko kecairan dan aliran tunai adalah risiko yang berlaku apabila dana yang diperlukan tidak mencukupi bagi memenuhi komitmen kewangan apabila ia perlu dijelaskan. PERKESO mengawasi aliran tunai keluar dan masuk yang diunjurkan sepanjang masa bagi memastikan bahawa kedudukan kewangannya sentiasa kukuh dan kecairan tunai sentiasa terjamin. Selain itu, PERKESO juga memastikan tahap kecairan aset adalah mencukupi dan tersedia ada apabila diperlukan melalui penempatan sejumlah tunai dan deposit mudah cair di institusi-institusi kewangan berlesen berdasarkan anggaran komitmen kewangan yang perlu diselesaikan.

**(b) Interest Rate Risk**

Interest rate risk is the risk of changes in financial instruments' value due to their sensitivity to changes in current interest rates. Nevertheless, the risk is restricted to short-term investments with licensed financial institutions and investments in bond securities managed by Portfolio Managers and SOCSO's Management. SOCSO's investment in bond securities are long-term investments in a high quality graded securities which are held to optimise investment returns.

**(c) Credit Risk**

Credit risk is the risk that occurs due to the inability of the parties involved in business transactions to meet the responsibility to pay the interest or investment returns as agreed when the contract is enforceable. SOCSO's exposure to credit risk is via lending activities, general business transactions, cash placements and investments with licensed financial institutions. SOCSO manages its credit risk by continuously monitoring the financial standing and credit worthiness of relevant parties to preserve its interest in the transaction involved.

**(d) Liquidity and Cash Flow Risk**

Liquidity and cash flow risk occurs when funds needed are inadequate to meet financial commitments as and when they fall due. SOCSO monitors the projected cash outflows and inflows at all times to ensure that its financial position remain steadfast with ample liquidity. In addition, SOCSO also ensure its assets liquidity level is sufficient and readily available upon needed by placement of a certain sum of cash and liquidable deposits at licensed financial institutions based on the estimated financial commitments that will due for settlement.

**PENYATA KEWANGAN**  
FINANCIAL STATEMENTS**(e) Risiko Pelaburan**

Risiko pelaburan adalah risiko di mana pelaburan yang tidak dapat memberi kadar pulangan yang dijangkakan dan termasuk keadaan di mana kemungkinan kehilangan sebahagian atau kesemua amaun yang dilaburkan. Pendedahan PERKESO kepada risiko pelaburan dikawal dengan pematuhan berterusan terhadap Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 serta Dasar dan Garis Panduan Pelaburan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa.

**(f) Risiko Operasi**

Risiko operasi merupakan risiko kerugian yang wujud berikutan kegagalan dalam proses kawalan dalam organisasi. Pendekatan pengurusan risiko operasi yang terancang dan konsisten diguna pakai PERKESO bagi menjajar strategi, polisi, proses, teknologi dan peningkatan pengetahuan di kalangan anggota bertujuan mewujudkan nilai tambah dan penambahbaikan berterusan terhadap proses kerja di samping mengamalkan urus tadbir korporat yang baik bertujuan memastikan kawalan dalaman yang menyeluruh dilaksanakan.

**(e) Investment Risk**

Investment risk is the risk where investment fails to deliver the expected rate of returns, including the possible risk of losing partially or the entire amount invested. SOCSO's exposure to investment risk is mitigated by continuous compliance to the Employees' Social Security Act 1969 and the Investment Policies and Guidelines as set out by the Ministry of Finance from time to time.

**(f) Operational Risk**

Operational risk is the risk of losses that exists due to the failure of organisation's internal control processes. Therefore, operational risk management approach is planned and consistently adopted by SOCSO to align its strategies, policies, processes, technologies and enhancing knowledge among its staff to create value add and continuous improvement of work processes in addition to practicing good corporate governance to ensure the implementation of comprehensive internal control.

**PENYATA KEWANGAN**  
FINANCIAL STATEMENTS

### 3. POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

#### 3.1 Asas Perakaunan

Penyata Kewangan PERKESO yang ditunjukkan di muka surat 192 hingga 200 telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah dan mematuhi keperluan piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia untuk diguna pakai oleh entiti persendirian ("PERS") seperti mana dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2007.

#### 3.2 Harta Tanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

- (a) Harta Tanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan rugi penjejasan nilai. Kerja dalam pembinaan dinyatakan pada kos dan akan dipindahkan ke Harta Tanah, Loji dan Peralatan setelah aset telah siap untuk digunakan. Tanah milik bebas dan kerja dalam pembinaan tidak disusut nilai. Harta Tanah, Loji dan Peralatan yang lain disusut nilai mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat kegunaannya pada kadar berikut:

### 3. SIGNIFICANT ACCOUNTING POLICIES

#### 3.1 Basis of Accounting

The SOCSO Financial Statements presented on pages 192 to 200 have been prepared in accordance with the historical cost convention and comply with the approved accounting standards of the Malaysian Accounting Standards Board to be adopted by private entities ("PERS") as stated in the Treasury Circular No. 4 Year 2007.

#### 3.2 Property, Plant & Equipment and Depreciation

- (a) Property, Plant and Equipment are stated at cost less accumulated depreciation and impairment losses. Work in progress is stated at cost and will be transferred to Property, Plant and Equipment when the asset is ready for use. Freehold property and work in progress are not depreciated. Other Property, Plant and Equipment are depreciated on a straight line basis based on their estimated useful lives at the following rates:

	2013	2014
<b>Tanah Pajakan</b> Leasehold Land		
Baki Tempoh Pajakan Remaining Leasehold Period	<b>Baki Tempoh Pajakan</b> Remaining Leasehold Period	<b>Baki Tempoh Pajakan</b> Remaining Leasehold Period
Bangunan Pejabat / Office Buildings	2%	2%
Ubah Suai Pejabat / Office Renovations	33 $\frac{1}{3}$ %	33 $\frac{1}{3}$ %
Kenderaan Bermotor / Motor Vehicles	20%	20%
Peralatan Pejabat / Office Equipment	10% – 20%	10% – 20%
Peralatan Vokasional / Vocational Equipment	20%	–
Peralatan Perubatan / Medical Equipment	20%	–
Peralatan Komputer / Computer Equipment	20%	20%
Komputer Peribadi / Personal Computers	33 $\frac{1}{3}$ %	33 $\frac{1}{3}$ %

**PENYATA KEWANGAN**

## FINANCIAL STATEMENTS

- (b) Peralatan Pejabat dan Komputer yang diperolehi pada kos yang kurang daripada RM1,000 seunit dan tidak memerlukan kepada penyelenggaraan berjadual disusut nilai sepenuhnya pada tahun perolehan dan dicajkan sebagai aset yang tidak dipermodalkan di dalam Penyata Pendapatan.
- (c) Penilaian semula ke atas harta tanah yang terdiri daripada tanah dan bangunan dilaksanakan bagi setiap tempoh lima (5) tahun atau pada tempoh yang lebih pendek apabila nilai saksama ke atas tanah yang dinilai semula dijangka menunjukkan perbezaan yang ketara dengan nilai dibawa harta tanah berkaitan.
- (d) Semakan dibuat ke atas amanu dibawa bagi harta tanah untuk mementukan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset telah mengalami rugi penjejasan nilai. Sekiranya petunjuk sedemikian wujud, rugi penjejasan nilai dikira dengan membandingkan amanu dibawa bagi harta tanah dengan nilai penilaian harta tanah dalam tahun semasa. Pembalikan akan dibuat ke atas rugi terjejas yang diiktiraf dalam sesuatu tahun apabila terdapatnya petunjuk bahawa rugi penjejasan nilai yang diiktiraf bagi harta tanah berkaitan tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Rugi penjejasan nilai diperuntukkan sekiranya nilai dibawa aset melebihi nilai boleh pulihnya seperti dinyatakan di Nota 3.12.
- (e) Keuntungan atau kerugian pelupusan Harta Tanah, Loji dan Peralatan ditentukan dengan membandingkan hasil pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset berkenaan dan perbezaan tersebut diiktiraf terus di dalam Penyata Pendapatan dalam tempoh ianya dilupuskan.
- (b) Office and computer equipments acquired at a cost less than RM1,000 per unit and which do not require scheduled maintenance are fully depreciated in the year of acquisition and charged as non-capitalised asset in the Income Statement.
- (c) Revaluation of properties consisting of land and buildings are carried out every five (5) years or at shorter intervals whenever the fair value of the land being revalued is expected to be significantly different from the carrying amount of respective properties.
- (d) A review is carried out on the carrying amount of properties to determine whether there are any indications that an asset has suffered from an impairment loss. If such indications exist, impairment loss is calculated by comparing the carrying amount of the property with the valuation amount of the property in the current year. A reversal on impairment loss recognised in a particular year is made when there are indications that impairment loss recognised for the respective properties are no longer exist or have decreased. Impairment loss is provided if the carrying amount of asset exceeds its recoverable amount as stated in Note 3.12.
- (e) Gains or losses on the disposal of Property, Plant and Equipment are determined by comparing the net proceeds from the disposal with the carrying amount of the asset and the difference is immediately recognised in the Income Statement in the period they are disposed.

**PENYATA KEWANGAN**  
FINANCIAL STATEMENTS

### 3.3 Asas Penilaian Pelaburan

Pelaburan PERKESO dalam instrumen kewangan terdiri daripada pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan, Sekuriti Hutang Korporat, Saham Tersiar Harga dan dalam dana yang diurus oleh Pengurus Portfolio.

- (a) Sekuriti Kerajaan dan Sekuriti Hutang Korporat serta lain-lain sekuriti bon dinyatakan pada nilai kos dan diselaraskan dengan pelunasan premium dan diskau berdasarkan kadar faedah efektif dari tarikh pembelian hingga ke tarikh matang. Peruntukan bagi penjejasan nilai pelaburan bagi sekuriti berkenaan dibuat sekiranya Panel Pelaburan PERKESO berpendapat bahawa ianya perlu diperuntukkan.
- (b) Pelaburan dalam Saham Tersiar Harga adalah dinyatakan pada nilai kos atau nilai pasaran, yang mana terendah pada akhir tahun kewangan. Nilai kos ditentukan berdasarkan kos belian saham manakala harga pasaran adalah berdasarkan pada harga penutup saham pada tarikh Lembaran Imbangsan.

Peruntukan bagi rosot nilai pelaburan saham yang belum direalis akan dibuat berdasarkan nilai agregat portfolio saham terhadap perbezaan di antara nilai kos saham dan harga pasaran saham, yang mana terendah pada tarikh Lembaran Imbangsan berdasarkan piawaian perakaunan IAS 25. Sekiranya harga pasaran saham lebih tinggi daripada nilai kos saham pada tahun berikutnya atau pada tarikh jualan berikutnya, maka sebarang kerugian belum direalis tersebut akan diselaraskan sebagai pembalikan peruntukan rosot nilai, terhad kepada amaun yang telah diperuntukkan sebelumnya.

### 3.3 Basis of Investment Valuation

SOCSCO's investments in financial instruments consist of investment in Government Securities, Corporate Debt Securities, Quoted Shares and in the funds managed by Portfolio Managers.

- (a) Government Securities, Corporate Debt Securities and other bond securities are stated at cost and adjusted for amortisation of premiums and discounts based on the effective interest rate from the date of purchase to the date of maturity. The provision for impairment of investment securities is made if SOCSO's Investment Panel is in the opinion that it should be properly accounted for.
- (b) Investment in Quoted Shares are stated at cost or market value, whichever is lower at the end of the financial year. The cost is determined based on the purchase cost of shares while the market price is based on the closing price of shares at the Balance Sheet date.

Provision for diminution in value of unrealised investment in shares will be made based on the aggregate value of shares portfolio for the difference between the cost of shares and shares market price, whichever is lower at the Balance Sheet date based on the IAS 25. If the market price of the shares is higher than the cost of shares in the subsequent year or on the subsequent sales date, any unrealised loss will be adjusted as reversal of the provision, but limited to the amount which has been provided earlier.

**PENYATA KEWANGAN**  
 FINANCIAL STATEMENTS

**3.4 Pengiktirafan Pendapatan**

- (a) Caruman diiktiraf atas asas terimaan tunai.
- (b) Faedah Caruman Lewat Bayar (FCLB) diiktiraf pada asas terimaan tunai.
- (c) Faedah atas Sekuriti Kerajaan, Sekuriti Hutang Korporat, Simpanan Tetap dan Deposit Jangka Pendek diiktiraf mengikut asas akruan dengan mengambil kira kadar faedah efektif, di mana perlu.
- (d) Dividen pelaburan saham diiktiraf apabila hak pemegang saham untuk menerima bayaran dividen telah dapat dipastikan.
- (e) Faedah di atas Pinjaman Pendidikan diiktiraf mengikut asas akruan berdasarkan kaedah baki berkurangan (*reducing balance method*).
- (f) Pendapatan sewa ruang pejabat diiktiraf mengikut asas akruan berdasarkan perjanjian sewaan yang masih berkuat kuasa.
- (g) Kompaun diakaunkan secara tunai dalam tahun ianya diterima.

**3.5 Geran Kerajaan**

Geran yang diterima daripada kerajaan merupakan geran berbentuk tunai dan hanya akan diiktiraf pada nilai saksama apabila hak terhadap penerimaan geran tersebut telah dikenalpasti dan PERKESO memenuhi segala syarat yang disertakan bersama geran tersebut.

Geran kerajaan yang berkaitan dengan kos akan ditunda dan diiktiraf dalam penyata pendapatan ke atas tempoh dikehendaki untuk dipadankan dengan kos yang hendak dibayar balik.

**3.4 Revenue Recognition**

- (a) Contributions are recognised on cash basis.
- (b) Interest on Late Contributions (ILC) is recognised on cash basis.
- (c) Interest on Government Securities, Corporate Debt Securities, Fixed Deposits and Short Term Deposits are recognised on accrual basis taking into account the effective interest rate, where applicable.
- (d) Dividends from investment in shares are recognised when the shareholders' right to receive payment of dividend have been established.
- (e) Interest on Education Loan is recognised on accrual basis based on reducing balance method.
- (f) Interest from rental of office space is recognised on accrual basis based on enforceable rental agreement.
- (g) Compounds are accounted on cash basis in the year they are received.

**3.5 Government Grant**

Grant received from government represents grant received in cash form and will only be recognised at fair value when the right to receive this grant has been identified and that SOCSO fulfills all the conditions attached to the grant.

Government grant relating to costs are deferred and recognised in the income statement over the period required to be matched with the repayment costs.

**PENYATA KEWANGAN**  
FINANCIAL STATEMENTS

### 3.6 Pinjaman Anggota

Pinjaman anggota PERKESO dinyatakan pada kos dan pembayaran balik pinjaman oleh anggota adalah menerusi skim potongan gaji. Baki pinjaman akan diselaraskan nilainya sekiranya Lembaga PERKESO berpendapat bahawa peruntukan hutang rugu perlu dibuat terhadap ansuran pinjaman yang tertunggak atau tidak membayar.

Terdapat 3 jenis skim pinjaman yang ditawarkan kepada anggota PERKESO pada kadar caj perkhidmatan yang diluluskan oleh Lembaga PERKESO berdasarkan terma dan syarat perkhidmatan sebagaimana berikut:

- (a) Pinjaman Perumahan
- (b) Pinjaman Kenderaan
- (c) Pendahuluan Komputer

Dana yang digunakan untuk membiayai pinjaman ini diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Keselamatan Sosial. Tahap peruntukan dana daripada Kumpulan Wang Keselamatan Sosial ini adalah tertakluk kepada had aman yang diluluskan oleh Lembaga PERKESO.

### 3.7 Tabung Pinjaman Pendidikan PERKESO

Tabung Pinjaman Pendidikan PERKESO merupakan satu kemudahan pendidikan dalam bentuk pinjaman atau biasiswa kepada anak tanggungan seseorang berinsurans yang menerima bayaran faedah secara berkala, yang memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh PERKESO bagi mengikuti pengajian di mana-mana institusi pengajian tinggi di Malaysia. Faedah ini termaktub di dalam peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 57A, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

Dana yang digunakan adalah diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Keselamatan Sosial secara berperingkat-peringkat berdasarkan permohonan-permohonan pinjaman pendidikan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pinjaman Pendidikan PERKESO.

### 3.6 Staff Loan

SOCSCO's staff loans are stated at cost and repayment of loan by employees is via salary deduction scheme. The value of loan balances will be adjusted if the Board of SOCSO is in the opinion that provision for doubtful debts has to be made against the outstanding or unpaid loan installment.

There are 3 types of loan scheme offered to SOCSO's staff at service charge rates approved by the Board of SOCSO based on terms and conditions of service as follows:

- (a) Housing Loan
- (b) Vehicle Loan
- (c) Computer Advances

The fund used to finance these loans is allocated from the Social Security Fund. The amount of fund allocation from the Social Security Fund is subject to the limits approved by the Board of SOCSO.

### 3.7 SOCSO's Education Loan Fund

SOCSCO's Education Loan Fund is an educational facility provided in the form of loans or scholarships to children of an insured person receiving periodical benefit payments, who fulfill the eligibility conditions as set out by SOCSO, to study at any institutions of higher learning in Malaysia. This benefit is embodied in the provisions of the law under Section 57A, Employees' Social Security Act 1969.

The fund is allocated from the Social Security Fund, disbursed in stages based on applications for education loans that have been approved by the SOCSO's Education Loan Committee.

**PENYATA KEWANGAN**  
 FINANCIAL STATEMENTS

Pinjaman ini dinyatakan pada kos dan tertakluk kepada caj perkhidmatan serta terma-terma dan syarat-syarat perjanjian yang telah dipersetujui bersama di antara PERKESO dan peminjam serta penjamin pinjaman. Baki pinjaman akan diselaraskan nilainya sekiranya Lembaga PERKESO berpendapat bahawa peruntukan hutang rugu atau hapus kira perlu dibuat terhadap baki pinjaman yang tidak berbayar dan amaun pinjaman yang ditukar statusnya kepada biasiswa.

### 3.8 Pelbagai Penghutang

Pelbagai penghutang dinyatakan pada kos selepas ditolak peruntukan hutang rugu sekiranya Lembaga PERKESO berpendapat bahawa peruntukan hutang rugu perlu dibuat terhadap baki penghutang yang tidak berbayar dan hutang rugu dihapus kira setelah dikaji dan dikenal pasti secara spesifik pada tarikh Lembaran Imbangan.

### 3.9 Peruntukan Bagi Manfaat Anggota

#### (a) Manfaat Jangka Pendek

Gaji, bonus dan caruman PERKESO diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh pekerja. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh anggota manakala ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran anggota untuk bekerja berlaku.

#### (b) Pelan Caruman Tetap

